

"KECEMERLANGAN itulah erat ICT turut mencetuskan hasrat kerajaan beta untuk komited dalam pelaksanaan e-Kerajaan, dalam mana anggota Perkhidmatan Awam perlu menerima cabaran perubahan cara bekerja serta mewujudkan budaya kerja baru yang mementingkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang teknologi info komunikasi." - Titah Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-10 pada 4 Oktober 2003.

Pelita BRUNEI

قليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"Dari Ibnu Omar: Dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya, selama nyawanya belum sampai di kerongkongnya." - Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmidzi.

TAHUN 51 BILANGAN 19

RABU 10 MEI 2006/1427 رابو 12 ربيع الأخير

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengalu-alukan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohammed, bekas Perdana Menteri Malaysia di Majlis Santap Malam. Berangkat sama ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Sebuah lagi hospital besar akan dibina

BERAKAS, Ahad, 30 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menegaskan, Kementerian Kesihatan telah membuat perancangan strategi dengan mempertimbangkan cadangan membina sebuah lagi rumah sakit besar baru atau hospital wanita dan kanak-kanak bagi mengurangkan kesesakan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Katanya, cadangan pembinaan hospital baru itu juga sekali gus membolehkan kementerian mengembangkan perkhidmatan dalam bidang keperawatan lain.

Yang Berhormat mengumumkan perkembangan itu di Majlis Muzakarah Antara Kementerian Ke-

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

sihatan Bersama Doktor Swasta dan Doktor Agensi Lain bertempat di sebuah pusat membeli-belah di Jalan Muara hari ini.

"Apa yang menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan ialah berusaha meningkatkan infrastruktur penjagaan kesihatan yang termasuk mengubah suai segala kemudahan di Rumah Sakit RIPAS dan lain-lain hospital di negara ini," jelasnya.

Tambahnya, tujuh buah bilik bedah baru sejak tahun 2004 lalu telah siap dan sekarang dalam pembinaan blok A dan E sebagai tambahan yang ada sekarang, memandangkan kes-kes trauma semakin meningkat dan kemudahan yang ada sekarang sudah

tidak berupaya bagi menampungnya.

Selain itu, Yang Berhormat juga mendedahkan yang peningkatan kemudahan juga dijalankan di hospital Kuala Belait dan Tutong sebagai memenuhi keperluan pesakit di kawasan-kawasan itu termasuk menyediakan dua buah wad di Tutong sebagai wad isolasi bagi pesakit berjangkit, di samping membina blok kekal.

Sementara di Temburong, menurut Yang Berhormat, usaha juga sedang dijalankan bagi meningkatkan segala perkhidmatan perawat dan kesihatan dalam usaha menjimatkan masa menghantar pesakit ke Rumah Sakit RIPAS kecuali kes-kes yang sangat serius.

👉 Lihat muka 16

Dianugerah
'Bintang
Darjah
Utama
Bakti
Cemerlang'

Oleh Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn
dan Siti Muslihat Haji Salleh
muslihat.salleh@information.gov.bn

SINGAPURA, Isnin 8 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei dianugerahkan 'Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang' yang disembahkan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Presiden S R Nathan.

Berangkat sama di upacara penganugerahan bintang tersebut ialah

Kebawah DYMM raikan bekas PM Malaysia

Oleh Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Majlis Santap Malam kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohammed di Restoran Pantai Empire Hotel and Country Club di sini.

Ketibaan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah dialukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohammed berada di negara ini bagi lawatan selama tiga hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei ketika dianugerahkan 'Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang' yang disembahkan oleh Presiden Republik Singapura, TYT S R Nathan di Istana Negara. (Lagi berita dan gambar dimuatkan muka 8 dan 9).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman.

Penganugerahan 'Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang' adalah bagi mengenang jasa dan sumbangan cemerlang Duli

Yang Teramat Mulia ke arah mengeratkan hubungan dan kerjasama erat dua hala antara Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Republik Singapura serta meningkatkan lagi hubungan baik kedua-dua buah negara.

👉 Lihat muka 16



ANTARA YANG MENARIK

Kan Halnya : SMS :
Jangan turuti
keiskian

- Muka 6

Haluan :
Pendidikan Jasmani
penting pupuk
pertumbuhan,
perkembangan
pelajar-pelajar

- Muka 10

Lawatan Rasmi
DYTM dan YTM ke
Republik Singapura
- Muka 8 & 9

Seruan Suci :
Bertaubatlah kamu
sebelum terlambat

- Muka 4 ANEKA

Menuju keredaan
Allah

- Muka 5 ANEKA

TAHUKAH AWDA

"BAGI menjaga kepentingan awam di negara ini pelbagai langkah telah diambil, dilaksanakan dan diusahakan oleh pihak berwajib terutamanya dalam soal kebersihan. Tahukah awda bahawa Menurut Bab 30 (Chapter 30) Seksyen 12 menjelaskan bahawa: 'Barang siapa yang didapati membuang sisa-sisa buangan atau barang-barang yang membahayakan ke kawasan-kawasan orang ramai atau tempat awam akan didenda, bagi kesalahan pertama sebanyak \$1,000. Kalau didapati membuat kesalahan yang sama bagi kali kedua dan seterusnya akan didenda sebanyak \$3,000.' Sumber Bahagian Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei.



دشن نام الله يغمها
قمره دان مها فبايغ

Dari Sidang Pengarang

10 MEI 2006 BERSAMAAN 1427 ربيع الأخير 12

MUFAKAT MEMBAWA BERKAT

DALAM usaha berterusan menjana pembangunan dan kemajuan, perimustahaknya kita mewujudkan suasana dan iklim serta kondusif yang tenteram, aman, selamat tanpa sebarang gangguan. Elemen-elemen ini amatlah kita perlukan dalam membawa Negara Brunei Darussalam terus cemerlang di bidang pembangunan. Lebih jauh dari itu, suasana sedemikian juga akan mendorong orang luar untuk melabur dan berniaga di Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada itu, keadaan rukun damai dan harmoni hendaklah kita pertahankan serta dipelihara, di mana sebarang unsur yang membawa kepada perpecahan dan pertelingkahan di kalangan masyarakat hendaklah kita selesaikan melalui perundingan dan permuafakatan. Kita penuh percaya dengan permuafakatan disandari lagi dengan perpaduan sejati, kerjasama dan persefahaman yang erat telah membolehkan kita meneruskan kesinambungan pembangunan dengan lancar dan jayanya.

Tidak syak lagi, muafakat adalah elemen yang cukup penting dalam kita beria-ia untuk membangun negara. Untaian muafakat yang kita warisi sejak zaman-berzaman itu telah mencemerlangkan bangsa dan negara. Dalam apa situasi sekalipun, baik dalam senang mahupun susah, bangsa kita menyelesaikan segala masalah yang timbul, perselisihan yang wujud dan isu-isu sensitif yang ada dengan kaedah permuafakatan dan berunding secara ikhlas.

Inilah sebenarnya, ciri-ciri orang Brunei yang jarang terdapat di tempat lain. Kita bukanlah bermaksud untuk bermegah atau 'angkat bakul sendiri', tetapi itulah realitinya. Begitu juga dalam mengatasi isu-isu kebangsaan dan benegara, kita masih mengutamakan budaya berunding dan bermuafakat. Kita tidak gelabah dan menuding jari ke mana-mana pihak, tetapi akan menyelesaikan sesama sendiri atau dipanjangkan kepada pihak-pihak berkenaan bagi penyelesaian yang lebih berkesan. Kita tidak akan mengambil jalan pintas dan membuat 'hukum' sendiri, tetapi lebih rela menjalaninya dengan muafakat, kerana kita percaya muafakat itu membawa berkat.

Ibarat kata pepatah 'bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat dan muafakat itu adalah berkat', jelas Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim semasa melancarkan Projek Menjejak Kampung Kali Ke-3 yang diadakan di Daerah Temburong baru-baru ini.

Perpaduan dan permuafakatan juga adalah elemen penting dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan bersama seperti juga tujuan penubuhan Skim Pengawasan dan Kejuruan Kampung. Dengan cara ini setiap penduduk dapat bergabung tenaga dan sentiasa bekerjasama dengan pihak agensi-agensi keselamatan dalam memastikan ketenteraman serta keselamatan.

Dalam konteks ini, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang ditubuhkan di seluruh negara juga berperanan penting dalam mengurus, mengatasi, dan menghuraikan sebarang masalah secara perundingan dan permuafakatan di antara penduduk mukim dan kampung sesama sendiri. Kita penuh percaya melalui wadah berkenaan, semua permasalahan dan isu-isu berbangkit dapat ditangani dengan bijaksana tanpa pertelingkahan dan perpecahan serta pertikaman lidah.

Begitulah cantiknya muafakat yang menjadi teras dalam menyelesaikan sesuatu isu. Berkat muafakat yang wujud di kalangan masyarakat telah membolehkan kita menikmati kehidupan rukun damai, harmoni dan menikmati angin pembangunan yang dinamik serta progresif.

Walau bagaimanapun dalam membangun negara kita tidak akan terikut-ikut dengan rentak dan gaya orang lain. Kita sedia mempunyai ciri-ciri kenegaraan yang luhur yang terbukti telah memberikan jaminan keamanan dan keselamatan seperti yang kita nikmati sekarang. Begitu juga kita hanya akan menerima 'angin perubahan' yang baik saja yang tidak menjejaskan nilai-nilai murni ke Brunei yang bukan diimport dari luar negara. Nilai-nilai Brunei itu antaranya taat kepada raja, bersopan santun, patuh kepada undang-undang dan peraturan negara.

Semogalah untai muafakat yang telah lama bersemi dalam kehidupan kita akan terus memberikan kelangsungan kepada pembangunan yang positif. Apa yang penting ialah kita harus melihat masalah-masalah yang berbangkit dengan sikap yang insaf dan mencari huraian dengan penuh sikap bertanggungjawab.



Lantikan Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi perlantikan pegawai-pegawai berikut:

Awang Lim Jock Hoi, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dan Perdagangan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Bahagian Perdagangan Antarabangsa) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; dan Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Bahagian ASEAN) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, tarikh lantikan pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai pada hari Isnin, 10 Rabiulakhir 1427H bersamaan 8 Mei 2006M.



AWANG Lim Jock Hoi dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Bahagian Perdagangan Antarabangsa), di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



PUAN Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Bahagian ASEAN) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Demokratik Republik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Awang Haji Sidek bin Ali dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Demokratik Republik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somsavat Lengsavat bersama-sama memotong kek Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 di Lao Plaza Hotel, Vientiane (atas kiri), sementara gambar atas kanan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Zainal bersama Menteri Keadilan UAE, Tuan Yang Terutama Mohamed bin Nakhira Al-Dhaheri memotong kek Hari Kebangsaan Ke-22 di Al Qasr Ballroom, Hilton Hotel, Abu Dhabi, UAE.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Adnan bersama Datin dan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di UAE semasa Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Ke-22.

Sambutan Hari Kebangsaan di luar negara

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Demokratik Republik Rakyat Lao dan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) masing-masing telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 pada bulan Februari yang lalu.

Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Demokratik Republik Rakyat Lao mengadakan upacara sambutan Hari Kebangsaan pada 22 Februari bertempat di Lao Plaza Hotel, Vientiane dengan dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Demokratik Republik Rakyat Lao, TYT Somsavat Lengsavat.

Kemuncak pada sambutan itu, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Demokratik Republik Rakyat Lao, TYT

Haji Sidek bin Ali dan TYT Somsavat Lengsavat bersama-sama memotong kek Hari Kebangsaan.

Sementara itu Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Abu Dhabi, UAE, mengadakan Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada 26 Februari bertempat di Al Qasr Ballroom, Hilton Hotel, Abu Dhabi, UAE.

Menghadiri majlis tersebut ialah Menteri Keadilan UAE, TYT Mohamed bin Nakhira Al-Dhaheri.

Tetamu kehormat, TYT Mohamed bin Nakhira Al-Dhaheri bersama Duta Besar Negara Brunei Darussalam, TYT Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Zainal memotong kek resepsi.

Kenaikan pangkat dan pertukaran jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa pegawai-pegawai berikut telah ditetapkan jawatan ditukar jawatan, dinaikkan pangkat dan pertukaran jawatan.

Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah di Jabatan Kehakiman Negara ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah mulai 1 Oktober 2005.

Sheikh Haji Fadilah bin Sheikh Haji Ahmad; Pemangku Pengarah Politik I di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pengarah Politik I di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mulai 6 Zul-

kaedah 1426/8 Disember 2005.

Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Ketua Unit Dasar dan Penyelidikan/Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ditukar jawatannya menjadi Timbalan Pengarah Pertanian di Jabatan Pertanian mulai 8 Jamadilawal 1426/15 Jun 2005.

Dayang Hajah Airah binti Haji Abdullah; Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Perhubungan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Timbalan Pengarah Pengangkutan Darat di Jabatan Pengangkutan Darat mulai 28 Syawal 1426/1 November 2005.

Awang Haji Matnor bin Haji Salleh, Ketua Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara di Jabatan Penerbangan Awam dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Penerbangan Awam di Jabatan Penerbangan Awam mulai 28 Syawal 1426/1 November 2005.

Awang Muhammad Reduan bin Haji Yusof, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Syarikat Minyak Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad (Petroleum Brunei) ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 14 Syawal 1426/16 November 2005.

Awang Roslan bin Tajah, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan

mulai 1 Zulhijah 1426/1 Januari 2006.

Awang Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 1 Zulhijah 1426/1 Januari 2006.

Awang Haji Mohammad Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 1 Zulhijah 2006/1 Januari 2006.

Awang Mohammad Ramli bin Haji Zulkifli, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 5 Safar 1427/5 Mac 2006.

Awang Haji Hasmiron bin Awang Haji Mohd. Taib, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kewangan ditukar ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dalam jawatan yang dipangkunya pada masa ini iaitu sebagai sebagai Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan mula 3 Rabiulakhir 1427/1 Mei 2006; dan

Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain Mohd. Hussin, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditukar ke Kementerian Kewangan dalam jawatan yang sama iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat Khas mulai 3 Rabiulakhir 1427/1 Mei 2006.

Keperluan pembangunan sumber manusia diutamakan

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

JERUDONG, Selasa, 25 April. - Penstrukturan semula organisasi Kementerian Pendidikan dihasratkan akan dapat menyahut kehendak keperluan pembangunan sumber manusia negara ini di masa akan datang.

Perkara itu telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Majlis Perjumpaan Bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Kerajaan Seluruh Negara di Kelab Polo, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pembentukan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia antara lain berfungsi bagi mempertingkatkan lagi profesionalisme tenaga-tenaga pengajar.

Penubuhan Pejabat Pengurusan Strategi pula, jelas Yang Berhormat, bertujuan untuk memastikan pelan-pelan tindakan strategik Kementerian berkenaan akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur selaras dengan arah tuju mengikut matlamat jangka panjang

kementerian.

Menyentuh mengenai sistem pendidikan secara keseluruhannya, Yang Berhormat telah menekankan pentingnya elemen kualiti untuk dijadikan keutamaan di mana sistem pendidikan yang berkualiti itu bukan sahaja akan menghasilkan sumber manusia yang berjaya dari aspek akademik, malah juga berkemampuan untuk melahirkan sumber manusia yang bermahiran, kreatif dan mempunyai etika yang tinggi.

Yang Berhormat juga menggariskan perlunya kementerian membuat perbandingan pencapaian melalui penilaian 'benchmarking' antarabangsa bagi memastikan Sistem Pendidikan Negara berhasil ke arah pencapaian tahap kualiti yang dimaksudkan.

Menteri Pendidikan seterusnya menyentuh mengenai usaha pihak kementerian dalam meneroka beberapa pendekatan yang bersesuaian dalam menjadikan pengurusan sekolah-sekolah kepada yang lebih efisien.

Bidang-bidang kewangan, akademik dan pembangunan kakitangan sekolah

juga menjadi perhatian Yang Berhormat bagi memastikan dan langkah proaktif ke arah merealisasikan pelaksanaan sistem pendidikan berkualiti di negara ini.

Pada majlis perjumpaan tersebut, satu sesi kongsi sama bersama Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar yang telah mengadakan lawatan-lawatan ke beberapa buah institusi dan sekolah di negara-negara yang diketahui telah berhasil mencapai pembangunan pendidikan seperti Malaysia, Republik Singapura, Australia dan New Zealand.

Sebelum ini, para pemimpin sekolah berkenaan telah berpeluang mengadakan lawatan-lawatan ke institut-institut pendidikan dan sekolah-sekolah di beberapa buah negara dengan tujuan untuk mempelajari perkembangan pendidikan di negara-negara berkenaan dan seterusnya membuat perbandingan serta meneliti akan kemungkinan bagi amalan-amalan yang terbaik untuk diterapkan ke dalam sistem persekolahan di negara ini.

Para guru juga berkesempatan mendengar pandangan dan pendapat yang diperolehi hasil dari lawatan-lawatan tersebut dan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

juga memberi cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan dalam Sistem Persekolahan Negara.

Satu perbincangan terbuka mengenai isu-isu yang berkepentingan, terutama mengenai pelaksanaan pendidikan yang berkualiti seperti pengurusan sekolah, hal ehwal akademik dan isu-isu kepimpinan juga menjadi menarik perhatian peserta.

Konsert Emas Diraja sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan diadakan bulan Ogos

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BERAKAS, Isnin, 24 April. - Mesyuarat Ketiga Konsert Emas Diraja Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, di sini.

Hadir Selaku Pengerusi ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

Yang Berhormat dalam

ucapannya berkata, tujuan mesyuarat ini diadakan untuk mengetahui mengenai perkembangan dan tindakan yang telah diambil serta membincangkan laporan mutakhir daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Konsert Emas Diraja yang ditubuhkan sebagai persediaan mengadakan Konsert Emas Diraja yang mana konsert ini dijangkakan untuk diadakan pada awal bulan Ogos 2006.

Beliau juga berkata, mesyuarat ini juga adalah susulan kepada Mesyuarat Kedua Konsert Emas Diraja yang telah bersidang pada 18 Mac lalu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga berkata, adalah menjadi harapan agar kesemua jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang telah dibentuk akan dapat bekerjasama secara bersepadu menggerak-aktifkan membuat perancangan, pelan tindakan serta jadual sasaran jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan agar Konsert Emas Diraja akan dapat diwujudkan lagi daripada tahun sebelumnya serta mempunyai prestij dan kualiti yang tinggi dengan penuh kegembiraan, kecermerlangan, terbilang dan penuh keceriaan sesuai dengan namanya. Konsert Emas Diraja.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, memimpin Mesyuarat Ketiga Konsert Emas Diraja Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berlanjutan di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan Brunei Darussalam dan Filipina

RIMBA, Rabu, 17 April. - Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina telah diadakan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, di sini. Mesyuarat tersebut telah dipengerusi bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Yang Berhormat Antonio C. Santos, Jr. Undersecretary for Policy, Department of National Defence, Republic of Philippines.

Turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan



PERWAKILAN Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina yang masing-masing diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Yang Berhormat Antonio C. Santos, Jr. merakamkan gambar kenangan sejour sebelum mesyuarat bermula. - Foto: Harun Haji Rashid.

Yang Terutama Virginia H Benavidiz dan Timbalan Setiausaha Tetap 2 Kementerian Pertahanan,

Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman. Rombongan dari Republik Filipina tiba di

Negara Brunei Darussalam pada 16 April dan akan meninggalkan negara ini pada malam 18 April.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil kepada seorang peserta Program 'IT Security Awareness' berlanjutan di Institut Perkhidmatan Awam, Tungku. - Foto: Harun Haji Rashid.

Latihan 'IT Security Awareness' penting bagi Program E-Kerajaan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

TUNGKU, Isnin, 15 April. - Dengan adanya pendedahan 'IT Security Awareness', Program E-Kerajaan akan terus dilaksanakan dengan baik dan selamat. Kursus ini sangat bermakna dan strategik bagi Program E-Kerajaan kerana tanpa keselamatan atau security, integriti kerajaan akan terjejas.

"Tanggungjawab bagi keselamatan tersebut bukan saja untuk kegunaan peribadi malah ianya akan dilibatkan atau dida'wah kepada rakan-rakan sekerja di

jabatan masing-masing," jelas Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Akaun Program 'IT Security Awareness Training' yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Beliau berkata, semua perlu mempertingkatkan keupayaan masing-masing bagi memastikan peranan yang dimainkan mempunyai relevansi dengan kehen-

dak negara umumnya dan peranan utama jabatan dan kementerian masing-masing khususnya.

Beliau menambah, kursus ini adalah salah satu inisiatif kerajaan di dalam peningkatan keupayaan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Timbalan Setiausaha Tetap JPM, di akhir majlis juga telah menyampaikan Sijil-sijil Akaun bagi Program 'IT Security Awareness' kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti program tersebut.

Tingkatkan kesedaran gejala rasuah

KUALA BELAIT, Rabu, 12 April. - Ketua Penyiasat Khas Biro Mencegah Rasuah (BMR), Awang Haji Abd. Raub bin Haji Mohd. Yassin menyatakan, BMR telah melangkah jauh dalam usaha memberikan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat dalam membanteras rasuah dan gejala rasuah.

Awang Haji Abd. Raub menyatakan demikian di Majlis Jerayawara Drama Kod 486 Musim Kedua dan Pendidikan Pence-

gahan Rasuah Dalam Kurikulum Kebangsaan yang diadakan di Dewan Bandaran di sini. Beliau menjelaskan drama Kod 486 Musim Pertama dan Kedua adalah hasil daripada kes-kes benar yang diambil daripada kes fail BMR.

Sehubungan itu beliau berharap jerayawara tersebut akan dapat memberikan pengetahuan kepada mereka yang hadir dan penduduk daerah ini serta meningkatkan kesedaran

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

masyarakat supaya tidak bertolak ansur dengan apa jua bentuk rasuah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman. Objektif utama penerbitan drama tersebut bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai punca, sebab dan akibat

rasuah. Drama televisyen bersiri boleh menyebarkan maklumat mengenai keburukan rasuah secara meluas.

Drama tersebut juga dirancang untuk disalurkan ke dalam pendidikan rasuah sebagai panduan pembelajaran, terutama sekali di peringkat Menengah Lima dan Enam agar mereka dapat memahami de-

ngan lebih jelas pengertian rasuah.

BMR dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum mewujudkan Pendidikan Pencegahan Rasuah (PPR) Dalam Kurikulum Kebangsaan bagi mempertingkatkan kesedaran masyarakat mengenai rasuah. Projek tersebut diselenggarakan dengan salah satu daripada keperluan di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah.

PPR diimplementasikan dalam mata pelajaran khusus iaitu Sivik dan MIB yang antara lain bertujuan untuk menyemai atau mengaplikasikan integriti atau nilai-nilai murni yang harus milik individu. Melalui pendidikan seperti itu adalah diharapkan supaya PPR dapat disematkan di jiwa individu sejak dari peringkat kanak-kanak.

Dalam sedikit masa lagi PPR juga akan disalurkan ke dalam 'module' pelajaran peringkat universiti

iaitu MIB. Perundingan awal telah pun diadakan bersama pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bagi peringkat rendah, rancangan pelajaran sivik akan ditingkatkan lagi dengan menyalurkan Pelajaran Komputer Interaktif yang lebih mencabar, kerana daripada apa yang telah dilihat, kanak-kanak lebih cenderung dan mudah faham melalui cara tersebut.



TETAMU kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad ketika menghadiri Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Belait. - Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli.

Taklimat kefahaman mengenai peraturan kewangan

GADONG, Rabu, 26 April - Pasukan Polis Diraja Brunei hari ini menganjurkan Taklimat Peraturan Kewangan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman terhadap peraturan kewangan, khususnya dalam pengurusan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan setiap tahun.

Taklimat yang dihadiri oleh kira-kira 40 pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei telah disampaikan oleh Pegawai Kewangan Kanan, Jabatan Perbendaharaan, Dayang Hajah Shahdina binti Haji Omar.

Selain itu taklimat selama dua hari yang berlangsung di Mes Pegawai

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn



DAYANG Hajah Shahdina binti Haji Omar, Pegawai Kewangan Kanan, Jabatan Perbendaharaan. - Foto: Masri Osman.

Polis, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei di sini juga turut menghuraikan peraturan berkaitan dengan pembayaran, kutipan ha-

sil, stor dan wang pendahuluan.

Antara yang hadir di Majlis Taklimat Peraturan Kewangan yang berupa susulan daripada taklimat yang diadakan pada awal tahun 2005 termasuklah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Omar.

Taklimat itu bertujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman terhadap peraturan kewangan, khususnya dalam pengurusan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan setiap tahun.

Peraduan Mari Bercerita mendidik sikap proaktif

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

SUNGAI LIANG, Khamis, 20 April. - Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman berkata, Peraduan Mari Bercerita mendorong kepada sikap rajin membaca di kalangan kanak-kanak.

Selain itu, peraduan tersebut juga, tambahnya, dapat mengasuh bakat dan membimbing mereka menjadi seorang yang cerdik, pintar, mempunyai keyakinan diri dan petah bercakap kerana dapat bertutur dengan lancar dan menggunakan struktur bahasa yang baik dan luas.

Beliau berucap demikian di Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah Belait 2006, dan menambak, dengan melatih kanak-kanak melalui wacana seperti Peraduan Mari Bercerita ianya boleh menghilangkan rasa gementar berhadapan dengan orang ramai dan membina keyakinan diri untuk meluahkan pendapat di khalayak ramai.

Dengan ini kanak-kanak tersebut akan menjadi seorang yang mahir dalam berinteraksi dengan orang ramai dan ianya juga menjadi landasan bagi menguji serta mengasuh bakat mereka dalam bidang lain, umpamanya syarahan atau berbahas, katanya di peraduan yang diadakan di Sekolah Rendah Sungai Liang di sini.

Sehubungan itu, beliau berharap, semua golongan

yang terlibat mengambil sikap yang serius bagi sama-sama meningkatkan kualiti penyampaian dalam peraduan itu, kerana warisan bercerita memang suatu budaya yang terkenal pada zaman datuk nenek kita dahulu dan gaya mereka bercerita juga amat mengagumkan.

Beliau juga berharap ibu bapa dan guru-guru supaya mempunyai misi untuk menanamkan semangat cinta kepada sikap membaca kepada anak-anak serta pelajar-pelajar.

Tugas tersebut, katanya, terletak di atas bahu ibu bapa, guru-guru dan masyarakat, kerana membaca boleh memberikan banyak faedah, antaranya boleh membantu kanak-kanak fasih dalam bahasa dan menjana minda mereka.

Beliau menambah budaya membaca mesti dimulakan dari rumah, kerana pendidikan pertama anak-anak bermula dari rumah dan ibu bapa, guru yang pertama dalam kehidupan mereka di dunia ini.

Menurutnya, apabila anak-anak itu sudah biasa dengan tabiat membaca mereka akan terus mengamalkan sifat membaca dan dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan mereka. Oleh itu, tambahnya, semua pihak berperanan untuk membina masyarakat membaca, kerana membaca asas kemajuan dan ketamadunan bangsa.



PETAH BERCAKAP ... Seorang peserta dengan gaya tersendiri cuba menambat hati penonton melalui cerita yang disampaikannya. - Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli.

Johan disandang oleh Mohd. Zulhilmie Ariffin dari Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusoff; naib johan, Muhd. Akeem Abd. Rahman juga dari sekolah yang sama dan tempat ketiga, Siti Khairunnisa Abd. Wahab dari Sekolah Saint Angela. Johan akan mewakili Daerah Belait ke peringkat akhir negara yang akan diadakan kemudian.

Sertai Program JOGMEC-TRC

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Pengurus Projek Upstream Petroleum Brunei, Dayang Siti Hofsoh binti Haji Abdul Hamid dipilih bagi menghadiri Program Latihan 'Japan Oil, Gas and Metals National Corporation Technology Research Center' (JOGMEC-TRC) yang bermula dari 17 sehingga 23 Jun 2006 di Jepun.

Beliau merupakan warga Negara Brunei Darussalam yang pertama bagi menyertai program tersebut bersama 18 orang peserta lain yang datang dari berlainan negeri.

Program ini mengandungi kursus ilmu fizik mengenai bumi seperti eksplorasi minyak dan gas melalui geofizik, kursus pengurusan menggerudi lanjutan, kursus kejuruteraan sumber bekalan air dan juga kursus eksplorasi kaji bumi.

Program Latihan JOGMEC-TRC telah dimulakan

pada tahun 1989 untuk kegunaan jurutera-jurutera yang berasal dari negara-negara asing yang menghasilkan minyak.

JOGMEC-TRC mempunyai dua tujuan iaitu, pertama ialah untuk mengeratkan lagi hubungan di antara Jepun dan negara-negara asing yang membuat penghasilan minyak dengan meningkatkan nilai perhubungan manusia.

Kedua, ialah disebarkan projek tahunan anjuran Bahagian Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka yang antara lain bertujuan untuk memupuk semangat membaca di kalangan kanak-kanak dan meningkatkan daya imaginasi serta melatih mereka supaya berani berhadapan dengan khalayak ramai.



TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Omar antara yang hadir di Majlis Taklimat Peraturan Kewangan yang berlangsung di Mes Pegawai Polis. - Foto: Masri Osman.



PARA penuntut yang dianugerahkan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Biasiswa ABDB ketika menandatangani perjanjian biasiswa sambil disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat. - Foto: Ramli Tengah.

Kementerian Pertahanan memerlukan tenaga manusia berkemahiran

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 28 April. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamantari Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin menjelaskan isu-isu, cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang dihadapi dalam usaha untuk mengukuhkan pertahanan serta keselamatan negara bertamabah rumit.

Kementerian Pertahanan, katanya, menyedari akan hakikat itu dan berusaha untuk menanganinya, oleh itu kementerianya memerlukan tenaga manusia yang berkemahiran, berpengetahuan serta berbakat.

Tambah Yang Berhormat, bagi menyokong keperluan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan dan mengurniakan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada Ogos 2005 lalu dan pada Februari ini berangka berkenaan pula memperkenalkan dan mengurniakan Biasiswa ABDB.

Yang Berhormat menjelaskan, kedua-dua biasiswa itu sangat berprestij yang membiayai para penuntut yang layak dan terpilih bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti yang terkemuka di luar negara.

"Ia melambangkan kebijaksanaan, dorongan dan hasrat baginda dalam mengenal pasti, menarik dan mengasuh para penuntut terbaik bagi menjadikan mereka pemimpin masa mendatang yang akan membimbing kepada menjamin pertahanan dan keselamatan serta masa depan negara," katanya.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Penandatanganan dan Pengurniakan Biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB dan Biasiswa ABDB hari ini di Mes Pegawai Berakas Garrison di sini.

Biasiswa itu juga sejajar dengan dasar kerajaan di mana pada awal tahun ini sebanyak \$250 juta dipeperuntukkan bagi penubuhan dana khusus sebagai melaksanakan program ke arah

mengukuhkan pembangunan sumber tenaga manusia.

Menandatangani bagi Biasiswa Tertinggi ABDB Kementerian Pertahanan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan para penerima biasiswa serta Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menandatangani bagi Biasiswa ABDB dan penerima biasiswa.

"Sebagai biasiswa yang berprestij, kriteria pemilihan adalah ketat sekali, selain daripada kecemerlangan akademik dan aktiviti-aktiviti ko-kurikular, para penuntut hendaklah mempunyai kualiti dan akhlak peribadi yang baik serta potensi kepimpinan dan mempamerkan nilai-nilai Perkhidmatan Awam yang tinggi," ujarnya.

Bagi biasiswa tahun ini, seramai dua orang penuntut lepasan peringkat 'O' dan sembilan lepasan peringkat 'A' dianugerahkan biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB. Mereka ialah Daena Faeza Haji Mahadi, Lim Shinling, Lim Wang Yng, Siti Nur'raheemah binti PDM Haji Musa, Siti Nor Asmah Md. Haider Ali, Mohammad Hamiz Haji Jamil, Hazel Ho Ming Yeh, Koh Cin Yee, Ak. Mohd. Abd. Aziz Pg. Ali Hassan, Vincent Yap Kah Jiun dan Muhd. Haziq Haji Mohd Jamil.

Sementara bagi Biasiswa ABDB seramai lima orang terpilih, mereka ialah Azura Hidup, Fadhilah Haji Yahya, Muhd. Muneer Haji Muhd. Talip, Nur Azimah Said dan Muhammad Izdihar Imran yang mana mereka ini nanti jika tamat pengajian bakal menjadi pegawai tentera.

Biasiswa ini membuka peluang kepada pembela-jaran yang kukuh di universiti terkemuka di luar negara dan pada masa yang sama ia menawarkan program perkembangan yang luas.

Selepas tamat pengajian, mereka akan kembali untuk memenuhi harapan pertahanan dengan ditugaskan dalam isu-isu yang mempunyai impak pada keselamatan negara.

Melalui lantikan ma-

sing-masing mereka bukan saja akan diuji sebagai seorang pemimpin, bahkan juga sebagai seorang pengurus, perancang dan pakar strategi.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Dayang Fadhilah Haji Yahya, 19 tahun, melahirkan rasa gembira dan puas hati kerana terpilih sebagai salah seorang penerima biasiswa yang berprestij itu.

Katanya, sebelum layak menerima biasiswa dirinya

terpaksa menjalani banyak ujian dan temu duga, termasuk ujian fizikal ketahanan diri yang sangat mencabar.

Menurutnya, jika lulus nanti melalui bidang perundangan selama tiga tahun, beliau akan dipelawa sebagai seorang pegawai tentera dan jika ada peluang akan melanjutkan pengajian bagi mendapatkan pangkat 'Bar' dalam undang-undang.

Beliau sebelum ini belajar di Maktub Sains Paduka Seri Begawan Sultan.



YANG Berhormat Pehin Kapitan Laila Diraja Awang Goh King Chin menyerahkan kunci kenderaan kepada Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Nairul Anwar bin Haji Abdul Lahai. - Foto: Masri Osman.

Penyerahan tujuh trak sampah Jabatan Bandaran

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Mei. - Pada tahun 1992, Jabatan Bandaran mempunyai 14 buah trak sampah selain dibekalkan sebuah lagi trak baru pada tahun 2002 dan ditambah dua buah lagi pada tahun 2005.

Dari tahun 1992 sehingga 2005, hanya 10 sahaja dari 17 buah trak sampah yang dibekalkan itu masih beroperasi hingga ke hari ini disebabkan sebahagian besar trak-trak sampah tersebut sering mengalami pelbagai kerosakan.

Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Bandaran yang juga selaku Pengerusi

Majlis, Pengiran Omarali bin Pengiran Haji Mohd. Yusoff menyatakan demikian di Majlis Penyerahan Tujuh Buah Trak Sampah Jabatan Bandaran yang bernilai \$89,968.00 setiap satu yang dibeli daripada Syarikat Goh Hock Kee (G.H.K) Motor Sdn. Bhd.

Majlis penyerahan berlangsung di kawasan letak kereta bekas kawasan Dermaga Kastam Jalan McArthur.

Hadir menyampaikan kunci kenderaan mewakili Syarikat Goh Hock Kee (G.H.K) Motor Sdn. Bhd., ialah Yang Berhormat Pehin Kapitan Laila Diraja Awang

Peserta Bengkel KKC Kementerian Kewangan terima sijil

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 29 April. - Seramai 31 orang peserta Bengkel Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Kewangan menerima sijil mereka setelah berjaya menamatkan bengkel selama lima hari.

Majlis Penyampaian Sijil tersebut disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos yang berlangsung di Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive di sini.

Bengkel KKC bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di ba-

wahnya yang telah bermula 24 hingga 29 April dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam (IPA). Bagi melihat hasil menyertai bengkel berkenaan para peserta telah mempersembahkan projek KKC.

Antara objektif bengkel ialah untuk menjadikan konsep 'syura' melalui kaedah 'usrah' sebagai amalan di semua peringkat kementerian dan jabatan khususnya serta masyarakat dengan negara amnya.

Di samping itu juga untuk menjadikan KKC sebagai 'budaya kerja' dalam memantap dan memajukan

agensi, di samping melaksanakan program-program KKC yang menjurus kepada Konvensyen KKC.

KKC merupakan satu kaedah pemberian tugas dan tanggungjawab yang mendidik kakitangan bawah supaya berbakat dan berinovasi dalam mengatasi mikro di unit masing-masing.

Faedah KKC juga ialah untuk memupuk semangat kekitaan dan kesetiaan bahkan mampu mengasah bakat kepimpinan dan keyakinan diri dalam menambatkan lagi dorongan bekerja, di samping keupayaan dalam bekerja.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos sejejur sebelum menyampaikan sijil Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Kewangan. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Kenaikan pangkat Pegawai Bomba

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 27 April. - Seramai tujuh pegawai dari Jabatan Bomba dan Penyelamat masing-masing dinaikkan pangkat ke Penguasa Kanan, Penolong Penguasa dan Pemangku Penolong Penguasa Bomba.

Mereka yang dinaikkan pangkat sebagai Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat ialah Awang Haji Japar bin Haji Tahir, Awang Tahir bin Haji Mokhtal dan Awang Sallehuddin bin Haji Ibrahim.

Sementara itu tiga pegawai lain yang dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penguasa terdiri daripada Awang Hassan bin Haji Raya, Awang Amit bin Ahmad dan Pengiran Aliuddin bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Seorang lagi pegawai yang dinaikkan pangkat kepada Pemangku Penolong Penguasa ialah Awang Bujang bin Aliamat.

Menyematkan tanda kenaikan pangkat ialah Pemangku Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Johari bin Jaludin, berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini.



SEORANG daripada tujuh orang pegawai yang dinaikkan pangkat. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

KAN HALNYA

Oleh Haji Timbang Bakar

timbang.bakar@information.gov.bn

HAMPIR semua orang di negara ini sudah terbiasa dengan penggunaan telefon bimbit walaupun tidak semua memilikinya. Pada mulanya kehadiran teknologi telefon bimbit dianggap sebagai barang mahal dan untuk bergaya di kalangan mereka yang mampu saja. Kini telefon bimbit sudah menjadi kesikapan kita menyebutnya sebagai telefon mobail (mobile) bukan lagi dianggap sebagai barang mahal, kerana semua orang boleh memilikinya dengan harga yang boleh dikatakan berpatutan dan malahan junterah di sana sini. Namun demikian alat kecil yang canggih ini, peranan dan sumbangannya dalam kehidupan kita sehari-hari tidak boleh diperkecilkan seperti saiznya dan jangan juga dipandang kepada harganya yang bagi sesetengah orang memang murah (tergantung kepada model atau jenamanya).

Yang jelas ia bukan sekadar alat perhubungan untuk bercakap bagi memudahkan dan melancarkan urusan kita di manapun kita berada tidak kira waktu pejabat, siang atau malam, malahan lebih jauh daripada itu. Dengannya kita boleh

mendapatkan maklumat, berita-berita terkini, ilmu, gambar, data, menonton tv, mendengar radio, mengirim dan menerima pesanan atau mesej (SMS) dengan mudah dan pantas.

Kan halnya, penggunaan SMS hampir sama populernya dengan percakapan (telefon), terutamanya di kalangan remaja. Kita tidak perlu soal kenapa, kerana kita sama-sama maklum keistimewaan yang diberikan melalui perkhidmatan SMS itu. Pertama murah dan jimat berbanding bercakap. Kedua ia lebih 'privacy' - orang

SMS: JANGAN TURUTI KAISKIAN

lain walaupun dekat dengan kita tidak dapat mendengar apa yang kita sedang bicarakan dengan pihak yang kita hubungi atau pihak yang menghubungi kita. Dengan kata lain dalam duduk diam kita boleh berhubung secara mesej dengan mana-mana pihak dan di mana saja kita atau dia berada.

Kini trend SMS sudah menjadi semacam budaya. Cuma budaya ini kalau tidak terkawal cara dan etika penggunaannya boleh mendatangkan musibah kepada masyarakat dan negara. Kerana di samping sumbangan dan perannya yang mendatangkan banyak kebaikan juga tidak kurang sumbangannya terhadap aspek-aspek keburukan dan mengundang bahaya malah boleh membawa maut!

Semasa lepak di sebuah pusat membeli-belah dengan seorang kawan yang merupakan seorang guru, katanya, pihak sekolahnya terpaksa mengambil tindakan tegas

terhadap penggunaan telefon bimbit di dalam kelas setelah mendapati ramai penuntut yang terabai pelajarannya disebabkan asyik berSMS dengan kawan, dan malahan ada yang bercinta SMS dengan kekasihnya. Pernah seorang penuntut perempuan yang dirampas telefon bimbitnya oleh guru didapati ruangan SMSnya penuh dengan dialog cinta dengan teman lelakinya. Bererti semasa guru mengajar ia langsung tidak menumpukan perhatian kepada pelajarannya sebaliknya asyik bermain cinta melalui SMS dengan kekasihnya.

Ada lagi satu cerita yang sampai kepada kita ialah mengenai satu kemalangan jalan raya yang dahsyat di mana sebuah kereta telah terbabas dari lebuh raya yang telah mengorbankan dua nyawa. Mengikut cerita dari penumpang yang terselamat, punca kemalangan tersebut kerana pemandunya (salah seorang yang terkorban)

sedang berSMS sambil memandu. Tanyalah diri kita sendiri bagaimana kita boleh fokus kepada pemanduan jika dalam masa yang sama kita juga membaca atau mengetik SMS.

Kejadian tersebut cuma satu contoh, memang banyak lagi kejadian kemalangan berpunca daripada hal yang sama, tetapi dalam laporan kepada pihak polis memang di buat dengan alasan lain seperti mengantuk, mengelak binatang yang tiba-tiba menyeberang jalan, brek tidak makan dan macam-macam lagi. Memang pun alasan-alasan tersebut ada benarnya, tapi mengapa tidak pernah dilaporkan kemalangan disebabkan berSMS sedang perkara itu benar-benar terjadi.

Nah, kan itu bahaya. Namun kita perhatikan pemandu-pemandu kita seolah-olah tidak peka dan memandang ringan perkara ini. Kadang-kadang jalan kereta jadi simpang siur,

lampu trafik sudah hijau dia masih berhenti kerana asyik dengan SMSnya, terlalu perlahan sehingga mengganggu pengguna jalan raya yang lain dan macam-macam lagi kere-nah pemandu ketika bercakap di telefon dan berSMS sambil memandu kereta. Tidak mustahil dalam banyak-banyak SMS itu bukan semuanya perlu atau penting, melainkan ia hanya sekadar menurut kaiskian saja. Kan halnya, kalau kita hon dengan tujuan untuk mengingatkannya ada yang marah dan mengeluarkan isyarat-isarat agresif seperti buku lima dan sebagainya. Pada hal tujuan kita adalah untuk kebaikan bersama.

Satu hal lagi mengenai kerana SMS ini ialah ia digunakan untuk menyebarkan fitnah, memburukkan seseorang atau satu pihak, menyebarkan berita palsu atau khabar-khabar angin. Semua itu boleh mempengaruhi fikiran dan tindakan orang ramai, dan bila

ini terjadi keamanan, kedamaian dan kesejahteraan yang ada boleh saja bertukar atau terjejas oleh unsur-unsur negatif seumpama itu. Apapun kedudukan sosialnya orang yang melakukan perkara seumpama itu menunjukkan dia tidak rasional, kurang matang, tidak bertanggungjawab dan memertingkatkan diri sendiri.

Ada orang berpendapat untuk menangani dan mengubah fenomena tersebut perlu undang-undang yang lebih komprehensif, disertai dengan tindakan yang lebih tegas tetapi beretika tinggi. Itu memang satu jawapan kepada masalah tersebut. Kan halnya itu belum tentu menjamin, kerana nampaknya masyarakat kita masih perlu dididik dan didisiplinkan terhadap elemen-elemen baru yang akan diguna pakai dalam sistem kehidupan kita. Memang pun ini tugas sukar, tapi adakah pilihan lain?

Belia digesa menyumbang kepada kesejahteraan

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

GADONG, Sabtu, 29 April. - Para belia digesa supaya terus memainkan peranan penting ke arah menyumbang kepada pertumbuhan, kesejahteraan dan kestabilan serantau serta antarabangsa dalam dunia yang semakin mencabar.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menegaskan, era globalisasi telah banyak memberikan kesan terhadap kehidupan seharian, di samping cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan.

Yang Berhormat berucap demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Perhimpunan Agung Antarabangsa Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SIGA) Kali Ke-8 di sini, Yang Berhormat yakin belia-belia sejagat hari ini mempunyai kekuatan dan kecekapan yang tinggi bagi menangani cabaran-cabaran tersebut dan mengubahnya kepada peluang.

Dalam konteks itu Yang Berhormat percaya peranan penting dan proaktif persatuan-persatuan alumni amnya dan SIGA khasnya, memberikan signifikan dalam meningkatkan kerjasama dan persahabatan bagi mencapai perpaduan dan keamanan dunia.

Persatuan-persatuan alumni khususnya Persatuan-persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara boleh menyumbang ke arah kemajuan bangsa melalui pembangunan sumber manusia terutama di kalangan belia.

"Ianya hanya boleh dicapai melalui program dan strategi yang berkesan dan efektif," tegas

Yang Berhormat.

Di majlis anjuran Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Negara Brunei Darussalam (BERSATU) itu, Yang Berhormat telah menyampaikan anugerah kepada 26 ahli BERSATU di atas sumbangan bakti berterusan mereka terhadap persatuan berkenaan.

Sementara itu Majlis Makan Malam bagi meraikan delegasi di Perhimpunan SIGA Ke-18 telah berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Di majlis tersebut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad menyampaikan anugerah BERSATU kepada Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Metassan, bekas SSEAYP 1987. - Foto: Harun Haji Rashid.

Sukan, telah menerima cenderamata yang disumbangkan oleh Persatuan-persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia

Asia Tenggara dari negara ASEAN dan Jepun yang disampaikan oleh Yang Dipertua masing-masing.

Peserta Kursus Kaunseling ABDB lawat Unit Perundangan Islam KHEU

Oleh Rusydina Haji Junaidi



SEBAHAGIAN pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ABDB yang mengikuti Kursus Kaunseling ABDB semasa membuat lawatan ke Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

BERAKAS - Khamis, 27 April. - Seramai 25 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mengikuti Kursus Kaunseling ABDB telah mengadakan lawatan ke Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) disini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Mejar Haji Ramli bin Haji Ismail. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah bagi men-

dapatkan penerangan dan input yang berkaitan dengan Undang-undang Kekeluargaan Islam dan perspektif perundangan dimana ianya diperlukan sebagai langkah persediaan dan persiapan dalam melaksanakan tugas sebagai kaunselor dan memberikan nasihat-nasihat yang bersesuaian.

Hadir bagi mengulaskan rombongan tersebut adalah Pemangku Penolong Pengarah Unit Perundangan

Islam, Dayangku Jauyah binti Pengiran Haji Md. Zaini.

Seterusnya lawatan tersebut disusuli dengan taklimat mengenai Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam 1999) yang disampaikan oleh Pegawai Unit Perundangan Islam, Awang Suhaimi bin Haji Gemok.

Taklimat seterusnya pula adalah mengenai kesalahan-kesalahan dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam 1999) dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi, Penggal 77 yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Ketua Pendakwa Syarie, Dayang Hajah Hadiyah binti Haji Abdul Hadi.

Sesi soal jawab yang ditangani oleh Bahagian Pendakwaan, Unit Perundangan Islam dan Bahagian Khidmat Nasihat, Jabatan Hal Ehwal Syariah juga telah diadakan sebagai penutup bagi lawatan tersebut.

RTB anjurkan Projek Menjejak Kampung III

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn



BERGAMBAR ramai antara syarikat-syarikat tempatan selaku penaja-penaja projek menjejak Kampung III bersama Pemangku Pengarah RTB Awang Lim Sam Lee di Studio 'A' RTB. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Haji Metassan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Mei. - Radio Televisyen Brunei (RTB), akan menganjurkan Projek Menjejak Kampung III di mana Mukim Bangar Daerah Temburong menjadi destinasi tahun ini yang bermula pada 5, 6 dan 7 Mei 2006.

Bagi menjayakan projek tersebut Majlis Menandatangani Antara Syarikat-syarikat Tempatan selaku penaja projek telah diadakan di Studio 'A' RTB di sini.

Pemangku Pengarah RTB, Awang Lim Sam Lee menandatangani bagi pihak RTB bersama dengan 12 buah syarikat tempatan selaku penaja secara berasingan.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Nestle Products Sdn. Bhd; IDS Borneo Sdn. Bhd; Grand Top Enterprise, Palsonik, Brunei Shell Marketing (BSM), Handsome Enterprise Company, Quadra Vision Professional Ballon Decoration, Syarikat Aliaa Sdn. Bhd; Chop Bee Seng

(AJINOMOTO), Delcol Marketing Service, Kofom Textile Company dan Restoran Hijrah (Temburong).

Projek kali ketiga ini adalah bertujuan sebagai platform RTB untuk mendekati orang ramai, mewujudkan hubungan pelbagai hala yang berkesan dalam aspek penyaluran maklumat dan keperluan penerbitan rancangan.

Di samping itu ianya juga bagi memperkenalkan dan mempromosi mukim dan kampung yang terlibat mengenai perkembangan serta kemajuan dari segi sosio-ekonomi, budaya dan sosial dan menjalin rasa muhibbah kalangan pegawai dan kakitangan serta karyawan RTB dengan penduduk mukim serta kampung-kampung.

Bagi memeriahkan lagi projek itu beberapa aktiviti-aktiviti turut dijalankan antaranya Ujial Bakat Penyampai Berita, Rampai Pagi Tv, Kuiz, Cabaran Kualiti dan Peraduan

Mendeklamasikan Puisi Islam dan Pameran Sejarah Kampung-kampung di bawah Mukim Bangar.

Selain itu acara sukar ria juga akan diadakan seperti perlakuan tarik kalat, bola sepak, menganyam atap daun, membaling belon berisi air ke dalam baldi dan lumba-main ajung.

Sempena projek itu pihak RTB akan menyiaran secara langsung Rancangan An-Nur dan Dewan Belalong Pekar Bangar pada hari Khamis ini bermula 8.45 malam.

Ralat

KETERANGAN gambar muka 8 edisi Induk dalam berita bertajuk 'Jerayawara prosedur tawaran' keluaran 3 Mei 2006 ialah Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan bukannya Pegawai Lembaga Tawaran Negara. - Penyunting.

UGAMA

Berikan sumbangan dan kerjasama dalam pendidikan keagamaan

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

BANGAR, Sabtu, 29 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyuarakan kesemua Guru-guru Besar dan guru-guru sekolah agama untuk memberi sumbangan dan kerjasama dalam pendidikan agama khususnya dalam me-

nyempurnakan Fardu Ain, iaitu sembahyang fardu lima waktu para pelajar dan pembacaan Al-Qur'an.

Yang Berhormat menjelaskan, bahawa sumbangan dan kerjasama dari guru-guru amat penting dalam usaha mempertingkatkan mutu pembelajaran pelajar-pelajar kerana guru-guru sekolah agama lebih dekat dengan pelajar dan lebih tahu mengenai hal ehwal pembelajaran agama di sekolah masing-masing.

Yang Berhormat membuat seruan itu ketika mengadakan perjumpaan kali ketiga bersama Guru-guru Besar sekolah agama yang berlangsung di Sekolah Persediaan Arab, Daerah Temburong.

Katanya, sejak sekolah agama diperkenalkan dalam tahun 1956, guru-gurulah tulang kejayaannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena awal tahun Hijrah, tegas Yang Berhormat, telah menekankan perlunya penyusunan semula dan pengemaskinian sukatan pelajaran dan kurikulum sekolah agama.

Jelas Yang Berhormat, hal itu sedang giat diusahakan pada menjelang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, namun ianya tidak akan berjaya tanpa dukungan dan kerjasama guru-guru.

Oleh itu, tambah beliau, perjumpaan itu diadakan bagi sama-sama berbincang dalam menjunjung titah baginda itu.

Perjumpaan kali ini merupakan perjumpaan kali ketiga setelah diadakan perjumpaan pertama di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bol-kiah, Kampong Serusop, Daerah Brunei dan Muara dan perjumpaan kedua di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bol-kiah, Seria.

Ianya antara lain bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah agama yang ada pada masa ini dan bagi membolehkan percambahan fikiran dalam usaha mempertingkatkan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah agama.

Perbincangan secara menyeluruh dibuat merangkumi sukatan pelajaran, kurikulum, pendidikan Fardu Ain, buku teks, mata

pelajaran agama dan strategi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran agama oleh semua guru agama.

Perjumpaan itu juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Guru-guru Besar sekolah agama untuk memantau dan memastikan keberkesananannya, di samping menekankan mengenai kepentingan pengajaran tulisan Jawi di sekolah-sekolah agama.

Turut serta dalam rombongan Yang Berhormat ialah Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis pagi itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatiha dan diikuti ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pengajian Islam, Daerah Temburong, Awang Rosli bin Haji Mohd. Salleh.

Di majlis itu beliau antara lain menyatakan kehadiran Yang Berhormat menunjukkan sikap pemudulan dan keprihatinan Yang Berhormat mengenai pelaksanaan persekolahan agama seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui titah perutusan sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 baru lalu.

agama Islam yang diredai oleh Allah Subhanahu Wa-ta'ala.

Beliau seterusnya berkata, siapa yang menjadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai idola dalam kehidupannya dengan menghayati segala perjuangan Baginda dan segala kehidupannya maka akan memperoleh Syurga.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Biro Pencegah Rasuah selaku jabatan yang mengendalikan Majlis Sambutan Maulud Jabatan Perdana Menteri pada tahun ini.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Di mana, katanya, kalau kita hanya berselawat sahaja kita hanya akan memperoleh pahala dan ganjaran, tetapi jelasnya, kalau kita berselawat disertai dengan kesedaran dan keinsafan serta juga memperingat akan perjuangan Baginda, kita memperoleh lebih besar ganjaran iaitu keamanan seperti yang dimiliki oleh Negara Brunei Darussalam dan juga

39 kes penyelewengan akidah

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

PULAU, Isnin, 1 Mei. - Menurut maklumat yang diperolehi oleh Bahagian Penyelesaian Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah sejak tahun 1993 hingga 2005 terdapat 39 kes telah diadakan berhubung dengan perkara-perkara penyelewengan yang sering menimbulkan dalam kaedah peribohoman.

Perkara-perkara penyelewengan tersebut ialah seperti penggunaan jampi-jampi yang tidak difahami, menggunakan bahan-bahan terlarang termasuk najis seperti darah haid, di samping terdapat unsur penipuan seperti meminta 'pikaras' atau bayaran yang tinggi yang jika tidak ditunaikan pesakit akan menerima bala.

Selain dari itu perkara yang dikaitkan dengan penyelewengan tersebut ialah melakukan perkara maksiat seperti mencabuli pesakit wanita dengan mengajak pesakitnya menikah batin, mengamalkan amalan-amalan sihir dan memohon kepada kuasa-kuasa ghaib yang boleh menyembuhkan pesakit, mendakwa pandai menarik roh ke badannya dan mendakwa boleh mengetahui perkara-perkara ghaib seperti mengetahui pesakit dibuat orang (sihir) dan pandai menilai nasib orang

serta boleh memperlihatkan iblis, syaitan, Malaikat dan memberi azimat kebal.

Semua bentuk ajaran dan amalan seumpama ini jelas membawa penyelewengan dari segi akidah dan boleh membawa pelakunya kepada kesesatan, menimbulkan fitnah dan perpecahan di dalam keluarga dan masyarakat.

Perkara ini dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman semasa merasmikan Harakah Da'wah Sempena 20 Tahun Pusat Da'wah Islamiah dengan tema 'Kefahaman Mengenai Ta'awwuz' (Perlindungan) di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Menurut beliau, salah satu contoh yang pernah berlaku di mana seorang perawat telah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak dalam perawatan, iaitu apabila beliau mendakwa dalam pengubatan dapat berhubung dengan roh orang yang sudah meninggal serta boleh membawa pesakit (secara sadar) melihat Mekah dan boleh naik ke langit serta melihat makhluk lain seperti jin dan syaitan.

Jelas beliau, contoh tersebut merupakan salah satu

kes penyelewengan akidah yang dilakukan melalui amalan peribohoman atau perdukungan di negara ini. Perkara ini tidak dinafikan adalah bertentangan dan bercanggah dengan perubahan yang diajarkan oleh Islam.

Awal dari itu Dato Paduka menjelaskan, bahawa dalam Islam kerja mengubati orang merupakan suatu amalan yang baik dan terpuji, kerana sifatnya sebagai menolong orang yang memerlukan pertolongan, namun tidak dinafikan dalam kegiatan peribohoman ini ada sebilangan kecil yang mengamalkan cara yang salah iaitu perawat yang terlibat dengan pengamalan ilmu sihir, di samping ada pula perawat kurang mengetahui atau tidak mengetahui sama ada rawatan yang mereka amalkan bercanggah dengan akidah atau sebaliknya.

Di negara ini, istilah peribohoman dan perdukungan dalam masyarakat Melayu sudah dikenal sejak dulu lagi dan apabila dirujuk kepada pengamal perubatan tradisional, pengubatan yang dilakukan oleh bomoh atau perawat dalam masyarakat Melayu ada dua cara iaitu menggunakan jampi mantera dengan air dan bahan-bahan tertentu serta menggunakan jampi mantera untuk menjemput makhluk halus, kha-

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman berucap di Majlis Harakah Da'wah Sempena 20 Tahun Pusat Da'wah Islamiah. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

dam, sahabat, makhluk suruhan, peliharaan, belaan atau penjelmaan atau gimbarnya, jelasnya.

Namun perubahan secara Islam itu, katanya, adalah perubahan yang berasaskan ilmu yang diambil dari dua sumber utama iaitu Al-Qur'an dan Al-Hadis.

"Al-Qur'an adalah penawar yang sempurna untuk semua penyakit hati dan penyakit tubuh badan malah penawar untuk semua penyakit dunia dan akhirat. Maka sesiapa yang tidak berubat dengan Al-Qur'an tidaklah dia mendapat kesembuhan Allah," jelas Dato Paduka.

Ke arah itu, jelasnya, Islam melarang menggunakan amalan-amalan cara perubatan yang bercanggah dengan syarak seperti mengamalkan ilmu hitam, sihir dan seumpamanya.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berucap ketika mengadakan perjumpaan bersama Guru-guru Besar Sekolah Ugama Daerah Temburong bertempat di Sekolah Persediaan Arab Daerah Temburong. - Foto: Masri Osman.

Ciri-ciri yang diamalkan Rasulullah hendaklah dijadikan ikutan

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

RIMBA, Jumaat, 28 April. - Dalam konteks Perkhidmatan Awam (PA) ciri-ciri yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam apa jua sudut kehidupan hendaklah menjadi ikutan dan semangat semua pegawai dan kakitangan kerajaan.

Ikutan dan pegangan itu baik dalam memperkukuhkan institusi keluarga masing-masing mahupun di dalam melaksanakan tugas tanggungjawab yang diamanahkan, agar ianya dapat dikendalikan dengan comited bukan nafsu nafsi, khilaf dan penuh iltizam bukan berpura-pura semata-mata untuk mendapatkan keberkatan dan keredaan dari Allah Subhanahu Wa-ta'ala jua.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail menjelaskan perkara tersebut di Majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Ja-

batan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di sini.

Yang Mulia Dato Paduka seterusnya berkata, meneladani keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ditambah pula dengan kecintaan yang mendalam terhadap Baginda, PA di negara ini akan dapat bertindak responsif dalam setiap keadaan dan masa serta sekali gus menghindarkan diri dari sebarang kelakuan dan tingkah laku yang boleh menjejaskan dan menggugat imej baik dan kewibawaan PA.

Majlis sambutan juga diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah daripada Pusat Da'wah Islamiah yang ceramahnya antara lain menyentuh mengenai kelebihan berselawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PARA pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendengar ceramah di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Kursus Tasawuf dan Kefahaman

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

PERAKAS, Isnin, 3 April. - Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan Kursus Tasawuf Bagi Perempuan dan Kursus Kefahaman Aqidah bagi Lelaki berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Kursus bermula 3 - 8 April lepas, bertujuan untuk mendalami lagi ilmu pengetahuan agama, khusus dalam ilmu Tasawuf, di samping menjadikan individu berkeyakinan dalam memperkuat lagi pengetahuan dari segi kerohanian dan peribadi-

datan dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

Selain dari itu kursus tersebut bertujuan memberikan kefahaman yang betul mengenai akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

LAWATAN RASMI DYTM DAN



DYTM dan YTM berangkat ke Majlis Penganugerahan 'Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang' di Istana Negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman berkenan bergambar bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan dan isteri, Puan Nathan semasa Majlis Penganugerahan 'Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang'.

Liputan
Aliddin Haji Mok
aliddin.moktal@informati
Siti Muslihat Haji S
muslihat.salleh@informati
Foto : Ramli Teng
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka

Majlis Santap Malam

SINGAPURA, Ahad, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, TYT Wong Kan Seng dan isteri.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pa-

duka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, TYT Wong Kan Seng dan isteri adalah bagi mengalu-alukan keberangkatan DYTM dan YTM yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura di sini.

Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, TYT Wong Kan Seng dan isteri adalah bagi mengalu-alukan keberangkatan DYTM dan YTM yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura di sini.



DYTM mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, TYT Wong Kan Seng. Berangkat sama ialah YAM Pengiran Muda Abdul Qawi.



KEBERANGKATAN DYTM dan YTM dijunjung oleh TYT Presiden S R Nathan.

DYTM adakan perjumpaan bersama TYT Wong Kan Seng

SINGAPURA, Ahad, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri memulakan acara lawatan rasmi dengan mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Wong Kan Seng yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt, di sini.

Turut hadir di dalam perbincangan tersebut ialah Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Associate Professor Ho Peng Kee dan bagi pihak Negara Brunei Darussalam pula ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Juga turut dalam perbincangan itu Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula dan para pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Jabatan Perdana Menteri.

Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan tradisi yang cukup erat sejak sekian lama dengan Republik Singapura dan mempertingkatkan lagi dengan hubungan diplomatik secara rasmi setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuhnya pada tahun 1984.

Jalinan kerjasama antara kedua-dua buah negara meliputi pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, pendidikan, ketenteraan dan kebudayaan.

Melawat Imi

SINGAPURA, Isnin, 8 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis di sebelah pagi hari kedua Lawatan Rasmi ke Republik Singapura memulakan lawatan ke Pihak Berkuasa Imigresen dan Pemeriksaan (ICA) terletak di Woodland sempadan penghubung antara Republik Singapura dengan Negeri Johor.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di bangunan ini, dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya ICA, Tuan Koh Chong Hwa.

Turut sama mengiringi keberangkatan DYTM ia-



DYTM dan YTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh TYT Wong Kan Seng bagi meraikan keberangkatan lawatan rasmi DYTM dan YTM ke Republik Singapura.

M KE REPUBLIK SINGAPURA

t Ibu Pejabat Polis

Pada sebelah petang, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan dengan berkenan berangkat melawat Ibu Pejabat Polis Republik Singapura di New Phoenix Park, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui dan Timbalan Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Goh Liang Kwang.

Turut sama bagi mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Ibu Pejabat Polis Republik Singapura ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Associate Professor Ho Peng Kee selaku Menteri Pengiring sepanjang lawatan rasmi DYTMM ke Republik Singapura.

Semasa keberangkatan lawatan DYTMM ke Ibu Pejabat Polis Republik Singapura dimulakan dengan sambutan dan taklimat mengenai keupayaan Operasi dan Teknologi Pasukan Polis Republik Singapura yang disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya Polis Kanan, Ang Hak Seng.

Seterusnya DYTMM berkenan dibawa melawat ke

Bilik Operasi dan Pusat Warisan Polis.

Pada sebelah malamnya, DYTMM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang disampaikan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Presiden S R Nathan dan isteri di Istana Negara.

Di antara orang kenamaan yang hadir di Majlis santap ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, TYT George Yeo dan isteri dan Menteri Tenaga Manusia serta Menteri Pertahanan Kedua, Tuan Yang Terutama Ng Eng Hen.

Sebelum Majlis Santap Malam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pembimbing, TYT Lee Kuan Yew yang berlangsung di Istana Negara.

Semasa perjumpaan tersebut, DYTMM dan Tuan Yang Terutama bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara serta hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Mengiringi DYTMM dalam perbincangan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



KEBERANGKATAN tiba DYTMM di Ibu Pejabat Polis Republik Singapura dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis Singapura, TYT Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui.



DYTMM menyaksikan secara dekat peralatan yang terdapat di Ibu Pejabat Polis Republik Singapura.

SEMASA keberangkatan ke Pusat Kawalan ICA, DYTMM disambatkan taklimat yang berkaitan dengan pusat tersebut (bawah).



n Pusat ICA

menelan belanja sekitar \$400 juta di atas keluasan 15.4 hektar dan mula beroperasi pada 18 Julai 1999 dengan pegawai dan kakitangan lebih 3,600 orang.

Ianya beroperasi 24 jam setiap hari dengan mengendalikan pemeriksaan harian keluar masuk sempadan yang mencatatkan lebih 200 ribu orang setiap hari dan mencapai kepada 7.15 juta orang sebulan.

Pos Kawalan ini juga membuat pemeriksaan harian kepada sejumlah 18,500 ke 18,700 buah kenderaan, 60 ribu motosikal, hampir 2,000 buah bas dan kira-kira 20 ribu lori.

Laluan pos kawalan ini merupakan laluan darat yang popular digunakan, di samping Pusat Pemeriksaan TUAS dan Pusat Pemeriksaan Keretapi Woodland.



PENGENDALIAN mengenai pemeriksaan kenderaan juga mendapat perhatian DYTMM semasa lawatan tersebut.

DYTMM berkenan menerima mengadap Menteri Pembimbing, TYT Lee Kuan Yew. Berangkat sama Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi (kanan).



DYTMM, YTM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolqiah serta Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi sejurus tiba di Republik Singapura.

Tiba bagi lawatan rasmi lima hari

SINGAPURA, Ahad, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, lewat petang ini berangkat tiba di Republik Singapura bagi lawatan rasmi selama lima hari.

Berangkat sama menyertai rombongan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Wong Kan Seng dan isteri; Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Professor Associate Professor Madya TYT Ho Peng Kee, selaku Menteri Pengiring dan Isteri.

Turut hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula dan Pesuruhjaya



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia semasa berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Wong Kan Seng.

Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Joseph Koh dan Isteri.

DYTMM dalam rangka lawatan ke sini juga akan mengadakan kunjungan muhibah kepada Presiden Republik Singapura, TYT S R Nathan dan Isteri dan Majlis Santap Malam yang akan disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Wong Kan Seng dan isteri.

Semasa lawatan ini, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri akan berangkat

menghadiri Majlis Resepsi yang akan disampaikan oleh Presiden Republik Singapura, TYT S R Nathan dan Isteri dan Majlis Santap Malam yang akan disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Wong Kan Seng dan isteri.

DYTMM juga berada di sini atas undangan Pasukan Polis Republik Singapura dan dijadualkan mengunjungi Ibu Pejabat Pasukan Polis Republik Singapura dan beberapa unit di bawahnya.

Sementara itu YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah juga akan berangkat mengadakan lawatan berasingan ke beberapa tempat di Republik Singapura.



HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-puji Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga serta sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua petang ini dapat berkumpul beramai-ramai di majlis ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Perkembangan Kurikulum dan Jawatankuasa

Majlis kerana menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan Pelancaran Buku Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Menengah Atas, Sekolah-sekolah Menengah. Di kesempatan ini saya juga tidak lupa mengucapkan syabas kepada Jabatan Perkembangan Kurikulum di atas kejayaan di dalam penerbitan sukatan pelajaran ini.

Kementerian Pendidikan pada masa ini sedang dalam proses memperkukuhkan atau 'consolidating' program-program pendidikan yang ada. Ini adalah sebagai usaha Kementerian Pendidikan di dalam memastikan misi baru iaitu 'Pendidikan berkualiti ke arah kemajuan, keamanan dan kemakmuran bangsa' akan dapat dicapai sebagaimana jua yang dihasratkan. Apa jua program-program pembangunan yang difikirkan itu sententunya akan memerlukan penelitian yang terperinci supaya ianya akan memenuhi kehendak dan perlaksanaannya nanti adalah lebih teratur dan terancang. Sebagaimana yang wajar, inisiatif ini melibatkan semua kumpulan

yang berkepentingan (stakeholders) kepada pendidikan dalam sama-sama untuk mendapatkan input mahupun sokongan padu bagi menggerakkannya.

Saya sendiri telah membuat beberapa lawatan ke sekolah di negara ini untuk melihat secara dekat akan pelaksanaan program-program pendidikan yang ada dan ingin mengetahui bahawa apa jua pembaharuan yang diperkenalkan itu sejajar dengan kehendaknya. Dari hasil lawatan-lawatan tersebut dan juga dari maklum balas para pengetua, guru besar dan guru-guru di sekolah-sekolah berkenaan, beberapa penemuan telah saya dapati yang mana pada pandangan saya memerlukan perhatian yang serius.

Di antara penemuan-penemuan yang saya maksudkan di sini adalah mengenai pendekatan-pendekatan yang dipraktikkan di sekolah-sekolah dalam pembelajaran dan pengajaran khususnya mata pelajaran - mata pelajaran teras (core subjects) dan juga keadaan suasana persekolahan yang kurang kondusif.

Perkara-perkara ini telah saya suarakan dan bincangkan bersama-sama dengan

Pendidikan jasmani penting pupuk pertumbuhan, perkembangan pelajar-pelajar

ketua-ketua jabatan di Kementerian Pendidikan bagi sama-sama mengambil tindakan-tindakan pembaharuan yang sesuai mengenainya. Pembaharuan yang sudah dijalankan setakat ini salah satu daripadanya adalah mempergiatkan Pendidikan Jasmani dan Program-program Pendidikan Kokurikulum.

Adalah menjadi harapan saya supaya kerjasama rapat di kalangan sekolah-sekolah dan kementerian akan terus dipergiatkan lagi bagi sama-sama untuk mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan negara ini. Saya juga berkesediaan untuk mendengarkan apa jua pandangan mahupun pemikiran dari para guru-guru sekalian dan untuk itu, insya-Allah sesi interaksi antara saya dan para Pengetua dan Guru-guru Besar akan kita laksanakan tidak lama lagi.

Sebagaimana jua yang saya sebutkan awal tadi, mempergiatkan Pendidikan Jasmani sebagai 'complementary' dan 'supplementary' kepada program dan

kurikulum sekolah adalah merupakan sebagai salah satu daripada komponen pembaharuan yang dihasratkan akan membawa perubahan positif kepada suasana persekolahan.

Pendidikan Jasmani atau Physical Education (PE) memainkan peranan penting di dalam memupuk pertumbuhan dan perkembangan diri pelajar-pelajar dari aspek jasmani, mental, sosial dan emosi. Perkara ini adalah sebagaimana jua yang selalu kita dengar iaitu 'otak yang cerdas terletak pada tubuh yang sihat.' Ianya juga memberikan nilai tambah kepada pelajaran-pelajaran lain merentasi kurikulum. Dalam kehidupan moden sekarang dan juga pada masa akan datang dengan melihat keadaan fizikal sebahagian pelajar-pelajar kita, kegiatan kecergasan dan kesukanan dalam Pendidikan Jasmani semakin diperlukan. Pendidikan Jasmani memberi ruang kepada pelajar-pelajar dalam sistem dan program

pendidikan untuk melakukan secara berkumpulan, berpeluang untuk berinteraksi kegiatan-kegiatan jasmani secara berkumpulan, berpeluang untuk berinteraksi secara sihat dan melahirkan kreativiti positif pelajar-pelajar. Apa yang diharapkan perkara ini akan menyemarakkan lagi suasana persekolahan menjadi riang ceria dan menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang lebih menyeronokkan kepada pelajar-pelajar.

Kini, mata pelajaran Pendidikan Jasmani mempunyai peruntukan waktu kurikulum yang khusus dan juga garis panduan melalui sukatan pelajaran menengah atas yang diterbitkan. Kejayaan perlaksanaannya banyak bergantung kepada guru-guru yang mengajarkannya. Pendidikan Jasmani bukan sekadar hanya membuat aktiviti fizikal tetapi juga dilengkapi dengan ilmu bantu yang perlu diketahui dan diikuti seperti asas Sains Sukan, peraturan-peraturan



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Majlis Perasmian Pelancaran Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Menengah Atas pada 9 Mac 2006 di Dewan Maktub Sultan Omar Ali Saifuddin.

kesukanan dan pertandingan, pengurusan keselamatan dan aspek-aspek lain yang perlu dipatuhi. Untuk itu, Kementerian Pendidikan amat menyedari akan pentingnya guru-guru yang mengajar pendidikan jasmani dibekalkan dengan pengetahuan, kapasiti, pedagogi dan kemahiran yang terkini dalam bidang tersebut.

Apa yang difahamkan, kita masih mempunyai kekurangan dari segi peralatan, tenaga pengajar bahkan juga infrastruktur kemudahan untuk mengadakan Pendidikan Jasmani. Walau bagaimana pun ia bukanlah sebagai penghalang bagi sekolah-sekolah untuk mengadakan program tersebut. Usaha-usaha sedang dipergiatkan oleh jabatan-jabatan dalam Kementerian Pendidikan untuk memenuhi keperluan

tersebut.

Walaupun bagaimanapun, saya sukacita ingin menyeru kepada kita semua untuk membuat anjakan 'mindset' dan bergerak secara berpasukan dalam sama-sama memastikan apa jua usaha-usaha pembaharuan yang kita laksanakan itu akan membuahkan hasil kejayaan sebagaimana jua yang dihasratkan.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya sukacita merasmikan Pelancaran Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Menengah Atas.

Wabillahir Taufiq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEMBANGUNAN

Loji Rawatan Air Sungai Liang menambah kapasiti pengeluaran air bersih

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

SUNGAI LIANG, Sabtu, 8 April. - Daerah Belait kini mempunyai loji rawatan air yang baru. Loji rawatan air yang ketiga bernilai \$67.43 juta berupaya membekalkan air bersih sebanyak 36.4 juta liter sehari.

Sehubungan itu Majlis Perletakan Batu Asas Loji

Rawatan Air Sungai Liang yang baru telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah.

Projek pembinaan loji itu bermula pada 16 Mac tahun lepas yang melibatkan

pembinaan stesen pam pengambilan air mentah dari Sungai Belait. Loji berkenaan merupakan salah satu projek termasuk di dalam projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8.

Dengan adanya loji baru itu nanti akan menambah keupayaan dan kapasiti pe-

ngeluaran keseluruhan air bersih bagi daerah ini sebanyak 90.5 juta liter sehari untuk keperluan 116,000 penduduk. Pada masa ini keramaian penduduk daerah ini lebih kurang 60,000 orang. Ini bermakna bekalan air dari loji-loji di daerah ini boleh bertahan sehingga tahun 2025.

Loji yang dijangka siap pada tahun 2007 itu akan menaikkan taraf bekalan air di semua kawasan Lumut, Sungai Liang dan kawasan pedalaman seperti Mukim Labi, Kampong Merangking, Kampong Sungai Mau dan Kampong Bukit Sawat. Loji tersebut juga berfungsi sebagai pelapis bagi pembekalan air bersih ke kawasan Seria dan Kuala Belait jika sebarang kecekapan berlaku.

Selain itu loji berkenaan juga akan membekalkan air bersih secara terhad sebanyak 10 juta liter sehari kepada Syarikat pengeluar Mentanol sahaja. Pada masa

ini Mukim Labi dibekalkan melalui Loji Rawatan Air Labi yang akan ditutup memandangkan keupayaannya yang kecil (1.2 juta liter sehari) dan ianya lebih menjimatkan bagi mukim itu untuk dibekalkan terus dari loji yang baru itu.

Bekalan air ke Mukim Labi akan disalurkan melalui sistem jaringan paip baru di bawah Kontrak Package 3 yang dijangka siap pada bulan Mei tahun depan yang melibatkan pembinaan beberapa buah tangki simpanan di tempat-tempat strategi di kawasan Andulau, Merangking, Tenajor dan Bukit Gatas Labi.

Manakala Kampong Merangking, Sungai Mau, Kampong Bukit Sawat dan Kampong Lumut yang pada masa kini menerima bekalan terus dari Loji Rawatan Air Seria akan menerima tekanan yang cukup apabila menerima sumber bekalan air bersih dari Loji Rawatan Air Sungai Liang



RASMIKAN ... Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah menyaksikan Pameran Loji Rawatan Air.

melalui tangki-tangki simpanan yang baru dibina.

Loji itu juga boleh berfungsi sebagai sandaran bagi membantu membekalkan air bersih ke kawasan Seria dan Kuala Belait jika diperlukan bila-bila masa sahaja serta membantu membekalkan air ke kawasan Telisai apabila paip penyambungan ke tangki air Telisai siap dilaksanakan

kira-kira pada 28 April tahun depan. Sistem sandaran tersebut akan dipanaskan ke Kampong Bukit Beruang di masa akan datang dan jumlah keseluruhan bagi gabungan projek pakej 2 dan 3 bernilai \$92.6 juta. Juga hadir di majlis itu Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny.



KEHADIRAN ... Tetamu kehormat, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah hadir di majlis berkenaan. Juga hadir Timbalannya, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny.

PENDIDIKAN

Pembelajaran sepanjang hayat penting

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 27 April. - Para pelajar institusi pendidikan teknik dan vokasional amat penting dibekalkan dengan pembelajaran kemahiran sepanjang hayat agar mereka dapat sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kerjaya yang diceburi.

Teks ucapan Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab diba-

cakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar di Majlis Konvokesyen Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional Ke-5 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Mulia berkata, kelulusan teknik dan vokasional adalah satu cabang alternatif bagi para pelajar mencapai tahap pengajian dan kelulusan lebih tinggi lagi yang dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan terkini untuk memasuki alam pekerjaan.

"Memandangkan kepentingan kemahiran tersebut dalam perkembangan seorang pekerja yang efektif serta efisien maka institusi-institusi pendidikan hendaklah terus memberi penekanan terhadap perkembangan 'common skills' bagi semua pelajar", jelas Yang Mulia.

Yang Mulia juga menekankan, Jabatan Pendidikan Teknik harus sentiasa memastikan semua program yang dikendalikan oleh institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional adalah relevan dengan suasana industri serta ekonomi negara.

"Untuk merealisasikan harapan ini, saya difahamkan bahawa pihak majikan dari pihak kerajaan dan juga pihak swasta telah pun dilibatkan," jelas Yang Mulia.

Dari itu Yang Mulia menekankan, perlunya per-

kongsian yang sedia ada dipertingkatkan dan dikukuhkan lagi.

Sebahagian daripada pihak majikan di negara ini jelas Yang Mulia, telah pun terlibat dalam menerima para pelajar bagi program penempatan industri ataupun menjadi Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Penasihat Program atau Jawatankuasa Penasihat Latihan Perantisan ataupun mana-mana penglibatan dalam perkembangan.

Sehubungan itu, Yang Mulia menyeru supaya lebih ramai majikan tampil dan membabitkan diri dalam proses berkenaan sambil menyuarakan Jabatan Pendidikan Teknik mengadakan kajian analisis keperluan pekerjaan yang dapat memberikan maklumat keperluan tenaga manusia yang dikehendaki industri tempatan.

"Maklumat yang diperolehi daripada kajian tersebut akan dapat digunakan untuk mengenal pasti program-program latihan yang relevan dengan perkembangan ekonomi negara," jelas Yang Mulia.

Yang Mulia menambah, sistem pendidikan teknik dan vokasional yang dapat mengeluarkan para graduan dalam pelbagai bidang kemahiran haruslah juga mempertingkatkan usaha dalam membimbing dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan muda.

"Adalah diharapkan supaya sistem pendidikan teknik dan vokasional dapat membantu negara dalam mengasuh usahawan-usahawan muda yang akan dapat

menjadi pengusaha perusahan kecil dan sederhana pada masa hadapan," kata Yang Mulia.

Seramai 541 graduan menerima sijil-sijil dan diploma masing-masing pada majlis itu termasuk tiga graduan yang menerima Anugerah Penuntut Cemerlang.

Mereka ialah Juliana Lo Nyuk Lian dalam jurusan Diploma Kebangsaan Pengurusan Hotel dan Katering, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), Dayang Norjamilah @ Norza Amlil dalam jurusan Pra Diploma Kebangsaan Sains MTSSR dan Dayang Salinawati Mohamad dalam jurusan NTC3 dalam bidang 'Dressmaking and Tailoring' Sekolah Vokasional Sultan Bolkhiah (SVSB).

Dari jumlah itu, seramai 342 graduan menerima Diploma Kebangsaan, dua menerima Sijil Kebangsaan, 115 graduan menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat Kedua dan 58 graduan lagi menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan Peringkat Ketiga serta 24 graduan menerima Sijil Vokasional Kebangsaan.

Majlis Konvokesyen Kebangsaan yang diadakan dalam bulan April ini adalah bagi para pelajar yang telah menamatkan kursus mereka pada bulan Disember 2005 di institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional iaitu MTSSR, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkhiah, Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVSB), dan Pusat Latihan Mekanik serta Sekolah Perdagangan.

Institusi pendidikan penyumbang sumber keperluan tenaga manusia

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 8 April. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata, hala tuju kejayaan terletak kepada kualiti pendidikan yang disediakan oleh sekolah-sekolah.

Yang Berhormat menambah, kejayaan boleh dicapai melalui penyediaan program pendidikan yang berkualiti, guru-guru yang berkemahiran serta perasarana yang baik, di samping mengekalkan pencapaian yang terbaik dalam peperiksaan awam. Yang Berhormat menekankan perkara itu di Majlis Sambutan Jubli Emas Sekolah Saint Margaret di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, bagi memenuhi matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan setiap institusi pendidikan sekolah-sekolah kerajaan dan swasta memainkan peranan masing-masing dengan menyediakan pendidikan yang berkualiti bagi semua. Teks ucapan Yang Berhormat dibacakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Dato Hajah Norjum binti Haji Mohd. Yusof.

Yang Berhormat juga menegaskan, adalah amat penting bagi semua institusi pendidikan di negara ini melihat diri mereka sebagai penyumbang penting kepada kemajuan sosioekonomi dan keperluan sumber tenaga manusia.

Pelbagai program dan aktiviti disusun sempena ulang tahun ke-50 pe-



KETUA Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Norjum selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan merasmikan Sambutan Jubli Emas sekolah berkenaan.

nubuhan sekolah berkenaan. Sekolah itu merupakan salah sebuah sekolah swasta tertua di negara ini dan mula ditubuhkan pada tahun 1956, di mana setakat ini mempunyai kira-kira 800 pelajar dan 55 tenaga pengajar serta kakitangan pentadbiran.

Sejak penubuhannya, sekolah itu telah mencapai kejayaan dengan mencatatkan markah kelulusan tertinggi dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Penilaian Menengah Bawah (PMB) dan 'O' Level dengan pencapaian 100 peratus lulus berturut-turut selama empat tahun sejak tahun 2002.

Dalam melaksanakan kewajipan kemasyarakatan, sekolah itu juga adalah salah sebuah sekolah yang mengurangkan yuran persekolahan kepada ibu bapa yang berpendapatan rendah. Sebagai salah sebuah sekolah yang tertua di daerah ini, sekolah

berkenaan telah mengeluarkan ramai pelajar yang berjaya dan dedikasi di mana beberapa orang daripadanya kini memegang jawatan yang tinggi sama ada di sektor kerajaan atau swasta.

Seperti sekolah-sekolah lain sekolah tersebut juga aktif dalam pelbagai bidang kegiatan kurikulum, termasuk bidang

sukan antaranya, bola keranjang, kelab catur, kelab komputer, muzik, kadet polis dan pengakap.

Juga hadir, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman.



TENANG ... Para penuntut yang mewakili 40 buah sekolah menengah seluruh negara memeras otak ketika menghadapi ujian Pertandingan Sains Olympiad Sekolah-sekolah Menengah (SSSO) 2006 di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara. - Foto: Ramli Tengah.

25 penuntut mara ke peringkat akhir Pertandingan Sains Olympiad

Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 25 April. - Pusat Perkongsian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP Centre), Kementerian Pendidikan dengan ker-

jasama Syarikat Minyak Brunei Shell telah menganjurkan Pertandingan Sains Olympiad Sekolah-sekolah Menengah (SSSO) 2006. Pertandingan berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Jalan Muara di sini.

Pertandingan kertas ujian Olympiad menganungi dua pusingan iaitu pusingan awal dan pusingan peringkat akhir. Di mana pusingan awal telah berjaya dijalankan pada 29 Mac 2006 dan berlangsung di dua tempat iaitu di MSPSBS dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.

Seramai 152 penuntut Tingkatan Empat daripada 40 buah sekolah menengah seluruh negara menyertai

pertandingan tersebut. Dalam pertandingan itu seramai 25 orang penuntut yang terbaik daripada peringkat awal mara ke pusingan akhir.

Di peringkat akhir tersebut, para peserta menduduki sebanyak tiga kertas iaitu kertas 'Theoretica I, II dan kertas ujian. Bagi kertas ujian para penuntut akan diuji kemahiran praktikal dalam tiga bidang sains iaitu biologi, kimia dan fizik. Selama tiga jam para penuntut menilai kebolehan dalam membuat pemerhatian, berfikir, menafsir, menganalisa dan pengurangan.

Bagi kertas 'Theoretica' I dan II akan diadakan pada 2 Mei 2006 juga akan berlangsung di MSPSBS.

KEMASYARAKATAN

Jangan lupa budaya setempat

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 26 April. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Mataim bin Bakar mengingatkan bahawa dalam keghairahan kita untuk memenuhi tuntutan kehidupan sejagat untuk menjadi manusia berilmu dan bermaklumat, kita mesti juga jangan lupa dengan nilai-nilai kehidupan, falsafah dan budaya setempat.

Katanya, pemilihan buku dan pengaksesan bahan maklumat mestilah dilakukan secara terkawal agar kita bebas dari pencemaran, sama ada pencemaran berbentuk visual mahupun berbentuk ideologi, kerana setiap pencemaran akan memberi kesan kepada perilaku kita bertindak dan berfikir.

Beliau menyuarakan peringatan itu ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Pelancaran Pameran

Teknologi Maklumat dan Buku yang berlangsung di The Mall di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad hadir bagi melancarkan pameran berkenaan dan seterusnya melawat petak-petak Pameran Teknologi Maklumat dan Buku.

Terdahulu Dr. Mataim menjelaskan bahawa kemajuan dan kemunduran sesebuah negara diukur berdasarkan kepada beberapa perkara, salah satu daripadanya ialah kehebatan perkembangan tradisi ilmu sesebuah negara itu.

Menurut beliau lagi, ilmu merupakan pen dan buku penjana kemajuan dalam semua bidang, misal-

nya majunya ekonomi sesebuah negara dijana oleh pakar ekonominya yang memiliki ilmu ekonomi.

"Dalam hubungan ini memang sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa teknologi maklumat dan buku merupakan alat penting yang berperanan dalam menyebarkan ilmu dan lebih tepat lagi menjadikan manusia berilmu," katanya.

Oleh itu ujarinya, Pameran Teknologi Maklumat dan Buku-buku yang diadakan selama lapan hari amat berguna kepada agenda pembangunan bangsa dan negara serta relevan dengan tuntutan global hari ini yang menginginkan warga dunia yang berilmu dan bermaklumat.

Pameran tersebut antara lain bertujuan untuk memupuk semangat budaya membaca di kalangan masyarakat dan meningkatkan semangat untuk menulis serta membangun seni kesustrasteraan

dan mengembangkan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini.

Beberapa buah syarikat komputer, kedai-kedai buku tempatan dan luar negara, kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan menyertai pameran yang berlangsung lebih seminggu. Pameran itu dianjurkan oleh DBP dengan kerjasama Perkhidmatan Pengurusan Tempatan, Hussayim Even Management (HEM).

Di samping itu Pameran Teknologi Maklumat dan Buku berkenaan turut dijayakan oleh beberapa persatuan. Bagi menjayakan pameran tersebut pelbagai kegiatan dan program sepanjang program juga telah disediakan lebih 300 hadiah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad melancarkan Pameran Teknologi Maklumat dan Buku anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Hussayim Even Management (HEM) di The Mall Gadong. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Sesuatu yang memabukkan, menghilangkan akal, hukumnya haram

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BERAKAS, Sabtu, 29 April. - Dalam syariat Islam, sesuatu yang memabukkan dan yang menyebabkan kehilangan akal sama ada dalam bentuk gas, cecair atau pepejal merupakan khamar dan hukumannya adalah haram.

"Dadah termasuk dalam kategori ini dan menurut hukum Islam menghidu gam dalam bentuk gas atau menyuntik sesuatu dalam bentuk cecair atau memakan pil dadah dalam bentuk pepejal yang pelbagai nama dan istilahnya itu adalah haram," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa merasmikan Perkhemahan Belia Masjid Benci Dadah bertempat di

Taman Rekreasi Hutan Berakas.

Beliau berkata, gejala penyalahgunaan dadah merupakan satu daripada masalah sosial yang dihadapi di Negara Brunei Darussalam yang tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja malah juga menerobosi institusi kekeluargaan dan jantina dalam erti kata penyalahgunaannya bukan sahaja dari kalangan orang bujang, remaja dan belia malah juga para suami dan bapa yang telah berkeluarga.

Setiausaha Tetap KHEDN menambah, ia bukan sahaja melibatkan golongan lelaki tetapi juga golongan perempuan dan para isteri.

Dato Seri Setia menjelaskan, objektif utama Per-

khemahan Belia Masjid Benci Dadah yang julung kali diadakan merupakan salah satu usaha membendung masalah penyalahgunaan dadah dan pada masa yang sama bagi merealisasikan visi Jabatan Biro Kawalan Narkotik iaitu mewujudkan masyarakat bebas dadah dan rakan kongsi keselamatan.

Seramai 157 belia Masjid Perpindahan Mata-Mata menyertai perkhemahan yang diisikan dengan pelbagai aktiviti termasuk Semabhyang Berjemaah, Kuliah Subuh, Seni Mempertahanan Diri, Ceramah Motivasi dan lain-lain lagi.

Perkhemahan dua hari itu dianjurkan oleh Biro Kawalan Narkotik dengan kerjasama DATALISH Adventure dan Ahli jawatankuasa Masjid Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

tanggung oleh keluarga Awang Haji Nasar bin Haji Shawal serta keluarga Awang Azmain bin Abdul Kadir.

Keprihatinan pihak YSHHB dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan adalah selaras dengan dasar penubuhannya.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim menyampaikan sumbangan YSHHB. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Mangsa kebakaran terima sumbangan

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

MENTIRI, Sabtu, 29 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menyumbangkan derma kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Kampong Mentiri. Majlis berlangsung di rumah kediaman Awang Diwa bin Rabaha, Ketua Kampong Mentiri di sini.

Sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim yang berjumlah \$2,300.00; selain peralatan keperluan persekolahan kepada anak-anak mangsa, manakala sumbangan Jabatan Pembangunan Masyarakat berjumlah \$6,400.00 dan disampaikan oleh Pengarahnya, Datin Hajah Adina binti Othman.

Turut menyumbangkan derma di majlis tersebut ialah Syarikat Nestle Product Sendirian Berhad be-

rupa barang makanan keluaran Nestle dan disampaikan oleh Pengurus Syarikat berkenaan Awang Mohd. Ismail.

Sumbangan yang dihulurkan diharap akan dapat meringankan beban yang di-

Laporkan penyelewengan dan salah laku akidah

PULAIE, Isnin, 1 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyeru masyarakat di negara ini supaya bekerjasama dengan pihak berkuasa jika mendapati adanya salah laku dan penyelewengan akidah yang dilakukan oleh segelintir perawat dalam pengobatan, dengan melaporkan perkara tersebut kepada pihak-pihak yang berwajib untuk menyelamatkan akidah umat Islam di negara ini.

Dato Paduka membuat seruan tersebut ketika merasmikan Harakah Da'wah Sempena 20 Tahun Pusat Da'wah Islamiah yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah.

Terdahulu dari itu Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zasia selaku Pengerusi Majlis menerangkan program yang diadakan itu adalah untuk memberikan penjelasan dan maklumat yang tepat mengenai kekeliruan, kesalahfahaman atau penyelewengan segelintir masyarakat terhadap akidah atau ajaran Islam khususnya mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan perubahan dan rawatan.

Selain mengumpul maklumat mengenai rawatan-rawatan yang diamalkan di negara ini untuk tujuan bahan rujukan, ianya juga dihasratkan untuk memberi keyakinan kepada masyarakat di negara ini mengenai

rawatan dengan penggunaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tegasnya, dengan adanya majlis seumpama itu akan dapat mengubah kecenderungan masyarakat yang masih menggunakan rawatan yang bercanggah dengan Islam kepada rawatan yang benar-benar bersumberkan Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, terutama di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan soal-soal kebatinan, gangguan makhluk halus seperti sihir-menyihir, ada kaitan dengan makhluk halus selain manusia.

Untuk menyampaikan misi dan visinya program ini akan dilartakan di kesemua daerah di negara ini.

Majlis Khatam Al-Qur'an SUAMPRIPAD

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN - Sabtu, 29 April. - Seramai 101 orang penuntut Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) telah diraikan di Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di dewan sekolah tersebut disini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Agama, Dato Seri Setia Ustaz Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir.

Di majlis tersebut, bacaan surah-surah, bacaan takhlim telah dibacakan oleh penuntut-penuntut

Tingkatan Empat dan bacaan doa khatam oleh seorang penuntut yang diraikan.

Acara itu juga diserikan dengan Dikir Marhaban yang juga disampaikan oleh penuntut-penuntut khatam dan seterusnya upacara menabur bunga rampai oleh tetamu kehormat dan para ibu bapa penuntut yang khatam.

Dato Seri Setia Ustaz Haji Rajid seterusnya menyempurnakan penyerahan sijil kepada penuntut-penuntut yang diraikan. Di akhir majlis, bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Ustaz Sayyid Ali Mustafa Muhammad Ali.



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dato Seri Setia Ustaz Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir menyampaikan sijil kepada seorang penuntut khatam (atas), sementara gambar bawah, penuntut-penuntut yang terlibat dengan Majlis Khatam Al-Qur'an.





KETUA rombongan usahawan-usahawan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Latif bin Haji Aspar dialu-alukan sejurus tiba di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).



PARA usahawan-usahawan kecil sederhana (SME) Negara Brunei Darussalam merakamkan gambar kenangan di depan bangunan salah sebuah perusahaan yang terdapat di Kota Kinabalu, Sabah. Siri lawatan ini merupakan langkah pendedahan usahawan-usahawan tempatan dalam menerokai pelbagai bidang perusahaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Lawatan usahawan SME capai objektif

LAWATAN Sambil Belajar Usahawan-SME/SMI Negara Brunei Darussalam pada 22 Mac lalu di Pusat Sumber dan Piawaian, Bahagian Promosi dan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dengan kerjasama Syarikat Khidmat Pengurusan Teguh Harapan yang dilantik sebagai kordinator untuk mengurus sepenuhnya program tersebut mencapai objektif yang disasarkan.

Beberapa siri lawatan ke institusi-institusi industri dan penyelidikan, pembangunan produk dan pusat latihan telah diadakan yang mana kesemuanya telah memberi kerjasama yang diharap sebagai pemangkin kepada usahawan-usahawan untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman untuk mereka memajukan perniagaan yang diceburi atau akan diceburi dan sebagai motivasi diri untuk maju serta berdaya saing dalam arena keusahawanan global. Rombongan diketuai oleh Awang Haji Abdul Latif bin Haji Aspar dan dibantu oleh beberapa kakitangan Pusat Sumber dan Piawaian.

Siri pertama lawatan tertumpu di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) di mana rombo-

Sumbangan Zaki Haji Sahak

ngan telah disambut dan dialu-alukan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KKIP, Pengiran Saifudin bin Pengiran Tahir.

Beliau sendiri telah memberi penerangan tentang latar belakang dan bagaimana KKIP beroperasi secara keseluruhannya untuk membangunkan sektor-sektor industri yang berdaya maju dari dalam dan luar negara yang beroperasi di KKIP.

Penerangan lanjut mengenai latar belakang KKIP dan fungsinya sebagai anak syarikat penuh kerajaan negeri juga telah diadakan di bilik mesyuarat disampaikan melalui multimedia. KKIP telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kawasan perindustrian yang luas di mana dibina tapak-tapak industri seperti kilang-kilang mesra alam, malah KKIP dengan menyediakan peluang pelaburan kepada syarikat-syarikat asing untuk beroperasi di KKIP dengan menyediakan prasana yang lengkap, seperti tapak industri yang boleh disewa atau dibeli, bekalan tenaga seperti elektrik, air dan telekomunikasi serta juga pengurusan yang cekap. Ini

sudah pasti mampu meyakinkan pelabur-pelabur yang akan mereka peroleh.

Lawatan kedua telah dibuat di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Rombongan disambut oleh Pengarah MARDI, Dr. Abdul Rashid bin Baba yang telah memberi penerangan tentang peranan dan tanggungjawab MARDI dalam membina dan memajukan produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh petani-petani dan pengusaha-pengusaha tempatan.

Kemajuan demi kemajuan yang dicapai oleh MARDI yang seharusnya dipelajari dan dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam seperti penyelidikan menggunakan teknologi terkini, pemrosesan produk dengan mesin-mesin yang berteknologi, pembungkusan dan pelabelan serta juga kaedah pemasaran yang canggih dan teratur. Kesemua ini amat berguna kepada pengusaha-pengusaha di Negara Brunei Darussalam untuk lebih maju dan berdaya saing sama ada dalam atau luar negara.

FAMA Negeri Sabah

merupakan destinasi lawatan yang ketiga pada hari yang sama. Rombongan disambut dan mendengar sendiri penerangan daripada Pengarah FAMA Negeri Sabah mengenai FAMA dan peranannya terhadap perkembangan pemasaran produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan.

FAMA telah berjaya memasarkan pelbagai produk tempatan di dalam dan luar negara bahkan sudah lama memasuki pasaran Negara Brunei Darussalam, dengan jenama produk terkenal FAMA iaitu AgroMas dan beberapa produk pengusaha yang dibangunkan oleh FAMA.

Kepakaran yang terdapat pada FAMA dapat dipelajari dan dibawa masuk ke negara ini untuk membantu pengusaha-pengusaha tempatan dalam memajukan industri produk tempatan yang bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi melangkah maju memasuki pasaran luar negara.

Pusat Latihan Bersepadu Penampang merupakan destinasi lawatan seterusnya pada 25 Mac 2006. Rombongan disambut dan dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah yang juga selaku Pengetua Pusat Latihan Encik Siegfried Gumpil.

Pusat Latihan Pertanian tersebut menyediakan pelbagai program latihan kepada sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang pertanian, perladangan dan penternakan bahkan melatih beberapa kakitangan dari Jabatan Pertanian yang dihantar ke sana. Jabatan Pertanian Negara Brunei Darussalam juga menghantar beberapa orang peserta untuk mendapatkan latihan di pusat latihan pertanian tersebut.

Selepas sesi penerangan, rombongan dibawa melawat ke beberapa ladang dan tempat-tempat di mana peserta diberi latihan praktikal secara keseluruhan. Encik Siegfried Gumpil menyarankan kepada sesiapa yang berminat untuk mendapatkan latihan di Pusat Latihan Bersepadu Penampang bolehlah membuat permohonan untuk dipertimbangkan.

Jadual lawatan sambil belajar berakhir dengan sesi lawatan ke Pusat Pembikinan Baka Udang dan Ikan di Laya-Laya Tuaran. Pusat Pembikinan Baka tersebut merupakan milik Koperasi Nelayan dalam memajukan dan membantu pengusaha sektor penternakan udang dan ikan. Encik Borhan merupakan Ketua Operasi yang menguruskan pusat tersebut. Menurut beliau baka-baka udang dan ikan tersebut merupakan baka baru dan memerlukan perhatian sepenuhnya. Jika berlaku kesilapan walau sedikit pun akan mengakibatkan kematian dan kerugian kepada baka-baka tersebut.

Rombongan dibawa melihat lebih dekat lagi sekitar pusat tersebut untuk mendedahkan kepada peserta, bagaimana cara-cara pemeliharaan baka yang teratur dan ber sistem serta mampu menghasilkan baka udang dan ikan yang baik serta bermutu tinggi melalui penjagaan yang rapi.

Pihak penganjur, Pusat Sumber dan Piawaian, Bahagian Promosi dan Keusahawanan KPSSU dengan kerjasama Syarikat Khidmat Pengurusan Teguh Harapan mengharap lawatan tersebut akan mem-



USAHAWAN-USAHAWAN diberikan taklimat mengenai peluang pelaburan bersama KKIP menyediakan prasana yang lengkap, seperti tapak industri yang boleh disewa atau dibeli, bekalan tenaga elektrik, air dan telekomunikasi serta kemudahan lain sebagaimana yang terdapat dalam model di atas.



DALAM rangka lawatan para usahawan berkesempatan melawat ke Pusat Pembikinan Baka Udang dan Ikan Laya-Laya Tuaran. Pusat pembikinan baka ini merupakan milik Koperasi Nelayan yang mengusahakan sektor penternakan udang dan ikan.

buka mindanya para peserta untuk mempelajari dan mengambil peluang yang mereka peroleh dan lihat untuk memajukan serta menghasilkan industri produk tempatan.

Menurut Pengurus Khidmat Pengurusan Teguh Harapan, Awang Dzulkipli Asmat, Program

Lawatan Sambil Belajar merupakan program syarikat yang sentiasa diadakan untuk membantu usahawan-usahawan Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman melalui lawatan ke beberapa tempat tertentu sama ada di dalam atau luar negara.



PELBAGAI produk perusahaan telah ditinjau oleh para usahawan semasa lawatan tersebut. Kelihatan rombongan mengunjungi salah satu perusahaan yang terdapat di Sabah.

SUKAN

Kursus Kejurulatihan Kriket

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 April. - Seramai 125 orang guru termasuk 65 guru wanita seluruh negara menyertai Kursus Pengenalan dan Kejurulatihan Kriket Sekolah Rendah selama empat hari di Padang Kriket Ong Sum Ping, di sini.

Kursus julung kali itu merupakan usaha Kementerian Pendidikan bagi mempelajari cara-cara dan teknik permainan kriket dengan betul, di mana pengalaman dari kursus itu akan disampaikan dan diterapkan kepada murid-murid di sekolah masing-masing.

"Tidak mustahil satu hari nanti, kita akan dapat melahirkan pemain kriket yang bertaraf tinggi dan setanding dengan pemain-pemain yang terkenal," jelas Awang Haji Rusdi bin Haji Abdul Latif selaku pengerusi majlis pembukaan rasmi kursus

berkenaan.

Kursus berkenaan mendapat sokongan dari Persatuan Kriket Negara Brunei Darussalam, Majlis Kriket Antarabangsa dan Majlis Kriket Asia yang menyumbangkan sebanyak 20 'starter kit' permainan kriket kepada Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Tetamu kehormat, Pengiran Haji Idris bin Pengiran Haji Abu Bakar menerima sumbangan 'starter kit' kriket berkenaan daripada Yang Dipertua Persatuan Kriket Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Abdul Wahab.

Kursus berkenaan dijangka akan dilanjutkan pada bulan Jun depan yang akan dikendalikan oleh jurulatih profesional dari Majlis Kriket Asia.



YANG Dipertua Persatuan Kriket, Awang Haji Wahab menyampaikan sumbangan 'starter kit' kepada Pengiran Haji Idris bin Pengiran Haji Abu Bakar. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

ABDB rangkul empat dari tujuh acara perlumbaan

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

MUARA, Ahad, 30 April. - Pasukan lumba perahu Majlis Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) membuktikan kehebatan selepas mudah merangkul empat dari tujuh acara yang dipertandingkan pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Kebangsaan 2006 di Kompleks Sukan Air Serasa, Muara, di sini.

Kejayaan pasukan lumba perahu ABDB diperolehi menerusi acara 800 m bagi 10 pendayung perahu tradisi terbuka, 800 m bagi 20 pendayung perahu tradisi terbuka, 800 m bagi 20 pen-

dayung perahu 'fiber glass' dan acara 800 m bagi 30 pendayung perahu tradisi terbuka yang menjadi acara kemuncak.

Keceriaan Pasukan ABDB itu juga dapat dirasakan oleh Pasukan Seri Baru-Baru yang berjaya menjadi johan bagi kategori 800m bagi 10 pendayung perahu tradisi terbuka, 800m bagi 10 pendayung perahu 'fiber glass' (remaja) dan 800m bagi 15 pendayung perahu tradisi terbuka.

Pertandingan kali ketujuh anjuran Persatuan

Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dirasmikan oleh Yang Dipertua Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan, Awang Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

Seramai 340 peserta yang mewakili lapan pasukan termasuk ABDB 'A', ABDB 'B', Seri Baru-Baru 'A' dan 'B', Kampong Saba Perkasa 'A' dan 'B', Kampong Lorong Dalam dan Pasukan Polis Diraja Brunei telah menyertai kejohanan itu.



YANG Dipertua Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan, Awang Mohd. Noor bin Haji Abdullah diperkenalkan kepada para peserta. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Futsal antara kementerian

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 2 Mei. - Sejumlah 13 buah kementerian menyertai Kejohanan Futsal Antara Kementerian Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-12 kelolaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kejohanan yang berjalan selama 12 hari dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan dengan dua kategori iaitu khas dan terbuka yang dilancarkan oleh Pemangku Timbalan Ketua Pengarah JPA, Awang Haji Mohd. Taib.

Pelancaran rasmi kejo-



PEMANGKU Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Awang Haji Mohd. Taib melancarkan Kejohanan Bola Sepak Futsal di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

hanan itu diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang mendapat sambutan menggalakkan daripada para peminat dan pemain bola sepak.

Dalam perlawanan pembukaan di antara Ke-

menterian Pembangunan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama 'A', Pasukan Kementerian Pembangunan menang lega dengan 3 - 0 walaupun seri di separuh masa pertama.

Dengan kemenangan itu pasukan Kementerian

Pembangunan meraih mata penuh tetapi masih harus berdepan dengan pasukan lain bagi melayakkan ke pusingan suku akhir.

Perlawanan akhir kejohanan itu akan diadakan pada 20 Mei ini di tempat yang sama.



AWANG Haji Mohd. Taib diperkenalkan kepada ketua pasukan-pasukan sebelum perlawanan bermula. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

SMPIHM muncul juara berpasukan rentas desa Kadet Tentera

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 5 Mei. - Awangku Mohammad Haniz Marzuki Pengiran Ismail dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPIHM), Kampong Serasa yang masing-masing juara perseorangan dan berpasukan Kejohanan Rentas Desa Kadet Tentera anjuran Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB).

Beliau yang mewakili Maktab Anthony Abell, Seria berjaya mencatat 31 minit dan 52 saat bagi mengalahkan lebih 150 peserta yang lain. Tempat kedua disandang oleh Rosmi Merali, peserta dari

SMPIHM yang tertinggal lebih satu minit. Manakala Najib Asmawi Haji Ghani wakil Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH), Tutong di posisi ketiga dengan hanya ketinggalan beberapa saat dari peserta kedua.

Sementara Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) di tempat kedua berpasukan, manakala SMMH merangkul tempat ketiga.

Kejohanan tahunan itu dilangsungkan di Markas ASMDB di Kampong Rimba dengan disertai oleh 15 buah pasukan terdiri dari maktab, sekolah-sekolah me-

nengah kerajaan dan swasta dari seluruh negara melibatkan lebih 150 peserta yang dibahagikan kepada perseorangan dan berpasukan.

Larian lebih 7.5 kilometer itu bagi menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta yang terdiri dari Kadet Tentera yang bersekolah selain menamatkan semangat berpasukan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ketua Kegiatan Luar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Ali bin Haji Ismail.



PESERTA rentas desa yang mewakili sekolah dan maktab bersaing hebat di Kejohanan Rentas Desa Kadet Tentera. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

HSBC bantu Program Pembangunan Sukan

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 24 April. - The Hongkong dan Shanghai Bank Corporation (HSBC) melancarkan Program Pembangunan Sukan bagi kanak-kanak dan remaja di Kompleks Pulaie, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Program di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) - HSBC Cares itu dilancarkan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Guy Priestly serta Pengurus Pematuhan dan Kawalan Dalaman, Dayang Hajah Nor-mah Ismail yang juga Pengerusi Bersama CSR.

Guy Priestly semasa berucap menyatakan, penghargaan kepada Datin Hajah Adina dan pegawai-pegawai Kompleks Pulaie kerana meluangkan masa dan kemahiran untuk mempromosikan program itu.

Beliau kemudian menyerahkan 23 pasang pakaian dan kelengkapan sukan untuk para peserta kepada Datin Hajah Adina.

Ini merupakan program pertama anjuran HSBC Cares yang ingin memastikan aktiviti sukan bagi meningkatkan minat bersukan di kalangan kanak-kanak dan remaja. Program itu disertai dengan persembahan senamrobik dan perlawanan bola persahabatan antara pegawai Kompleks Pulaie dan HSBC.

SUKAN

Peserta Kursus Gimnastik terima sijil

TUTONG, Khamis, 27 April. - Seramai 66 orang Guru Pendidikan Jasmani sekolah-sekolah menengah kerajaan seluruh negara yang mengikuti Kursus Gimnastik Fasa Kelima berakhir dengan penyampaian sijil.

Majlis Penyampaian sijil tersebut di sempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendi-

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

dikan, Dayang Hajah Aishah binti Haji Husain.

Sebagai satu langkah dan usaha Jabatan Perkembangan Kurikulum untuk memperbaiki kurikulum Pendidikan Jasmani ialah dengan mengemas kini pelaksanaan di sekolah-sekolah ke arah menjayakan

kurikulum yang seimbang seperti yang dihasratkan dalam matlamat pendidikan negara.

"Bagi tujuan itu, pada tahun 2004 Kurikulum Pendidikan Jasmani di peringkat Sekolah Menengah telah dilancarkan dan melaksanakan mata pela-

jaran Pendidikan Jasmani seperti yang disarankan dalam sukatan pelajaran telah dilaksanakan dan dalam hal ini guru-guru perlu diberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan," jelasnya.

Katanya, pada 17 Mac 2004 yang lalu kursus fasa pertama telah dimulakan dan dijangka berakhir pada bulan Mei 2006 ini.

Kursus Gimnastik Bagi Guru-guru Pendidikan Jasmani telah bermula pada 30 Mac sehingga 27 April 2006 dan dikendalikan oleh Jurulatih-jurulatih Jasmani ABDB.

Sepanjang menjalani kursus, para peserta telah diberikan tunjuk ajar mengenai kaedah dan teknik jasmani dan juga diberikan ujian ketahanan fizikal.

Kursus Gimnastik bagi fasa kelima ini juga bertujuan untuk memberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan yang lebih luas kepada Guru-guru Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah dan maktab seluruh negara.



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Aishah menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Gimnastik Fasa Kelima yang disertai oleh 66 orang Guru Pendidikan Jasmani. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.



SEORANG peserta Kursus Pendidikan Jasmani memperlihatkan aksi menarik di Majlis penyampaian Sijil Kursus Gimnastik yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih jasmani Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.



SEORANG pemain kedua-dua pasukan cuba merampas bola tinggi dalam aksi perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Peringkat ABDB di Padang Penanjong Kem.



TERHALANG ... Penjaga gol berjaya menghalang tendukan pemain Tentera Darat Diraja Brunei yang hampir membuahkan arianing di depan pintu gol. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Tentera Darat Diraja Brunei atasi Perkhidmatan Bantu

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Rabu, 26 April. - Pasukan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) menjuarai buat kali kedua berturut-turut Kejohanan Bola Sepak Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selepas menumpaskan Pasukan Perkhidmatan Bantu ABDB 3 - 2 menerusi sepakan penalti di Padang Penanjong Kem, di sini.

Perlawanan akhir yang menarik itu menampilkan persembahan yang bermutu dari kedua-dua pasukan, malah persiapan rapi mereka membuat kedudukan terikat, 2 - 2 sehingga tamat perlawanan, bagaimanapun Pasukan TDDDB lebih menyerlah menerusi sepakan penalti untuk menjulang piala.

Terdahulu dari itu, Pasukan Institut Latihan

ABDB berjaya menduduki tempat ketiga selepas membelasah Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), 6 - 4.

Pada kejohanan itu, pemain daripada Pasukan Perkhidmatan Bantu, Md. Hilmi dipilih selaku pemain terbaik, sementara Alim Samdi yang mewakili Pasukan TDDDB menjadi penjaring terbanyak kejohanan.

Pemerintah TLDB, Kolonel (L) Joharie bin Haji Matussin yang hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan Piala Rebutan dan hadiah-hadiah kepada pasukan pemenang.

Kejohanan itu dihasratkan sebagai batu loncatan bagi memilih pemain-pemain yang berbakat untuk diserapkan ke dalam pasukan bola sepak ABDB.

Kejohanan Badminton Piala Penaung Majlis Wanita

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn



YANG Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Haji Abang Razali. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 April. - Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam turun ke gelanggang memulakan persaingan dan berentap untuk memburu kejuaraan pada Kejohanan Badminton Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Haji Abang Razali telah melancarkan perasmian kejohanan kali kelapan di Dewan Kompleks Sukan Menglait, di sini.

Beliau berharap kejohanan itu akan memupuk kerjasama yang mantap dari semua ahli terlibat di

mana ia boleh dijadikan landasan untuk mengeratkan kesefahaman, lebih-lebih lagi Majlis Wanita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan ASEAN Confederation of Women Organisation Kali Ke-12 pada bulan November di sini.

"Kerjasama bersepadu, komitmen yang jitu serta 'teamwork' yang mantap menjadi kunci kejayaan kepada pelaksanaan dan perancangan," jelasnya.

Kejohanan yang dijangka akan berakhir pada 21 Mei ini dikelolakan oleh Bahagian Wanita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) dan disertai oleh lapan buah pasukan yang dibahagi kepada dua kumpulan.

Kumpulan A terdiri daripada Pasukan BAKTI, Pandu Puteri, Kelab Wanita Antarabangsa (IWC) dan PGGMB, sementara

pasukan BISTARI, PERTIWI, Perkumpulan Wanita (WI) dan PERBEKAL bersaing dalam kumpulan B.

Kejohanan dwitahunan itu antara lain adalah untuk meningkatkan perpaduan dan silaturahim di kalangan persatuan yang bergabung di dalam Majlis Wanita dalam suasana kesukanan yang tulen.

Selain itu, ia juga diharapkan dapat melatih ahli-ahli ke arah semangat bekerjasama secara berpasukan selain memberi kesedaran akan manfaat kesihatan badan melalui kegiatan bersukan yang seimbang.

Kejohanan Badminton Piala Penaung julung kali diungkayahkan pada 17 Mac 1989 yang dikendalikan oleh Persatuan BISTARI.



SEJURUS selepas majlis perasmian, Datin Hajah Fatimah kemudian diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mewakili pertubuhan-pertubuhan dan persatuan wanita yang menyertai Kejohanan Badminton. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Kebawah DYMM utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura di atas kemenangannya dalam pilihan raya umum Republik Singapura dan juga kemenangan besar Parti Tindakan Rakyat (PAP) baru-baru ini.

Dalam perutusan tersebut, baginda berharap agar pentadbiran pimpinan TYT Lee Hsien Loong yang akan datang akan memperolehi kejayaan yang berterusan. Baginda seterusnya menyatakan kesediaan untuk meneruskan kerjasama yang telah sedia wujud di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dan juga sebagai rakan dalam rantau ASEAN.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima junjung ziarah pembesar-pembesar negara sejour sebelum berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Republik Singapura.

Berangkat ke Republik S'pura

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman berangkat ke Republik Singapura bagi lawatan rasmi lima hari.

Sebelum berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Abdul Hamid bin Bakal.

Berangkat menyertai Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berangkat melawat Persatuan Cegah Kekejaman Ke Atas Binatang (SPCA), dalam rangka lawatan rasmi ke Republik Singapura.

Sebuah hospital baru akan dibina

Dari muka 1

"Usaha juga sedang dijalankan bagi mengatasi kekurangan ubat-ubatan dan peralatan rawatan yang sering timbul dengan mengambil kira cara memperolehi, simpanan, pembahagian, menyampaikan dan mempreskripsikan penggunaan ubat-ubatan dengan lebih efisien dan jimat," tambahnya.

Yang Berhormat juga mengakui, Kementerian Kesihatan perlu melabur ke dalam perkembangan sumber tenaga manusianya, kerana menghadapi masalah tenaga manusia dalam bidang kepakaran, perubatan, kejuruteraan hingga ke kakitangan bantuan.

"Dalam hal ubat-ubatan palsu yang dihadapi oleh sebahagian negara-negara di Asia Tenggara yang menca-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi mengadakan perjumpaan bersama seorang doktor swasta di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Pg. Rafee Dato Paduka Pg. Haji Metassim.

pai sehingga 38 peratus, setakat ini Brunei tidak memiliki atau menggunakan ubat-ubatan palsu," tegasnya.

Hal ini, jelas Yang Berhormat, satu perkara yang sangat perlu dipantau berterusan kerana kita tidak mahu orang ramai pudar

keyakinan mereka mengenai ubat-ubatan palsu yang boleh mendatangkan risiko yang boleh memudaratkan kepada pesakit seperti keracunan, kecacatan malah kematian.

Jelasnya, kos kesihatan meningkat dan hal ini tidak dapat dielakkan kerana

adanya teknologi dan ubat-ubat baru, tetapi kita mesti mencari jalan bagi mengurangkan pembaziran ubat-ubatan melalui banyak cara yang sesuai.

Oleh itu, menurut Yang Berhormat, kita sedang mengkaji 'set-up' pentadbiran di Kementerian Kesihatan, Rumah Sakit RIPAS dan hospital-hospital kerajaan yang lain sebagai usaha memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat dengan lebih berkesan seperti mengurangkan birokrasi 'red-tape' dan prosedur agar hasrat memberi perkhidmatan kepada orang ramai semakin lebih baik, selain dari melihat peluang yang boleh dikembangkan antara sektor kesihatan kerajaan dan swasta.

Yang Berhormat turut memetik penyenaian Perubatan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai sistem penjagaan kesihatan dunia

dengan menyenaraikan Brunei pada kedudukan ke-40 daripada 191 buah negara yang mana negara ini masih tertinggal jauh oleh Republik Singapura Ke-6, Oman Ke-8, Arab Saudi Ke-26 dan Maghribi Ke-29 dari segi senarai.

Objektif utama majlis itu ialah berkongsi maklumat terkini mengenai dasar, hala tuju dan strategi Kementerian Kesihatan serta perkembangan semasa mengenai isu-isu kesihatan, di samping bersuara kenal dan beramah mesra bagi meningkatkan hubungan muhibah.

Antara acara yang diadakan termasuklah sesi perbincangan dan soal jawab.

Kira-kira 60 orang Doktor dan Doktor Perubatan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pusat Perubatan Jerudong Park dan Syarikat Minyak Brunei Shell menghadiri majlis itu.

Berkenan berangkat melawat SPEA

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

Siti Muslihat Haji Salleh

muslihat.salleh@information.gov.bn

SINGAPURA, Isnin, 8 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman di sebelah petang hari kedua lawatan rasmi ke Republik Singapura berkenan melawat Persatuan Cegah Kekejaman Ke Atas Binatang (SPCA) yang terletak di Jalan Mount Vernon di sini.

Yang Teramat Mulia diiringi oleh isteri Menteri Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Puan Chia Choi Ping.

Ketibaan Yang Teramat Mulia di persatuan ini di alu-alukan oleh Pengerusi Persatuan berkenaan, Puan Mary Soo Poh Hua.

Sejour ketibaan, Yang Teramat Mulia terlebih dahulu mendengar sembah alu-aluan dan taklimat, masing-masing disampaikan oleh Puan Mary Soo Poh Hua dan Pegawai Eksekutif Pendidikan pusat berkenaan, Salina Sebastian.

Menurut Pengerusi SPCA, fungsi persatuan ini adalah untuk menyelamatkan binatang-binatang yang terbiar. Ditubuhkan pada tahun 1947, ianya menerima kira-kira 1,000 haiwan terbiar setiap bulan dan lebih 12,000 binatang yang tidak dikehendaki seti-

ap tahun yang sebilangan besarnya adalah haiwan peliharaan yang dibuang atau teraniaya oleh pemiliknya.

Antara binatang-binatang terbiar yang pernah dipelihara termasuklah kucing, anjing, anab dan beberapa spesies tikus.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan oleh pusat ini termasuklah memberikan perkhidmatan kecemasan 24 jam kepada haiwan, perkhidmatan klinik haiwan, penyisiran aduan-aduan kekejaman terhadap binatang, menyelamatkan binatang-binatang yang berkeliaran dan tidak dikehendaki, menyediakan tempat tinggal yang baik melalui skim pengangkatan binatang; dan juga mengadakan ceramah-ceramah pendidikan mengenai perkhidmatan pusat berkenaan kepada organisasi-organisasi yang memerlukan khidmat nasihat yang berkaitan dengannya.

Dalam lawatan ke kawasan binatang-binatang peliharaan di sini, Yang Teramat Mulia memusatkan perhatian terhadap kucing-kucing peliharaan yang dikendalikan dan pelihara oleh persatuan ini.

Sebelum mengakhiri lawatan, Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani gambar kenangan

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia aktif dalam mempromosi hubungan dua hala antara Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Republik Singapura.

Terdahulu dari itu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Wong Kan Seng.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menerima tabik hormat diraja dan seterusnya dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Pasukan Polis Republik Singapura seramai 24 anggota di bawah perintah Penguasa Polis Terence.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menandatangani buku lawatan dan disusuli

dengan kunjungan muhibah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S. Nathan.

Selepas 'Upacara pengahutan Bintang Darjah Utama Bakti Cemerlang', Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi yang disempahkan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Presiden S. Nathan dan isteri, Puan Nathan yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Berangkat sama menyertai Duli Yang Teramat Mulia dalam atur cartersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

GUNAKAN AIR DENGAN BIJAKSANA

كوناكن اير دغن بيجقسنا

دترتيبكن اوله جياتن فرائغن، جياتن فردان منترى دان دجيتق اوله جياتن فرچيتقن كراجان، جياتن فردان منترى، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba &
Penyelamat

995

Mencari &
Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat
Penerbangan

2331747

Pusat Mencari &
Menyelamat
(udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan
Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

KUALA Belait merupakan daerah terbesar di negara ini. Selain dari kaya dengan hasil utama negara iaitu minyak dan gas, daerah ini juga kaya dengan alam flora dan fauna dan tidak ketinggalan juga mempunyai tempat-tempat menarik yang memang menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Seperti daerah-daerah lain di negara ini, Daerah Belait dikenal pasti mempunyai 14 tempat menarik yang menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara. Antara tempat-tempat tersebut termasuklah Taman Rekreasi dan Hutan Simpan Sungai Liang, Taman Rekreasi Luagan Lalak, Wasai Wong Kadir, Rumah Panjang Labi, Taman Rekreasi Anduki Jubilee, Pantai Lumut, Pekan Seria, Tamu Seria, Tugu Peringatan Sejuta Tong, Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), Bandar Kuala Belait, Tamu Kuala Belait, Taman Jubilee Perak dan Safari Sungai Belait.

Ekoelancongan kali ini mengupas sedikit mengenai dengan tempat-tempat tersebut khusus bagi panduan dan kemudahan para pelancong, tidak terkecuali pelancong tempatan yang mungkin tidak mengetahui tempat-tempat yang sepatutnya dikunjungi di Daerah Belait.

TAMAN REKREASI

Taman Rekreasi dan Hutan Simpan Sungai Liang adalah salah satu taman yang memang terpelihara dan mempunyai alam flora dan fauna yang menarik. Perjalanan ke sana dari ibu negara sejauh 70 kilometer tidak terasa apabila meninjau keindahan taman ini. Seperti taman-taman rekreasi yang lain di negara ini, taman ini juga disediakan dengan pelbagai kemudahan seperti pondok-pondok untuk berehat, kemudahan untuk pejalan kaki, kemudahan berkelah bersama keluarga, bilik-bilik air (toilet) dan lain-lain kemudahan bagi pengunjung. Taman ini merupakan hutan simpan yang tertua di negara ini dan sentiasa dipelihara oleh Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara itu satu lagi kawasan yang tidak kurang menariknya, yang terletak 25 kilometer dari Taman Rekreasi dan Hutan Simpan Sungai Liang, iaitu melalui Jalan Labi ialah Taman Rekreasi Luagan Lalak. Taman ini mempunyai keluasan 270 hektar yang terletak di Bukit Hutan Simpan Labi. Pemandangan taman ini memang terserlah dengan keindahan wasai dan air terjunnya.

Wasai Wong Kadir juga memang terkenal di daerah ini dan sering menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara untuk berkelah. Perjalanan

EKOPELANCONGAN

Oleh Zabaidah Haji Salat

zabaidah.salat@information.gov.bn

selama 45 minit melalui hutan Labi menuju ke Wasai Wong Kadir memang menyeronokkan, lebih-lebih lagi kepada yang gemar kepada aktiviti lasak dan mencabar. Kedinginan air dan kerimbunan hutan yang terdapat di sekeliling wasai ini memang indah dan menenangkan, lebih-lebih lagi mereka yang mahu menghilangkan kepenatan dari tugas harian bekerja.

**RUMAH PANJANG
LABI**

Di sepanjang Jalan Labi ini juga terdapat Rumah Panjang Labi yang menjadi tumpuan pelancong luar negara, yang beminat untuk mengetahui kehidupan tradisi dan budaya salah satu puak di negara ini. Rumah Panjang di Kampong Labi antaranya ialah Rumah Panjang Rampayoh, Rumah Panjang Mendaram Besar, Rumah Panjang Mendaram Kecil dan Rumah Panjang Teraja yang semuanya dihuni oleh puak Iban. Mereka tinggal di satu bumbung rumah yang panjang dengan dihuni oleh beberapa orang keluarga.

Rumah-rumah panjang di Kampong Labi ini walaupun lebih banyak menjalani kehidupan cara tradisi tetapi mereka juga tidak ketinggalan mengaharungi kehidupan moden dengan dibekalkan pelbagai kemudahan oleh kerajaan seperti air, elektrik dan kemudahan perhubungan dan lain-lain.

**TAMAN REKREASI
JUBILEE ANDUKI**

Perjalanan sejauh 80 kilometer dari Bandar Seri Begawan, kita akan menemui Taman Rekreasi Jubilee Anduki yang dibina oleh Syarikat Brunei Shell sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

DAERAH BELAIT MEMPUNYAI BANYAK TEMPAT MENARIK



TUGU Peringatan Sejuta Tong yang terletak di Pekan Seria menjadi mercu tanda kegemilangan Pekan Seria sebagai pengeluar sumber hasil negara iaitu minyak dan gas.



TAMAN Rekreasi dan Hutan Simpan Sungai Liang tempat berkelah yang kaya dengan alam semula jadinya.



WASAI Wong Kadir memang indah dengan airnya yang dingin dan kerimbunan hutan yang terdapat di sekitarnya.

ta. Taman ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri pada tahun 1992.

Taman yang mempunyai lagun air biru ini telah disediakan dengan pelbagai kemudahan dan memang popular di kalangan warga tempatan, terutama para penduduk Kuala Belait dan sekitarnya untuk berkelah bersama keluarga. Di taman ini juga orang ramai boleh memancing ikan sambil berkelah dan lain-lain aktiviti dan kemudahan khas untuk kanak-kanak.

Selain taman ini, Pantai Lumut yang terletak 10 kilometer dari Pekan Seria merupakan satu-satunya pantai perkelahan yang menjadi tumpuan penduduk Daerah Belait dan rakyat serta penduduk di negara ini. Pantai Lumut, seperti pantai-pantai lain di negara ini juga disediakan dengan pelbagai kemudahan untuk berkelah.

MERCU TANDA

Seria, di mana minyak mula ditemui pada tahun 1929, merupakan pekan yang juga terkenal dengan 'nodding dongkey' lebih terserlah dan menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara apabila terbinanya Tugu Peringatan Sejuta Tong yang terletak di tengah-tengah Pekan Seria. Tugu ini seolah-olah menjadi mercu tanda bagi kegemilangan Pekan Seria sebagai tempat penghasilan negara iaitu minyak dan gas.

Tugu tersebut dibina oleh Syarikat Minyak Shell, di mana reka bentuknya direka oleh arkitek tempatan.

Bagi memperingati penemuan minyak dan gas di negara ini, terutamanya di Seria, Syarikat Minyak Shell juga telah membina OGDC yang juga merupakan pusat sains dan teknologi yang mempamerkan bagaimana bermula

industri minyak dan gas ditemui dan diproses.

Antara kemudahan yang terdapat di pusat ini termasuklah dewan pameran, galeri, dewan theatre, taman permainan dan kedai-kedai cenderamata dan lain-lain.

Pusat ini bukan saja menjadi tumpuan orang ramai, juga menjadi tempat lawatan utama para pelajar di negara ini yang ingin mengetahui sejarah dan perkembangan minyak dan gas ditemui di negara ini. Selain menjadi tumpuan para pelancong dan pembesar luar negara yang membuat lawatan ke negara ini.

PENYIMPANAN MAKANAN DI RUMAH

MAKANAN hendaklah disimpan dalam keadaan yang betul bagi memastikan ianya selamat dan berkhasiat untuk dimakan. Ini bergantung kepada jenis makanan dan jangka masa penyimpanan. Oleh itu penyimpanan yang betul adalah diperlukan.

BAGAIMANA KITA MENYIMPAN MAKANAN?

Terdapat beberapa cara menyimpan makanan:

Suhu bilik

Makanan kering seperti beras, roti, tepung dan botol/tin yang belum dibuka hendaklah disimpan di tempat yang dingin, kering, bersih dan mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi. Ianya hendaklah disimpan di atas rak atau dalam almari. Makanan tin yang kembung, berkarat dan kemek menunjukkan makanan di dalamnya telah rosak dan tidak selamat untuk dimakan.

Sejuk dingin

* Jangan dibungkus buah dan sayur-sayuran di

dalam plastik. Ini adalah bagi mengelakkan pengwapan dan menggalakkan pertumbuhan kulat.

* Telur hendaklah disimpan dalam bekas asal. Jangan disimpan di pintu peti sejuk di mana suhunya lebih panas.

* Lebih makanan tin hendaklah dipindah ke dalam bekas yang tertutup bagi mengelakkan daripada rosak dan pencemaran silang.

* Makanan yang dimasak dan mentah hendaklah disimpan berasingan bagi mencegah pencemaran.

Sejuk beku

* Makanan cepat rosak seperti ikan dan daging hendaklah disimpan terus ke dalam peti sejuk beku dan dibungkus bagi meng-

Peringatan

- * Bawa makanan dingin atau beku balik ke rumah dengan segera.
- * Simpan makanan mentah berasingan dari makanan masak.
- * Baca cara penyimpanan dan tarikh pada label. Gunakan sebelum ianya mansuh.
- * Pastikan peti sejuk sentiasa sejuk. Jangan menyimpan makanan dengan berlebihan.
- * Jangan bekukan semula makanan yang telah dicairkan.

elakkan pencemaran silang dan kekeringan.

Peringatan

- * Bawa makanan dingin atau beku balik ke rumah dengan segera.
- * Simpan makanan mentah berasingan dari makanan masak.
- * Baca cara penyim-



Sumbangan
Bahagian
Perhubungan
Awam,
Kementerian
Kesihatan

panan dan tarikh pada menyimpan makanan dengan label. Gunakan sebelum menyimpan berlebihan. ianya mansuh.


* Jangan bekukan semula makanan yang telah sentiasa sejuk. Jangan dicairkan.



MAKANAN hendaklah disimpan ke dalam peti sejuk beku dan dibungkus untuk mengekalkan kesegarannya.

PEMANIS TIRUAN

PEMANIS tiruan digunakan untuk memaniskan makanan, akan tetapi ia tidak mempunyai kalori seperti gula. Walau bagaimanapun, penghidap Penyakit 'Phenylketonuria' dinasihatkan untuk tidak mengambil makanan yang mengandungi 'aspartame'.



PEMANIS tiruan biasanya digunakan ke dalam sesuatu makanan, namun penghidap Penyakit 'Phenylketonuria' dinasihatkan untuk tidak mengambil makanan yang mengandungi 'aspartame'.

ADAKAH PEMANIS TIRUAN SELAMAT BAGI KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENGANDUNG?

Kanak-kanak


Makanan yang mengandungi pemanis tiruan lazimnya tidak disarankan dalam pemakanan kanak-kanak. Meraka yang dibesarkan dengan pemakanan yang mengandungi kimia boleh mengakibatkan gangguan mental dan fizikal.

Ibu-ibu mengandung

'Aspartame' adalah selamat bagi ibu-ibu mengandung kecuali penghidap Penyakit 'Phenylketonuria'. Tidak ada



GULA-GULA yang mengandungi pemanis tiruan perlu diberi atau dilabelkan.



GULA-GULA merupakan sejenis makanan yang mengandungi pemanis tiruan.

bukti yang menunjukkan ianya boleh menyebabkan kecacatan janin apabila diambil dalam kuantiti yang sederhana.

BAGAIMANA KITA MENGETAHUI MAKANAN YANG MENGANDUNGI PEMANIS TIRUAN?

Makanan berkalori rendah, sebahagian makanan tambahan, gula-gula dan jeruk asam adalah contoh makanan di pasaran

yang mengandungi pemanis tiruan. Makanan yang mengandungi pemanis tiruan perlu dilabel.

Makanan yang mengandungi 'aspartame' sebagai pemanis tiruan adalah mandatori dilabel seperti berikut:

'KEPADA PENGHIDAP PHENYLKETONURIA: MENGANDUNGI PHENYLALANINE'

MAKANAN yang mengandungi pemanis tiruan lazimnya tidak disarankan dalam pemakanan kanak-kanak. Meraka yang dibesarkan dengan pemakanan yang mengandungi kimia boleh mengakibatkan gangguan mental dan fizikal.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

Buku Puisi Hidayat III

Oleh Haji Sulaiman Haji Duraman

BUKU bertajuk, PUISI HIDAYAT III, terbitan Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Sempena 20 Tahun Pusat Da'wah, adalah merupakan suatu kesinambungan buku PUISI HIDAYAT I (tahun 1971 dan 1981), dan buku PUISI HIDAYAT II (tahun 1975) kedua-dua buku ini diterbitkan oleh tabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan yang penuh lagi berdaulat dalam tahun 1984). Buku PUISI HIDAYAT III lahir selepas kemerdekaan, ini bermakna satu perkembangan yang menarik dalam dunia puisi yang bercorak keislaman. Menurut Prakata Pengarah dalam buku ini: "... dari segi unsur dan tujuannya tidaklah jauh bezanya dengan Puisi Hidayat III ini, kerana ianya mempunyai dasar dan matlamat yang sama walaupun terdapat sedikit kelainan dari segi gaya (style) dan letak bentuk pengolahan isi kandungannya. Dengan terbitnya buku ini diharap akan dapat menamnah khazanah ilmu bagi para penyair tanah air terutama di kalangan para belia penerus zaman seterusnya." Buku ini telah memuatkan 36 orang penulis tanah air mengandungi tiga golongan iaitu golongan lama, pertengahan, dan generasi baru. Mereka ke semuanya telah menghasilkan 136 buah puisi dengan gaya penulisan mengikut cita rasa penulis. Saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Pusat Da'wah Islamiyah, kerana telah berhasil menerbitkan buku PUISI HIDAYAT III sebagai suatu kesinambungan khususnya dalam era kemerdekaan, dengan membawa beberapa orang penulis lama yang masih bertahan dan berpotensi, di samping galakan kepada penulis-penulis baru yang berkaliber dan berpendidikan.

Pada 12 April 2006, di Dewan Syarmada, satu diskusi mengenai tiga buah terbitan buku PUISI HIDAYAT III telah dibicarakan oleh tiga orang panel, masing-masing membicarakan sebuah buku. Majlis anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiyah. Sebenarnya saya tidak tertarik untuk mengulas atau memberikan komen terhadap buku ini, kerana saya berpendapat kelahiran buku ini adalah jelas memperlihatkan suatu perkembangan ilmu dan perambahan khazanah khususnya dalam puisi dalam bagi kajian dan penyelidikan yang berterusan dalam jangka masa yang tiada memoktah.

Dalam pembicaraan mengenai buku PUISI HIDAYAT III, saya amat terkilan apabila ahli panel diskusi buku ini mengatakan, penulis dalam buku ini MENURUN jika dibandingkan dengan penulisan buku PUISI HIDAYAT I dan II. Saya tidak menyalahkan ahli panel tersebut kerana itu adalah haknya dalam membicarakan buku tersebut. Tetapi bagi saya sebagai seorang penulis juga mempunyai hak dalam mendiskusikan buku ini walaupun tidak di hadapan cendekiawan dan ilmuwan, rasanya dalam sebuah kertas ini suatu yang amat indah dan berharga kepada peminat dan pembaca untuk mengetahui dan menilai kebenarannya. Kerana itulah saya seolah-olah terpacu untuk membicarakan sedikit mengenai penulisan dalam buku PUISI HIDAYAT III. Jika diukur secara fizikalnya penulis-penulis yang terdapat dalam buku PUISI HIDAYAT I dan II ibarat bunga yang sedang mekar dan segar. Penulis-penulis tersebut sebahagiannya terus menulis dan menulis sehingga masih lagi menulis dalam buku PUISI HIDAYAT III dengan suatu minda yang lebih matang disertai dengan pengalaman yang luas. Saya menganggap mereka adalah golongan lama yang menjadi pengasas dalam penulisan puisi Islam di negara kita, ini adalah disebabkan latar belakang pendidikan agama khususnya lepasan Al-Azhar, Mesir. Antara penulis yang dimaksudkan itu ialah Yahya M. S., Adi Rumi, Badaruddin H. O., Shukri Zain, Salmi Mesra, Zairis M. S. Dua orang tokoh negarawan Yura Halim dan Wijaya. Beberapa orang penerima 'SEA WRITE AWARD'. Tujuh orang penulis wanita yang berpotensi dan berkaliber, kebolehan dan daya minda kreatif mereka dalam penulisan puisi tidak boleh diperkecilkan. Terdapat juga beberapa orang penulis pertengahan yang sudah banyak memimba ilmu dan pengalaman dalam bidang puisi. Selepas itu golongan penulis-penulis baru yang mempunyai daya minda alaf baru dan pemikiran yang baru sebagai simbol kesinambungan orang lama dan pertengahan, mereka ini kebanyakan bukan lulusan pendidikan agama Islam, tetapi menghayati Islam. Justeru itu ulama pernah berkata: Tugas umat Islam ialah berdaqwa bukannya dibebankan kepada Pusat Da'wah Islamiyah, kerana Islam milik semua umat Islam.

Apakah dia puisi? Puisi mengandungi beberapa buah genre seperti Syair, Pantun, Sajak, Gurindam, dan lain-lain. Apakah yang dimaksudkan dengan kata-kata puisi? Sebenarnya para cendekiawan tidak sependapat dalam memberikan penilaian dan pengertian atau maksud khusus puisi. Dalam hal ini penulis berpendapat puisi itu adalah curahan jiwa atau rasa melalui pengalaman, keindahan, penglihatan yang tajam terhadap tamadun kehidupan manusia dan alam, lalu digambarkan atau dilukiskan melalui sebatang pena dengan kata-kata dan bahasa yang indah lagi padat dan tepat.

Melalui keindahan terdapat beberapa orang penulis cuba melukiskan semula keindahan alam sebagai ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala. Berbicara mengenai keindahan ini sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menyukai keindahan, sebab itulah setiap kejadian alam ini amat indah, terserlah kepada makhluk-Nya untuk membuat penilaian dan penghargaan kepada alam. Cuba kita lihat penulis pendatang baru HMZ, bagaimana penulis menggambarkan alam melalui sajaknya bertajuk 'Awan' pada halaman 85:

Awan
bercorak dan bersatu
kemudian berselerak dalam pelbagai bentuk
Allah Maha Besar
.....
Awan
berarak damai
menghias dunia
dengan ukiran sejati
tanpa direka
oleh pereka
duniawi ...

IM SIDI merupakan generasi baru, tetapi mempunyai pengalaman dan pendidikan yang sangat berkualiti dalam penulisan sastera termasuklah genre sajak. Mari kita lihat beliau melukiskan keindahan alam melalui sajaknya bertajuk: 'Selagi Jantung Masih Berdenyut', halaman 90:

Setiap senja berlabuh
Maghrib mendatang
suara Allahakbar bergema
kewajipan solat sudah tiba
sujudlah kau
sujudlah
penuh khusyuk dan tawaduk.

Haji Sulaiman Haji Duraman golongan pertengahan dan telah berkecimpung dalam penulisan sajak sejak tahun 1960-an, menggambarkan keindahan melalui sajaknya bertajuk: 'Al-Qur'an' halaman 67:

Apabila engkau dibaca,
dengan hati yang penuh syahdu,
dengan suara yang lemah merdu,
disertai dengan penghayatan getaran jiwa,
hati-hati manusia menjadi khusyuk,
kemerduan suara dengan getaran jiwa,
sungguh mengasyikkan dan memberahikan,
alangkah indahnya dunia ini,
bergema dengan kata-kata Allah.

Pengiran Metassan @ Yahoo.Com adalah orang pertengahan, beliau baru saja berjinak-jinak dalam penulisan sastera, khususnya cerpen, namanya sudah menyerlah sebagai penulis yang berkaliber dan berpotensi di masa hadapan dengan nama di sebalik tabir; Yahoo.Com. Dalam puisi, Sajak Hidayat III, penulis juga melahirkan keindahan alam melalui sajaknya bertajuk: 'Tuhan dan Alam', halaman 158:

Dalam kelembutan malam
pancaindera menggapai makna
alam adalah teman bicara
tentang wujudnya Tuhan
Pencipta Maha Bijaksana
yang mengajar manusia
upaya hanya tunduk
kepada-Nya.

Demikian beberapa orang penulis pertengahan dan baru yang melihat keindahan alam sebagai curahan jiwa atau rasa untuk dikongsikan dengan manusia sejagat. Sayangnya saya tidak dapat mendedahkan satu persatu penulis dalam PUISI HIDAYAT III ini dengan ruang yang terbatas. Penulis serahkan kepada peminat atau pembaca untuk menyelongkar lebih jauh dan mendalam lagi bagaimana penulis yang lain menggambarkan keindahan alam yang menjadi kesukaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Puisi dilahirkan dengan curahan jiwa dan rasa, melalui penglihatan atau pengamatan yang amat tajam antaranya Adi Rumi dalam sajaknya bertajuk: 'Siapa Yang Penjarah?', halaman 20:

Liriknyalah adalah api
liriknyalah adalah besi:
"Pergi jahanam kamu
kaum imperialis!
pergilah ke neraka ...!"

Adapun kami yang beragama (Agama Allah), kami tidak pernah diajar menjarah kerana siapa yang menjarah Allah akan hancurkan dia ke neraka."

Sajak beliau dengan nada yang sinis lagi penuh emosi sesuai dengan latar belakangnya yang mempunyai didikan dan pengalaman dalam agama Islam, melihat kejadian dan kehidupan manusia secara global. Saya melihat curahan hati yang dilafazkan oleh Adi Rumi adalah telus dan ikhlas, semata-mata menegakkan kebenaran agama Allah. Sajak beliau ini sebenarnya mengingatkan pantun saya yang bertajuk, 'Siapa Pengganas?', setakat ini belum dihidangkan kepada pembaca dan peminat, jika nanti pantun itu dihidangkan terserlah kepada mereka yang minilainya.

Justeru itu melalui penglihatan dan pengamatan berdasarkan pengalaman kehidupan, saudara Rahim M. S. (golongan lama) sesungguhnya umat Islam bukan diajar keganasan, sebaliknya kebaikan lihatlah Rahim M. S. melukiskan sajaknya bertajuk: 'Doa'

Ya,
jadilah anak yang baik
jadilah anak yang cerdik
jadilah anak yang berguna
dan berbudi pekerti mulia
itulah doanya.

Mari kita menyoroti tulisan Zairis M. S. melihat Islam secara global, sebagaimana prinsip yang sering dikatakan oleh kebanyakan ulama-ulama dan pemikir Islam, sesungguhnya umat Islam itu bersaudara. Allah juga telah menjadikan manusia berbangsa-bangsa untuk saling mengasihi dan menghormati antara satu dengan yang lain bukan untuk bermusuhan. Dalam abad ke-21 ini umat Islam semacam tertindas dan dikacau-bilaukan oleh mereka yang berpemikiran syaitan. Lihat betapa

kejamnya penindasan umat Islam oleh bangsa yang bukan Islam. Zairis M. S. golongan lama melukiskan kekejaman manusia melalui sajaknya bertajuk, 'Harga Sebuah Watan, Palestin', halaman 276:

Berdekad-dekad deritamu
berdekad-dekad sengsaramu
putera puteri Palestin, duhai
kami menatapmu penuh prihatin
dengan kasih dan hiba
dengan marah yang bernyala
betapa saudara-saudaraku diusir
dari buminya sendiri
lalu terpinggir
dan disingkir
dengan kekuatan
jentera dan senjata
merobohkan rumah istirahat
dari hujan dan panas hangat.

Berdasarkan pengalaman dan pengabdian Hidup Zin golongan baru mempunyai bakat yang besar dan terpendam dalam penulisan sastera melalui buku PUISI HIDAYAT III, beliau telah dapat melahirkan mindanya waima sebuah sajak dalam buku ini, adalah sebagai cermin kehidupan bagi mewakili budaya dan zamannya untuk dilihat generasi seterusnya. Inilah yang kita inginkan supaya dapat membahaskan minda penulis dalam buku ini. Cuba lihat sajak beliau bertajuk: 'Masjid', halaman 70:

Dengan langkah cakak melangkah
kudambakan diri di rumah-Mu
tapakkan hati dengan ibadah bermunajat
di dadanya
cari diri dan minta reda kasih-Nya
atas segala kealpaan terhadap hidup
dan kehidupan
yang melelekan dan melalaikan.

Firman Allah:

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat pertunjuk." (At-Taubah : 18).

Buku PUISI HIDAYAT III semakin menyerlah apabila terdapat tujuh orang penulis wanita yang berkaliber dan berpotensi dalam bidang penulisan sajak. Sebelum saya membicarakan sebahagian hasil penulisan wanita ini ada baiknya kita lihat bersama pendapat Kata Pengantar buku ini pada halaman xiv yang berbicara tentang penulis wanita: "Kehadiran penulis wanita dalam antologi puisi ini adalah sesuatu yang perlu dihargai, walaupun sumbangan mereka masih kecil dibandingkan dengan penulis-penulis agamawan. Namun rasa komitmen mereka menasarakkan puisi untuk berdaqwa perlu diberi ruang. Biar pun begitu beberapa buah puisi mereka berposisi lebih baik jika dibandingkan dengan penulis lelaki yang sebaya dengan mereka."

Dayang Aminah Haji Momin dalam tulisan sajaknya bertajuk, 'Bicara Alam', halaman 30:

Aku bicara dan terus bicara
bicara tentang alam
kehijauan daunmu pohon
keinginan rasamu bayu
keindahan hamparanmu langit
kehalusan putihmu awan
kebiruan airmu laut
keindahan kehalusan kesucian
adalah milik-Mu Ya Rabbi
kekagumanku akan kebesaran-Mu
Ilahi!

IMA seorang penulis wanita golongan baru mempunyai potensi dan berbakat jika dia mempunyai

kemahuan dan azam yang kuat insyallah, akan terkabul niatnya yang telus menjadi seorang sasterawanis. Cuba kita lihat sajak beliau bertajuk, 'Bimbang', halaman 97:

Bertuah kita bermukim di bumi
diwarnai keindahan
ditaburi perhiasan
diulit kemewahan
dibuai keceriaan
hanyut dalam keseronokan.

Aku memandang jauh
bumi sudah berbau busuk
manusia-manusia digulung gelora
kelalaian.

Aku bimbang
aku risau
aku takut

bumi mulai gersang, jika
anak cucuku mati kebuluran.

Betapa hebatnya minda dan kreatif penulis sajak yang ditulis oleh wanita (mewakili wanita), banyak lagi wanita-wanita yang berkaliber dan berpotensi dalam penulisan sajak melalui buku ini yang tidak termuat dalam pembicaraan rencana saya ini, cukuplah sekadar saya menyebutkan nama mereka iaitu: Sariani H., Shaharah A. Wahab, Widuri, Nur Dina HMR dan Nur Hafizah.

KESIMPULAN

Jangan engkau melihat buruh kasar yang membersihkan jalan raya dan mengangkut sampah itu suatu pekerjaan yang menjijikkan atau tiada mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan negara atau kehidupan manusia sejagat. Begitu juga halnya dengan bakat penulis yang baru bercambah dan mahu hidup segar usah diperli, usaha disukat. Pengalaman dan budaya hidup seseorang banyak mengajarkan kita kerana itu, kewujudan buku PUISI HIDAYAT III adalah suatu perkembangan minda dan perluasan penyebaran daqwa Islamiyah kepada umat sejagat supaya mengerti dan mengetahui aspirasi umat Islam sejagat melalui penulisan buku PUISI HIDAYAT III. Mereka yang menganggap buku PUISI HIDAYAT III tidak bermutu dan bernilai adalah suatu omong kosong. Kita tidak menafikan kekurangan atau kelemahan buku ini adalah suatu asam garam dalam kehidupan penerbitan sebuah buku, sebagai contoh mungkin saya salah, tidak terdapat penulis-penulis sajak wanita yang berpendidikan tinggi dalam bidang agama. Banyak sajak-sajak keislaman yang ditulis dalam peraduan anjuran Pusat Da'wah Islamiyah tidak dimasukkan ke dalam buku ini, apalah salahnya jika sajak-sajak tersebut diserapkan bersama dalam buku ini. Saya memohon maaf kerana tidak membicarakan penulisan daripada tokoh-tokoh yang telah berjasa dan disanjung serta dipuja dalam arena persajakan disebabkan penulisan mereka sering sahaja dinilai dan dihargai. Maka dalam rencana ini saya lebih suka membicarakan penulis pertengahan dan baru untuk melihat daya minda dan kreatif penulisan mereka khususnya selepas kemerdekaan dan era abad ke-21. Semoga semuanya berjaya, maju terus maju. Diiringi sebuah kata-kata hikmah, apabila seseorang memuja dan mendewakan karya seseorang yang berkuasa atau bangsawan layaknya maka ketulusannya menjadi waham kerana mungkin dia berada di persimpangan. Tetapi apabila dia memuja dan mendewakan karya seorang marhaen ketulusannya tiada diragukan. Justeru itu ada orang berpendapat cuba-cuba mengambil kelapa hanyut mana tahu berisi intan.

BERTAUBATLAH KAMU SEBELUM TERLAMBAT

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan di dunia ini penuh dengan dugaan, cabaran dan ujian. Sudah setentunya setiap insan tidak akan terlepas dari melakukan dosa. Di antara cara yang terbaik yang telah digariskan oleh syarak bagi orang yang melakukan dosa itu ialah bertaubat. Oleh yang demikian Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya bertaubat kepada-Nya serta dijanjikan dengan pengampunan terhadap dosa-dosa yang telah diperbuat dan memberikan ganjaran yang baik kepada mereka yang mahu bertaubat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa'idah ayat 39 tafsirnya:

"Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan itu dan memperbaiki amal usahanya, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya: kerana Allah Maha Pengampun, Lagi Maha Mengasihi."

Taubat adalah merupakan suatu proses pembersihan diri dari segala bentuk dosa dan maksiat, dan juga merupakan pendorong ke arah melakukan sesuatu yang lebih baik dan sempurna, sebagai jalan keluar bagi orang yang kehilangan arah setelah tersesat kerana bergelombang dengan dosa dan maksiat dan juga sebagai jalan yang memberikannya harapan, mengembalikan kepercayaan kepada diri sendiri betapa kasih, rahmat dan ampunan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya itu amat luas dan tidak terbatas.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam

Surah Az-Zummar ayat 53 tafsirnya:


"Katakanlah wahai Muhammad: Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri dengan perbuatan-perbuatan maksiat, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa, sesungguhnya Dialah juga Yang Maha Pengampun, Lagi Maha Mengasihi."

Cuba kita bayangkan betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang hamba yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dosa Baginda yang terdahulu dan yang akan datang dijamin mendapat keampunan Allah Subhanahu Wata'ala lagi bertaubat setiap hari seratus kali, betapa pula kita hamba Allah yang biasa ini.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari Ibnu Omar ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari seratus kali." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Setiap orang yang telah sedar dan insaf akan kesalahan-kesalahan yang dilakukan hendaklah menyegerakan taubatnya tanpa bertangguh-tangguh.



kerana kita tidak tahu bila ajal akan tiba. Jangan tunggu sehingga tiba waktu penyesalan sudah tidak berguna lagi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda maksudnya:

"Dari Ibnu Omar: Dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya, selama nyawanya belum sampai di kerongkongnya." (Riwayat Al-Imam At-Tarmidzi).

Oleh itu janganlah ditunda-tunda niat yang baik itu, apatah lagi hukum bertaubat itu wajib. Ketahuilah bahawasanya Allah Subhanahu Wata'ala itu Maha Pengampun dan Pe-

nyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim ayat 8 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan 'Taubat Nasuha', mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai."

Perlulah diingat bahawa bertaubat itu bukan hanya sekadar mengucapkan kalimah istighfar sahaja, tetapi hendaklah disertai dengan penyesalan, dengan niat dan azam tidak akan mengulangi perkara dosa yang pernah dilakukan. Para ulama telah men-

jelaskan bahawa perbuatan bertaubat itu belum dianggap sempurna kecuali dengan memenuhi syarat-syarat berikut:

Pertama: Jika hak-hak yang bersangkutan antara hamba dan Tuhannya, hendaklah seseorang itu meninggalkan dosa dan maksiat dengan segera, menyesali perbuatannya itu dan berazam untuk tidak akan kembali melakukannya lagi.

Kedua: Andai kata hak-hak bersangkut-paut dengan hak anak adam, maka hendaklah meninggalkan perbuatan dosa tersebut, menyesalinya, berazam tidak melakukannya lagi serta hendaklah dia membersihkan dirinya daripada hak orang itu. Umpamanya, jika dia mengambil

harta benda orang lain hendaklah dia mengembalikannya semula kepada tuannya. Jika dia mencaci atau mengumpat seseorang maka hendaklah dia meminta maaf kepada orang yang diumpatnya itu.

Di samping itu, para ulama juga ada menjelaskan bahawa antara lain syarat taubat itu ialah dorongan bertaubat hendaklah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala atau pun semata-mata kerana kesedaran kita, bahawa maksiat itu merupakan sesuatu yang keji pada pandangan syarak, atau pun semata-mata takut kepada azab Allah di Hari Kiamat dan tamak kepada balasan Syurga, bukan bertaubat kerana sesuatu dorongan yang bukan kerana keikhlasan. Umpamanya kerana takut kemudaratan yang akan menimpa terhadap dirinya, kehormatannya atau hartanya jika tidak bertaubat, maka yang demikian itu tidak dinamakan taubat. Sebagai contoh, menyesali dan bertaubat daripada meminimum minuman keras, merokok dan sebagainya disebabkan takut membahayakan kesihatan tubuh badan, yang demikian itu bukan dinamakan sebagai taubat.

Begitu juga, menyesali dan bertaubat daripada memakan harta haram dengan cara rasuah, menipu, mencuri, pecah amanah dan sebagainya kerana takut kehilangan pekerjaan, kehilangan kedudukan pangkat, maka ia juga tidak dinamakan sebagai taubat. Oleh yang demikian, taubat itu mestilah bertitik tolak daripada keinsafan untuk kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata, bukan kerana yang lain-lain.

Terdapat beberapa langkah yang boleh dipraktikkan dalam membantu seseorang untuk membersihkan jiwanya daripada sebarang kotoran dosa. Langkah yang dimaksudkan ialah mengikut ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah. Antaranya ialah menjauhkan diri daripada maksiat, berkawan dengan kawan yang baik-baik, melawan pujukan syaitan dan hawa nafsu, sentiasa menyesal terhadap dosa yang lalu, memperbanyakkan istighfar, melakukan amal salih, berdo'a dan sentiasa muhasabah diri.

Taubat merupakan syariat yang amat penting dan wajib dilaksanakan pada bila-bila masa, bukan sahaja kepada mereka yang terang berbuat kesalahan dan dosa-dosa tetapi juga kepada mereka yang tidak menyedari, apakah ia berbuat salah ataupun tidak. Kerana sifat manusia tidak luput dari berbuat kesalahan, taubat sahajalah jalan untuk membersihkan diri daripada dosa dan sebagai landasan menuju segala macam kebaikan, baik untuk di dunia mahupun untuk di akhirat.

Dari Surah An-Nisaa' ayat 18 tafsirnya:

"Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkatalah ia: Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini. Sedang taubatnya itu sudah terlambat dan demikian juga halnya orang-orang yang mati sebelum mereka kafir. Orang-orang yang demikian Kami telah sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

وقت سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی


وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 12 ربيع الآخر، 1427 برسامان دغن 10 مي، 2006 هيڠك كهاري ثلاث، 16 ربيع الآخر، 1427 برسامان دغن 16 مي، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
ربيع الآخر									مي
12	12.18	3.38	6.27	7.39	4.36	4.46	6.06	6.31	10
13	12.18	3.38	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.31	11
14	12.18	3.39	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.30	12
15	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	13
16	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	14
17	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	15
18	12.18	3.40	6.27	7.41	4.35	4.45	6.06	6.30	16

وقت ۲ سمبهيڠ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوره نڬارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تغهار

TAUBAT merupakan syariat yang amat penting dan wajib dilaksanakan pada bila-bila masa, bukan sahaja kepada mereka yang terang berbuat kesalahan dan dosa-dosa tetapi juga kepada mereka yang tidak menyedari, apakah ia berbuat salah ataupun tidak. Kerana sifat manusia tidak luput dari berbuat kesalahan, taubat sahajalah jalan untuk membersihkan diri daripada dosa dan sebagai landasan menuju segala macam kebaikan, baik untuk di dunia mahupun untuk di akhirat.

SURAH AL-FAATIHAH: PERSOALAN HUKUM MEMBACANYA



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 224
Bahagian Kedua

dalam hal ini bacaannya menjadi batal dan wajib *isti'naf*, akan tetapi tidaklah membatalkan sembahyangnya.

2. Orang yang sudah membaca separuh daripada Surah Al-Faatihah, lalu dia merasa syak adakah dia sudah membaca *Basmalah* ataupun belum? Lalu diteruskannya juga bacaannya itu tanpa mengulangi *Basmalah*, kemudian dia teringat setelah selesai membaca Surah Al-Faatihah itu bahawa dia sudah pun membaca *Basmalah*, maka dalam hal ini mengikut pendapat yang *awjah* (paling tepat) menurut Imam Ibnu Hajar Al-Haitami, wajib membaca semula Surah Al-Faatihah dari mula hingga akhir, termasuklah *Basmalah*.

3. Jika berlaku syak kemungkinan tertinggal suatu huruf ataupun lebih setelah habis membaca keseluruhan Surah Al-Faatihah dan sebelum rukuk, maka keraguan tersebut tidak dikira kerana dia dianggap sudah membacanya dengan sempurna dan ianya dimaafkan. Berlainan halnya jika dia ragu-ragu bahawa adakah dia sudah membaca Surah Al-Faatihah ataupun belum? Jika ini berlaku, wajib atasnya *isti'naf*.

4. Jika berlaku syak tertinggal sebahagian ayat dari Surah Al-Faatihah setelah ianya selesai dibaca, maka keraguan itu tidak dikira kerana sudah dikira telah membacanya dengan sempurna.

Adapun jika sekiranya keraguan itu berlaku sebelum selesai membaca Surah Al-Faatihah, wajib baginya *isti'naf* jika keraguannya itu lama. Jika keraguannya itu tidak lama, maka cukuplah baginya sekadar membaca kembali ayat yang diragukannya itu tadi dan kemudian menyambung kembali bacaannya dari ayat tersebut sehingga selesai.

Bagaimanapun, jika dia ragu-ragu kemungkinan ada tertinggal suatu ayat dari Surah Al-Faatihah, dan dia sendiri tidak pasti ayat yang mana satu yang berkemungkinan tertinggal itu, maka wajib ke atasnya *isti'naf*.

5. Apabila orang yang membaca Surah Al-Faatihah dalam keadaan khayal, lalai atau kurang tumpuan, misalnya membacanya sedangkan ketika itu dia sedang berangan ataupun memikirkan perkara yang lain, kemudian tersedar kembali apabila sampai pada ayat, (مَرْطَبَاتُ قَدِيرٍ), lalu dia tidak yakin dalam waktu terdekat akan kesempurnaan bacaannya ketika lalai itu (keraguannya itu lama), maka wajib atasnya *isti'naf*. Adapun jika dia masih yakin akan kesempurnaan bacaannya (ketika lalainya itu) dalam masa terdekat, maka bolehlah dia meneruskan sahaja bacaannya.

PERMASALAHAN MUWALAH (BERTURUT-TURUT) DALAM BACAAN SURAH AL-FAATIHAH

Wajib *muwalah* dalam bacaan kerana mengikut bacaan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, berdasarkan

sabda Baginda yang maksudnya:

"Sembahyanglah kamu seperti mana kamu melihat (cara) aku bersembahyang." (Hadis riwayat Imam Al-Baihaqi dan Ibnu Hibban).

Maksud *muwalah* ialah membaca secara berturut-turut antara satu kalimah dengan kalimah yang lain, dan tidak memisahkan antara kedua-duanya kecuali dalam kadar mengambil nafas.

Adapun perkara-perkara yang boleh memutuskan *muwalah* itu ialah:

1. Sengaja diam dalam satu kadar masa yang lama ketika membaca Surah Al-Faatihah sehingga dapat dirasakan bahawa dia ingin memutuskan bacaannya, atau dapat dirasakan bahawa dia dengan rela hatinya enggan meneruskan bacaannya, maka putuslah *muwalah* dan batallah bacaannya, dan wajib atasnya *isti'naf* (mengulanginya).

Adapun jika sekiranya dia berniat untuk memutuskan bacaannya, maka putuslah *muwalah* walaupun dia hanya berhenti sekejap sahaja mengikut pendapat yang paling sahih dan masyhur dalam Mazhab Imam Asy-Syafi'e.

Akan tetapi, jika dia berniat untuk memutuskan bacaannya sedangkan dia tidak melakukannya (tidak juga memutuskan bacaannya), maka tidak terputus *muwalah* tersebut.

Berlainan halnya jika orang yang diam lama kerana keuzuran, misalnya tidak tahu hukum, terlalai, gagap, banyak bersin, batuk, menguap ataupun diam kerana mengingati ayat yang terlupe; perkara-perkara seumpama ini tidak memutuskan *muwalah*.

2. Membaca tasbihi, tahlil mahupun zikir-zikir yang lain atau membaca ayat-ayat dari surah yang lain sama ada banyak mahupun sedikit ketika membaca Surah Al-Faatihah. Perkara-perkara sedemikian tidak disuruh kerana boleh memutuskan *muwalah*.

Umpamanya juga menyahut seruan azan ketika membaca Surah Al-Faatihah, mengaminkan bacaan Surah Al-Faatihah yang dibaca oleh bukan imamnya, ataupun mengucapkan 'Al-hamdulillah' ketika bersin, kerana perkara ini walaupun sunat dilakukan di luar sembahyang, ianya tidak sekali-kali diharuskan dalam sembahyang. Akan

tetapi jika ianya tidak disengajakan, misalnya kerana terlupe ataupun terlaai maka tidak terputus *muwalah* sebagaimana tersebut di dalam kitab Mughni Al-Muhtaj.

Adapun perkara-perkara yang disuruh seperti mengaminkan bacaan imam, atau sujud tilawah kerana bacaan imam, atau membetulkan bacaan imam yang terhenti bacaannya kerana terlupe, sama ada Surah Al-Faatihah atau surah-surah yang lain, atau membaca doa memohon rahmat ketika imam membaca ayat-ayat rahmat dan membaca doa memohon perlindungan ketika dibacakan ayat-ayat azab (dalam bahasa Arab), maka menurut pendapat yang *ashah* (paling sahih), tidaklah memutuskan *muwalah* bacaan Surah Al-Faatihah itu. Walau bagaimanapun, mengikut pendapat Imam Ibnu Hajar Al-Haitami, adalah disunatkan *isti'naf* sebagai mengambil kira pendapat sebahagian ulama Mazhab Asy-Syafi'e yang mengatakan bahawa perkara-perkara tersebut termasuk juga dalam perkara-perkara yang memutuskan *muwalah*. Yang demikian itu sebagai jalan keluar untuk mengelakkan dari perselisihan pendapat.

3. Membetulkan bacaan imam yang terlupe ataupun salah bacaannya sedangkan imam tersebut belum lagi berhenti membaca, yakni masih lagi mengulang-ulang bacaannya untuk mengingati ayat tersebut.

Akan tetapi, mengikut Imam Asy-Syarqawi, boleh membetulkan bacaan imam yang masih lagi mengulang-ulang bacaannya jika telah sempit waktu (waktu sembahyang hampir habis).

Perlu diingat juga di sini bahawa untuk membetulkan bacaan imam, selain disyaratkan supaya memastikan imam sudah berhenti membaca, disyaratkan juga ketika membetulkan itu supaya berniat *qiraah* (membaca Al-Qur'an) semata-mata, ataupun berniat *qiraah* dan membetulkan bacaan imam. Jika diniatkan untuk membetulkan bacaan imam semata-mata tanpa niat *qiraah* maka ianya akan menyebabkan sembahyang makmum tersebut menjadi batal seperti mana pendapat muktamad dalam kitab Tuhfah Al-Muhtaj.

Bersambung

Istiqamah dalam beribadah

ISTIQAMAH secara umumnya bermaksud menumpukan komitmen untuk melaksanakan sesuatu perkara dengan penuh konsisten dan kesungguhan. Istiqamah adalah sikap terpuji yang perlu diamalkan oleh setiap individu Muslim. Ada beberapa perkara yang boleh menjana sikap istiqamah dalam beribadah antaranya :

1. Ilmu Yang Mantap

Kekuatan ilmu adalah perkara utama dalam menjana rasa istiqamah. Melalui ilmu akan menumbuhkan keyakinan dan keimanan yang kukuh. Oleh itu, ilmu pengetahuan adalah perkara yang mesti dipelajari terlebih dahulu sebelum ibadah dapat dilakukan dengan sempurna. Ini kerana tidak mungkin seseorang itu tertumpu kepada sesuatu yang tidak ia ketahui hakikatnya. Perkaitan antara ibadah dan istiqamah telah diungkap oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya:

"Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhi-Nya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus." Surah Al-Hajj ayat 54).

Kemantapan ilmu akan menjadikan nilai ibadah lebih bermakna. Kita juga memahami tujuan ibadah tersebut, bagaimana perlaksanaan yang benar serta lebih yakin tentang hikmah-hikmah yang terkandung di dalam setiap ibadah. Ia juga mendorong seseorang Muslim itu melakukan ibadah bukan sekadar ikut-ikutan tanpa memahami tuntutan sebenar ibadah tersebut.

2. Bersahabat dengan orang-orang yang beristiqamah

Sahabat adalah cermin bagi seseorang sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bermaksud:

"Orang mukmin laksana cermin bagi mukmin yang lain (untuk membetulkan diri)." (Hadis riwayat Al-Imam Abu Daud).

Orang-orang yang berjiwa istiqamah akan sentiasa berbuat kebajikan, nasihat-menasihati dan tidak mudah berputus asa dan sabar dalam melaksanakan ibadah. Justeru itu, kita perlu berhati-hati memilih sahabat, kerana implikasi bersahabat amat besar dalam mempengaruhi mentaliti dan moral kita.

3. Menghayati sirah orang-orang yang beristiqamah

Sirah dan sejarah hidup orang-orang yang beristiqamah wajar dibaca dan dihidupkan di dalam diri kita. Dengan cara ini, pengaruh positif mereka bakal meninggalkan kesan yang baik kepada seseorang untuk menimbulkan keazamannya dalam meneladani kehidupan mereka. Sikap istiqamah mereka terpancar dari sudut keilmuan seperti kegigihan dalam menuntut serta menyampaikan ilmu dan menulis karya-karya ilmiah yang agung. Selain dari itu, umat Islam perlu juga sentiasa menghayati ketahanan daya istiqamah pejuang-pejuang terdahulu dalam jihad mereka menegakkan Islam dan ketabahan mereka ketika menghadapi kezaliman serta penganiayaan daripada musuh-musuh Allah.

4. Mujahadah melawan nafsu

Antara faktor yang dapat membantu kita untuk mencapai sikap istiqamah ialah mujahadah iaitu mengarahkan hati untuk berjuang melawan runtunan nafsu yang merangsang ke arah kejahatan. Di samping itu, keinginan nafsu serta kehendak-kehendak duniawi wajarlah dibimbing sehingga ia mejurus ke arah kebaikan dan keikhlasan, kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. Mengingat tidak dapat dinafikan mujahadah melawan hawa nafsu itu tidak mudah, ia adalah suatu yang mencabar dan perlu ditempuhi bagi mereka yang ingin jalan akhirat. Segala kesulitan dalam bermujahadah melawan

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

hawa nafsu adalah ujian yang perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh dan sabar serta tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

5. Doa memohon pertolongan Allah

Umat Islam perlu berdoa memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua urusan hidup, sama ada di saat senang mahupun di waktu ditimpa kesusahan. Doa adalah senjata bagi orang mukmin dan dalam hal ini ulama hadis, Al-Imam As-Syaukani menyatakan bahawa doa merupakan darjat ibadah paling tinggi dan mulia. Justeru itu, umat Islam perlu menggunakan senjata rohaniyah ini untuk memohon hidayah Allah supaya segala tuntutan akan dapat direalisasikan secara istiqamah dan dengan penuh rasa keikhlasan.

Istiqamah merupakan keperluan asasi dalam segenap ibadah, kerana ia adalah bukti ketaatan dan kecintaan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Meskipun ibadah yang kita lakukan itu kecil sahaja, tetapi jika dilaksanakan secara istiqamah, maka ia lebih disukai oleh Allah berbanding yang besar, tetapi tidak disertai dengan sikap istiqamah.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Pengeksportan kraf tangan perlu ditingkatkan

NEGARA Brunei Darussalam sememangnya kaya dengan salah satu budaya tradisi iaitu melalui kraf tangan. Ia merupakan satu peninggalan yang menjadi warisan budaya kepada sebahagian kecil masyarakat Melayu Brunei.

Hasil mutu pertukangan tangan ini bukan sahaja ditingkatkan melalui ukiran atau lorekan yang sangat berkualiti dan cantik, malah mutunya itu hendaklah ditingkatkan ke satu tahap komersil supaya ia menjadi satu lagi industri di negara kita. Salah satu motif yang

penting ialah untuk mempelbagaikan ekonomi negara kita selain bergantung kepada sumber asli minyak dan gas.

Pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berusaha untuk menghidupkan kraf tangan orang-orang Melayu Brunei. Ini bertujuan untuk menghidupkan semula supaya tidak pupus atau hilang ditelan zaman.

Usaha kerajaan yang murni adalah dengan menubuhkan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei melalui pengambilan pelajar-pelajar yang berminat setiap tahun. Dalam mengembangkan kraf tangan ini, mereka yang telah lulus dari pusat latihan ini akan membuka perusahaannya secara kecil-kecilan.

Pada masa sekarang, sebahagian kraf tangan ini adalah untuk 'disajikan' kepada para pelancong sama ada untuk dipamerkan atau dikomersilkan. Jadi jika sekiranya semua kraf tangan Brunei diko-

mersialkan menjadi barang eksport maka ini membuka peluang kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera untuk mempertingkatkan lagi perniagaan mereka.

Jika sekiranya ia dijadikan satu komersil, besar kemungkinan ia akan mendapat sambutan ramai khususnya bagi para pelancong dan penggemar-penggemar barangan hasil kraf tangan ini umumnya. Dalam masa yang sama, para generasi muda masa sekarang akan 'celek' pada hasil usaha kraf tangan yang dihasil-

kan turun-temurun ini.

Jadi, untuk mempertingkatkan mutu kraf tangan Brunei ia sepatutnya dikomersialkan. Ia merupakan satu mata pencarian, selain untuk dijadikan sebagai cenderamata dan perhiasan khasnya untuk para pelancong.

Hajah Vivi Nor'haffizah binti Muhammad, Rumah Pengawas, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Lebuhraya Muara-Tutong, BC 2515.
No. k/p: 00-288474

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Memucang-Mucang Menjamin Keharmonian, Kesejahteraan Masyarakat'. Tarikh tutup 17 Mei 2006.

2. 'Jalan Raya Bukan Gelanggang Menempuh Maut'. Tarikh tutup 24 Mei 2006.

3. 'TPOR - Sejaub Mana Ia Memuaskan Orang Ramai'. Tarikh tutup 31 Mei 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.e-mel:
pelita@brunet.bn

Pelbagaikan produk kraf tangan tempatan

KRAF tangan merupakan salah satu produk yang dapat menjana dan menyumbang ekonomi negara, daripada hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas. Sikap dan kemahiran inovasi merupakan asas penting dalam mewujudkan produk kraf tangan mampu bersaing dalam arus perkembangan ekonomi negara dan di arena antarabangsa.

Meningkatkan mutu kraf tangan ke tahap komersial adalah tugas yang perlu dilakukan oleh semua pihak sama ada dari pihak berwajib, pengguna, swasta dan negara ASEAN dalam bersama-sama menjayakan produk kraf tangan ke arena antarabangsa. Negara kita telah mengam-

bil inisiatif serta mengadakan beberapa ekspo, sama ada di dalam atau luar negara bagi membantu pengusaha tempatan kita agar dapat bersaing dengan produk-produk dari luar negeri.

Terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha tempatan agar dapat mempelbagaikan produk mereka masing-masing dalam berga- sama memajukan kraf tangan mereka menepati cita rasa pengguna.

Pengguna juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menyumbang ke arah peningkatan mutu dan perkembangan industri kraf tangan negara. Dengan membeli barangan tempatan agar industri tersebut dapat bertahan serta ber-

kembang maju mengikut peredaran masa.

Reka bentuk barangan juga memainkan peranan penting bagi menyumbang ke arah komersial, agar menepati kehendak serta selera pengguna, selain itu kualiti barangan juga amat perlu diambil kira, agar pengguna berasa puas hati membeli barangan tersebut. Produk tersebut juga hendaklah dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian, di samping mengekalkan identiti kebruneian. Pengusaha juga berusaha dalam mempromosikan syarikat mereka agar ianya dikenali ramai, sama ada menggunakan media cetak ataupun media elektronik seperti laman web.

Dengan mengadakan promosi jualan istimewa

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Meningkatkan Mutu Kraf Tangan Ke Tahap Komersial'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

dan mengenakan harga yang berpatutan ianya juga akan dapat menarik minat para pengguna untuk membeli kraf tangan tempatan serta dapat membantu perkembangan sesebuah syarikat tersebut dalam menjalani persaingan yang sihat.

Kerjasama negara-negara sahabat juga amat penting dalam membantu pengusaha ke arah memperkenalkan kraf tangan masing-masing. Dengan menggalakkan para pelancong membeli kraf tangan untuk dijadikan sebagai cenderamata kepada keluarga serta teman-teman. Ianya juga sedikit sebanyak membantu meningkatkan mutu

kraf tangan ke arah matlamat yang diharapkan.

Generasi baru hendaklah pandai menimba ilmu serta dilibatkan bersama dalam menghasilkan serta menggunakan kraf tangan tempatan bagi membantu ianya menjadi sebagai salah satu mata pencarian. Kita juga berharap agar mampu memberikan keyakinan kepada dunia luar dengan produk yang dihasilkan serta mampu bersaing.

Mohd. Saifullah bin Haji Munap, No. 116, Jalan 82, Perpindahan Rimba Gadong, BE 3219.
No. k/p: 00-068427.

Pemasaran ke luar negara perlu dipesatkan

SEBUT saja kraf tangan ianya pasti dikaitkan dengan hasil-hasil kraf tangan, tenunan dan anyaman. Hasil-hasil kerja tangan sedemikian sememangnya sudah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam. Malah kraf tangan itulah yang telah membawa banyak rezeki kepada penduduknya di masa silam. Kini, kraf tangan yang dahulunya dilakukan secara tradisional kini telah mula menampilkan kesungguhan untuk dikomersialkan.

Apa pun dalam usaha kita untuk menembusi pasaran global, kita perlu mengemaskinikan hasil kraf tangan agar ianya lebih menarik, canggih dan bermutu tinggi. Ke arah itu, kita perlu lebih inovatif, dedikasi dan menambah nilai terhadap penghasilan kraf tangan kita. Dalam

konteks tersebut, amatlah bertepatan kita mengadakan corak-corak yang moden dan canggih dalam penghasilan kraf tangan.

Kita sedia maklum, di pasaran antarabangsa bertimbun-timbun barangan kraf tangan dihasilkan oleh beberapa negara. Semua ini secara langsung menghambat kraf tangan kita. Kerana, mahu tidak mahu kita terpaksa bersaing bagi mendapatkan pelanggan untuk membelinya. Maka di sini lah perlunya kita meningkatkan mutu kraf tangan ke tahap lebih komersial dan berunsurkan ciri-ciri moden dan canggih.

Dalam hubungan ini, kita perlu mencari idea-idea baru yang lebih kompetitif. Kita tidak sepatutnya hanya terus bertahan dengan apa yang kita hasilkan. Tetapi amat perlu bagi kita meneroka corak-corak baru

yang lebih berdaya komersial. Kalau kita tidak memperkirakan perkara ini, kraf tangan kita tidak akan sampai ke mana, malahan akan berlambak di pasaran tempatan.

Maka dalam persimpangan ini, kita tidak ada pilihan, melainkan berusaha secara gigih dan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan kraf tangan yang bermutu tinggi yang setanding dengan kraf tangan luar negara dan diyakini lebih bersifat komersial.

Kerajaan sememangnya berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkembangkan kraf tangan sebagai suatu industri yang boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada ekonomi negara. Maka terpulanglah kepada kita untuk menyahut cabaran kerajaan kerana pelbagai prasarana dan kemudahan

telah disediakan oleh kerajaan. Paling tidak kita perlu berusaha gigih untuk memajukan pemasaran kraf tangan tempatan ke luar negara.

Peluang dan ruang untuk memasarkan barangan kraf tangan amatlah terbuka luas dengan adanya penjalanan kerjasama yang sedia wujud antara Negara Brunei Darussalam dengan beberapa buah negara. Sudah sampai masanya, bagi pengusaha dan usahawan tempatan untuk menggunakan peluang emas itu. Masanya juga telah tiba bagi kita untuk mempertingkatkan mutu kraf tangan tempatan yang lebih 'viable' dan bertaraf komersial.

Kita percaya, dengan sokongan kerajaan yang berterusan dengan melatih anak-anak tempatan di bidang berkenaan, masa

depan kraf tangan tempatan akan lebih cerah dan yang penting dapat berdaya saing di peringkat pasaran antarabangsa. Cuma apa yang diperlukan, kesungguhan dan komitmen yang berterusan terutama sekali di kalangan pengusaha dan mereka yang bergiat aktif di bidang tersebut agar lebih peka terhadap cita rasa pelanggan, khususnya pelancong-pelancong luar yang datang berkunjung ke negara ini. Dengan cara ini, kita bukan saja akan dapat meningkatkan mutu kraf tangan ke tahap komersial tetapi dalam waktu yang sama akan dapat mempelbagaikan ekonomi negara.

Norazimah binti Haji Mohammad, Hongkong & Shanghai Bank, Bandar Seri Begawan.
No. k/p: 00-297668.

Pelancong luar kagum barangan kita

NEGARA Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang mempunyai seni kraf tangannya yang pelbagai dan unik, cuma kurang diperkenalkan kepada masyarakat umum. Hanya segelintir sahaja masyarakat kita yang mengetahui apa itu kraf tangan kita dan betapa uniknya hasil kraf tangan orang kita sendiri.

Hal ini mungkin kerana tidak ada pendedahan kepada hasil kesenian itu sendiri atau tiada lagi yang mahu mewarisi kepandaian tangan generasi orang dulu-dulu.

Pada masa kini kraf tangan kita hanya boleh dilihat di tamu-tamu, di jalan-jalan perkampungan dan ada yang hanya untuk dipamerkan. Contohnya, tudung dulang, bakul-bakulan dan sebagainya sedangkan hasil kraf tangan ini terlalu halus dan cantik buatan-nya, manakala kain tenunan kita alhamdulillah semakin ramai orang kita menceburi hasil kraf tangan ini.

Hal ini cukup membanggakan sehingga para pelancong asing membeli kain tenunan 'Jong Sarat' kita untuk dibawa pulang ke negara mereka. Cukup membanggakan bukan! Manakala barang-barang kraf tangan yang diperbuat daripada tembaga dan perak hanya boleh diperolehi di pusat kesenian, kedai-kedai kraf ta-

ngan di lapangan terbang dan kedai kecil di hotel-hotel.

Mengapa kita tidak meningkatkan mutu hasil kraf tangan kita ke tahap komersial, sedangkan kraf tangan kita boleh menandingi hasil kraf tangan negara lain. Cuba kita lihat hasil kraftangan negara jiran kita, mereka cuba untuk menaikkan taraf kraf tangan mereka ke peringkat antarabangsa dan hasilnya cukup membanggakan.

Kraf tangan kita boleh dipelbagaikan seperti membuat tas tangan dari anyaman daun nipah dan rotan, membuat perabot moden dan lampu daripada buluh, membuat anyaman rotan untuk dijadikan barang perhiasan rumah dan sebagainya.

Segalanya boleh berlaku andai kata kita berusaha dan kreatif mempelbagaikan dan memperbaiki hasil kraf tangan kita ini dengan meningkatkan lagi mutunya setanding dengan kraf tangan negara lain. Oleh itu, kraf tangan kita mampu bersaing dan boleh dijadikan sumber pendapatan yang lumayan.

Qualizah binti Othman, No. 2, Simpang 363-29-27-6, Rancangan Perumahan Negara, Kampong Pandan, Kuala Belait, KA 2131.
No. k/p. 00-273704.

REMAJA

PELUANG

PERKEMBANGAN dan keperluan yang berlaku di sekeliling kita dewasa ini, memberikan ruang yang sangat luas untuk kita terokai dan turut serta. Ramai yang melihatnya sebagai peluang yang amat berharga untuk menggunakan kesempatan sedemikian ini sebagai langkah ke arah membina kemajuan dan juga perkembangan diri. Peluang perusahaan dan perniagaan untuk berdikari kini semakin berkembang luas. Generasi muda yang berkelulusan mempunyai ruang untuk menempatkan diri mereka di dalam arena ini. Namun untuk melakukan dan melaksanakannya dengan baik ia perlu kepada bagaimana kita boleh terlibat.

Perkembangan dan hubungan yang semakin berkembang, jelas memberikan panduan dan ruang yang boleh mewujudkan perubahan yang lebih proaktif. Namun ia masih bergantung kepada sikap dan bagaimana kita melihat suasana dan iklim perubahan yang ada ini. Peluang selalunya akan datang untuk sekali sahaja ia tidak akan berulang meskipun akan ada berulang, namun nilai dan kriterianya pula akan berbeza. Rangkaian dan hubungan yang tumbuh dalam arus perkembangan semasa melibatkan banyak bidang. Namun bidang perusahaan dan perniagaan kini lebih ba-

nyak menguasai perubahan semasa yang seiring dengan perkembangan teknologi dan dunia IT masa kini. Perubahan inilah yang memberikan banyak peluang untuk bersama diterokai dalam perkembangan semasa. Banyak hal perlu diberikan perhatian oleh generasi muda belia yang berminat untuk membina tamadun diri. Salah satu darinya berani dalam menceburi bidang ini secara serius. Berani dalam erti kata mencukupi ilmu pengetahuan dan mahu belajar mengenainya.

Kita tidak boleh membiarkan peluang yang terbentang luas ini berlalu begitu sahaja, kerana jika ini yang terjadi kita mungkin akan merasa terisih. Penyertaan amat penting dalam menjadikan peluang sedemikian ini lebih bermakna. Justeru dalam masa kita sedang menggerakkan jentera pembangunan masyarakat yang selari dengan perkembangan sekeliling, penyediaan bidang pekerjaan perlu dilihat dari perspektif yang lebih dinamik. Salah satu darinya juga kita perlu mewujudkan kehebatan dalam menerokai pelbagai bidang. Manusia yang hebat selalu bertanya untuk mengetahui dan meningkatkan kreadibiliti diri yang menjurus ke arah kewibawaan dan karisma sebagai orang yang cemerlang. Keadaan zon

yang selesa menyebabkan kita tidak mempunyai motivasi yang tinggi, tidak mahu berubah dan berganjak kepada jalan kejayaan. Kita perlu berusaha untuk mengubah nasib dan bukan hanya merasa hidup sudah sempurna.

Matlamat kita perlu jelas, kerana matlamat adalah perkara penting dalam aspek perubahan sikap. Seharusnya kita tidak boleh memandang ringan hal ini kerana matlamat adalah kompas kehidupan. Kita perlu mempunyai matlamat, khusus demi mencapai apa yang kita mahukan. Ia perlu dinyatakan dengan bertulis dan dapat diterjemahkan secara jelas dan dapat dilihat. Bila ini kita miliki baru boleh kita mengenggam peluang yang ada di sekeliling kita. Namun sebaliknya kita akan merasa ada halangan jika kita tidak mempunyai focus kehidupan yang sempurna. Justeru kita juga memerlukan ciri-ciri penitng dalam diri kita. Ciri ini akan membolehkan kita mudah bertindak, dan bergerak aktif. Kita juga perlu bijak dalam menentukan jangka masa meraih dan mengenggam peluang.

Jika kita mampu menanai hal sedemikian ini urusan merebut peluang

OLEH H. A. MANAP

akan lebih terarah dan pencapaian matlamat hidup pula akan lebih fokus. Jangka masa matlamat yang ditetapkan hendaklah berdasarkan jangka masa yang selaras. Keselarasan jangka masa itu penting agar usaha dapat dilakukan berterusan dan sejajar dengan matlamat. Di samping berusaha terus membuka ruang peluang dan mencari peluang, kita juga perlu bijak dalam menentukan jenis peluang yang sejajar dengan kemampuan yang ada. Mempertajam pandangan ke hadapan dengan lebih kemas kini dan proaktif wajar dijadikan sebagai asas penelitian penentuan matlamat.

Kita juga perlu bijak melihat kepelbagaian peluang yang ada, hal sedemikian besar maknanya dalam menentukan keupayaan kita mencapai kejayaan cemerlang. Inilah sebenarnya proses yang akan membantu kita dalam mengangkat keupayaan diri dan menghasilkan produk yang lebih bermakna. Justeru generasi yang ada di negara kita hendaklah menjadikan peluang dan kesempatan yang ada di negara kita menjadi medan untuk turut serta. Menyertai dalam erti kata menyum-

bang dengan kepelbagaian keupayaan diri, termasuklah kemahiran, pengetahuan dan juga kebijaksanaan dalam menjadikan peluang sebagai pelantar membina kecemerlang. Di saat kita sedang rancang melalui proses perubahan demi perubahan, penyer-taan kita perlu lebih bermakna. Bukan setakat melihat dan memahami tanpa mempelajari dan menjadi aplikasi. Bila hal-hal ini menjadi fokus perhatian kita insya-Allah kita akan dapat mewujudkan sebuah prasarana masyarakat yang mampu berdikari dan menjadi suasana sekeliling sebagai iklim yang kondusif untuk berkarya.

Namun di samping usaha gigih yang kita lakukan jangan lupa untuk kita berdoa, memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala agar setiap peluang yang ada dalam kehidupan yang kita lalui, mendatangkan faedah besar. Berdoa adalah senjata yang paling mustajab. Berdoalah selepas berusaha bersungguh-sungguh, mengikut jangka masa yang teratur dan belajar dengan kadeh yang betul. Natijah yang baik akan diperolehi jika kita berdoa sepanjang usaha yang kita lakukan.



Jaga kemudahan permainan kanak-kanak di Pantai Peranginan Muara

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah menyediakan kemudahan-kemudahan permainan untuk kanak-kanak di Pantai Peranginan Muara.

Dengan adanya kemudahan yang disediakan itu, dapatlah golongan ibu bapa membawa anak-anak mereka beriadah sambil menggunakan peralatan permainan di kawasan tersebut dengan sebaiknya.

Dalam hubungan ini orang ramai perlu menjaga kebersihan dan janganlah merosakkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di taman berkenaan.



PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 26 April 2006

Bangunan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan.

Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 26 April 2006

Md. Haazim Isad bin Md. Jeff Azlan, Sekolah Pertama Tutong, Umur : 8 tahun	Md. Yazid bin Md. Taib, Sekolah Menengah Sharif Ali, Umur : 14 tahun	Nur Asyiqin Aqilah binti Amir, Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas, Umur : 9 tahun
--	--	--

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 722

1. Apakah nama bangunan ini?

2. Di manakah letaknya?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 722

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Ralat

Jawapan soalan Alai Pintar 719 keluaran 19 April sebetulnya, Bangunan Pejabat Pos, Besar Bandar Seri Begawan

Kepada, Ruangan Alai Pintar, 722, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN, JABATAN PERDANA MENTERI (Bahagian Kesihatan Cara Kerja, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pendidikan dan Promosi Kesihatan * Menyediakan bahan untuk aktiviti pendidikan kesihatan kepada majikan dan/atau pekerja seperti pemberian ceramah mengenai keselamatan di tempat kerja, pengagihan risalah yang berkaitan dan sebagainya.	14 hari

CERPEN

TERPANGGIL

OLEH SHANTI

"ASSOLATU Khairumminnaum! Assolatu Khairumminnaum ...! Sembahyang itu lebih baik daripada tidur. Sembahyang itu lebih baik daripada tidur ...!" Suara muazin yang berkumandang dari menara masjid beralun sayu, memecah keheningan pagi lalu mengusik tidur lenanya. Kalau ikutkan rasa hati mahu sahaja dia terus berdengkur di bawah selimut tebalnya. Tambahan pula cuaca pagi itu sejuk, kerana hujan lebat pada tengah malamnya. Tetapi dia sedar bahawa sembahyang itu lebih baik daripada tidur. Dia juga teringat satu hadis Nabi yang bermaksud apabila seseorang itu mendengar suara azan, tetapi dia tidak bangun untuk Sembahyang. Subuh maka syaitan akan menyelimutkannya sehingga kesiangan. Tetapi syaitan itu akan lari tercirit birit jika seseorang itu membaca. "Auzubillahiminasyaitanirrajim, Lahaulawalaquataillabillah". Maka dia pun membaca kalimat suci itu berkali-kali. Kini dia sudah bersedia hendak menyahut panggilan azan itu.

Tetapi ketika dia hendak bangun dari katilnya yang dilapis tilam empuk itu, tiba-tiba pinggangnya terasa sakit dan kesakitan itu dirasakan bagai menyerasap ke seluruh badannya. Dia mengerang sendirian sambil menahan kesakitan. Jejarinya yang lemah itu memicit-micit pinggangnya. Kemudian dia memicit-micit pula sendi lututnya yang juga terasa lenguh. Dia seperti tidak berdaya hendak bangun dari tempat pembaringannya. Haji Abdullah, bekas Imam Masjid Kampong Ulu Piasau melunjurkan kedua-dua kakinya dan cuba mengumpul kekuatan untuk melawan kesakitan itu.

"Pagi ini aku mesti sembahyang berjemaah di masjid," begitu tekad hatinya. Dia tahu sembahyang bagi orang lelaki ialah di masjid atau di tempat azan dilaungkan. Tetapi bagi wanita, sembahyang paling baik ialah di rumah, kerana itulah dia sebagai seorang lelaki memaksa dirinya datang ke masjid untuk sembahyang berjemaah.

Dari jauh dia dapat membayangkan orang ramai berduyun-duyun datang ke masjid. Mereka memenuhi setiap saf dalam masjid itu. Perempuan di bahagian belakang yang dilindungi oleh tabir yang diperbuat daripada kain, manakala kaum lelaki di bahagian depan. Sementara menunggu iqamah, masing-masing sibuk berzikir, membaca Al-Qur'an atau Sembahyang Sunat. Setelah iqamah mereka berdiri di belakang imam dan akan sama-sama mengaminkan Surah Al-Faatihah dan doa qunut yang akan dibaca oleh imam.

Gambaran itu menyeronokkan hatinya. Dia juga tidak mahu ketinggalan merasai ketenangan apabila melakukan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di masjid. Dia memejamkan mata dan ...

"Tidak!... Aku mesti bangkit dengan penuh tenaga. Aku mesti pergi ke masjid sekarang juga. Mesti ...!" Dia membentak kepada hatinya sendiri.

Selalunya dia sudah berada di masjid sebelum

azan dilaungkan. Itulah yang dilakukannya sebelum ini. Setiap pagi dialah yang membuka pintu masjid. Dialah yang memasang lampu dan dia jugalah yang membentangkan sejadah.

Tetapi pagi itu dia kesiangan. Dia dikejutkan daripada tidur lenanya oleh suara azan yang dilaungkan oleh Bilal Mamat.

Dia sedar bahawa dirinya masih dihormati oleh masyarakat di kampung itu. Dia pernah menjadi imam di masjid itu selama dua puluh lima tahun. Dia merasakan bahawa dia telah memberi sumbangan seikhlas hatinya, dan dia berazam akan terus menabur khidmat baktinya selagi diperlukan. Namun dia mula sedar sudah terlalu banyak kekurangan pada dirinya. Usianya telah menjangkau tujuh puluh lima tahun. Penglihatannya sudah mula kabur. Pendengarannya sudah jauh berkurangan. Giginya juga sudah banyak yang luruh sehingga terpaksa diganti dengan gigi palsu. Kerana itu dia tidak kecil hati bila



tempat digantikan oleh Haji Hamid.

Dia berpendapat sesiapapun boleh menjadi imam, asalkan cukup syaratnya. Kerana itu dia tidak tersinggung apa lagi untuk merasa marah. Dia sedar tugas seorang imam bukanlah mudah. Bila ada kenduri-kendara imam dipanggil untuk membacakan doa. Bila ada kematian imam juga dipanggil untuk menyempurnakan jenazah. Malah bila ada yang hendak berkahwin atau bercerai, imam juga turut campur tangan.

Dulu ketika usianya masih muda, badan masih sihat dan cergas, semua tanggungjawab itu dapat

disempurnakannya dengan lebih baik dan sempurna. Malah kalau di tengah malam khidmatnya diperlukan, dia sedia menunaikannya. Tetapi kini bila usia semakin tua, dia merasakan tenaganya tidak secergas dulu lagi. Sudah terlalu banyak kekurangannya. Namun dia sedar, walaupun dia tidak lagi menjadi imam, tetapi tenaganya masih diperlukan untuk menghidupkan suasana masjid itu. Kerana itulah walaupun dia tidak lagi menjadi imam, tetapi hatinya masih terikat ke masjid. Setiap kali masuk waktu sembahyang dia pergi ke masjid untuk sembahyang berjemaah. Baginya kebanyakan usia dan tenaganya tercurah di masjid itu. Dia pernah berkata kepada kawan-kawan seperjuangannya di kedai kopi yang berdekatan juga dengan masjid itu.

"Saya lebih sayangkan masjid ini daripada jawatan yang saya pegang sekarang," kata jujur dari Imam Masjid Kampong Ulu Piasau, Haji Abdullah.

Dia berpendapat jika ada yang berkelayakan dia sanggup menyerahkan

jawatan imam itu. Baginya jawatan imam bukan jawatan pusaka yang boleh dipegang sampai ke anak cucu. Bila-bila masa jawatan itu boleh diserahkan kepada orang lain. Kerana itulah walaupun dia tidak lagi menjadi imam, namun dia masih juga berulang-alik ke masjid untuk sembahyang berjemaah lima waktu. Dia tetap juga berusaha menjaga kebersihan masjid dan sekali-sekala bila Imam Hamid tidak datang dia ke depan menjadi imam. Dia tahu sikapnya itu amat menyayangkan para jemaah di masjid itu.

Selepas menyalin pakaian dan mengambil wuduk, Haji Abdullah melangkah kakinya perlahan-lahan menuju ke masjid. Walaupun pinggangnya masih terasa sakit dan lututnya sengal-sengal tetapi dia masih menggagahkan diri berjalan kaki, kerana itulah yang dilakukannya setiap hari. Dia berharap semoga setiap langkah kakinya, Allah Subhanahu Ta'ala akan menghapuskan dosanya dan menaikkan darjatnya. Dia hanya mengharapkan keredaan Allah.

Jarak antara rumahnya dengan masjid kira-kira lima puluh meter sahaja. Sambil berjalan kaki dia sempat melihat beberapa buah rumah yang berhampiran dengan masjid nampak terang-benderang menandakan penghuninya sudah terjaga, tetapi lebih banyak rumah yang terus bergelap menandakan penghuninya masih lena dibuai mimpi. Kedinginan pagi itu menyebabkan ramai yang tidak mampu mengangkat selimut yang membalut tubuh mereka. Sayup-sayup kedengaran ayam berkokok bersahutsahutan. Ayam sudah berkokok, namun masih ada manusia yang tidur lena. Dia menghela nafas panjang. 'Astaghfirullah'.

Sebaik sahaja kakinya melangkah masuk ke dalam masjid dia memberi salam lalu berniat iktiqaf. Dia tidak menghiraukan orang lain yang berada dalam masjid itu. Dia terus menuju saf di depan lalu mengerjakan Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid. Kemudian dia sembahyang sunat dua rakaat sebelum Subuh, kerana dia yakin sembahyang dua rakaat

SELEPAS menyalin pakaian dan mengambil wuduk, Haji Abdullah melangkah kakinya perlahan-lahan menuju ke masjid. Walaupun pinggangnya masih terasa sakit dan lututnya sengal-sengal tetapi dia masih menggagahkan diri berjalan kaki, kerana itulah yang dilakukannya setiap hari. Dia berharap semoga setiap langkah kakinya, Allah Subhanahu Ta'ala akan menghapuskan dosanya dan menaikkan darjatnya. Dia hanya mengharapkan keredaan Allah.

Kerajaan memandang serius kemerosotan penyu

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

MERAGANG, Jumaat, 21 April. - Sebanyak 10 ekor penyu dewasa dan 40 ekor anak penyu pelbagai jenis telah dilepaskan di Pantai Meragang sempena pelancaran Tahun Penyu 2006 yang juga merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah Program Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu Kebangsaan Brunei.

Aktiviti berkenaan juga bersempena dengan pelancaran Tahun Penyu 2006 yang bertujuan untuk mengurangkan ancaman-ancaman yang dihadapi oleh penyu dan juga bagi menggalakkan kesedaran serta sokongan orang ramai mengenai kehidupan laut ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, kerajaan sangat memandang serius kemerosotan penyu-penyu yang mendarat pada musim bertelur di pantai-pantai di negara ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Perairan Brunei yang terkenal dengan kawasan penghijrahan penyu selepas tertarik dengan kekayaan terumbu karang asli, pelantar minyak luar pantai dalam lingkungan perairan Brunei yang menyumbang kepada organisma pertum-

buhan laut seperti kerang lembut jadi makanan penyu.

Ini menyebabkan sekitar pada tahun 1960-an dan 1970-an, jumlah sarang penyu diperhatikan pada waktu malam ketika musim bertelur di Pantai Muara dan Belait antara 20 dan 30 sarang, tetapi kajian semasa menunjukkan hanya empat ke lima sarang dijumpai.

Jabatan Perikanan telah mengadakan ujian dan berjaya sepenuhnya dalam penetasan telur penyu secara pengeraman sejak tahun 1990, di samping mengadakan projek pengurusan pemuliharaan penyu untuk kesedaran terhadap ancaman pengurangan jumlah penyu yang bersarang di negara ini.

Tujuh spesies penyu yang dijumpai di seluruh dunia, hanya tiga spesies ditemui di perairan Negara Brunei Darussalam seperti Penyu Lipas, Penyu Sisik dan Penyu Kangkang.

Pelbagai usaha telah dirancang bagi memastikan keadaan dipulihkan semula selepas menyaksikan kurangnya jumlah penyu di seluruh dunia selain akibat tekanan semula jadi yang dihadapi oleh penyu menyebabkan berkurangnya telur penyu di seluruh dunia.

Orang ramai juga perlu memberi bantuan mening-

katkan jumlah penyu sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tidak membeli atau memakan telur penyu, tidak memusnahkan atau mengganggu kawasan habitat penyu.

Jabatan Perikanan juga menggalakkan orang ramai terutama penuntut sekolah menjadi sukarelawan dalam usaha bagi mencegah terhapusnya penyu di perairan negara ini dan memastikan kesinambungan penyu untuk generasi yang akan datang.

Program pelepasan penyu telah memainkan peranan yang penting sebagai alat memupuk kesedaran awam di mana sejak program tersebut dilaksanakan pada tahun 2001, kira-kira 8,000 biji telur yang dikutip dan diperamkan, sementara anak penyu berkenaan akan dilepaskan ke laut.

Pada Mesyuarat Ke-19 Menteri-menteri ASEAN Bagi Pertanian dan Perhutanan (AMAF) pada tahun 1997 telah mengeluarkan Memorandum Persefahaman (MOU) Mengenai Perlindungan dan Pemuliharaan Penyu di Lautan ASEAN.

MOU yang ditandatangani itu bertujuan untuk mempromosi perlindungan, pemuliharaan, penambahan dan penemuan semula serta habitat yang berlandaskan dengan bukti saintifik, mengambil kira persekitaran, sosioekonomi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, kerajaan sangat memandang serius kemerosotan penyu-penyu yang mendarat pada musim bertelur di pantai-pantai di negara ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

dan ciri-ciri budaya negara-negara ahli ASEAN masing-masing.

Sejak itu, Negara Brunei Darussalam dan negara ahli ASEAN yang lain telah menekankan secara aktif dalam pemuliharaan dan pengurusan penyu, sementara SEAFEC turut mengambil langkah dan memainkan peranan penting dalam pengurusan-nya di mana Kerajaan Jepun telah menyediakan dana bagi projek berkenaan sejak 1998.

SEKILAS INFO

PEMBUKAAN CAWANGAN JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA, DAERAH TEMBURONG

JABATAN Perancang Bandar dan Desa telah membuka cawangan baru di Daerah Temburong dan mula beroperasi sepenuhnya pada 13 April 2006 lepas. Cawangan ini beralamat :

Ketua Cawangan
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Daerah Temburong,
Bangunan PWD4
Jalan Batang Duri
Pekan Bangar, Temburong PD 1551
Negara Brunei Darussalam.

No. Telefon : 5221286/5221315 dan 5221296
No. Faks : 5221288

PENUTUPAN SEMENTARA PERPUSTAKAAN/PAMERAN PUSAT SEJARAH BRUNEI

MULAI 7 Mac 2006 Perpustakaan dan Pameran Jabatan Pusat Sejarah ditutup sementara bagi rujukan orang ramai. Penutupan dilakukan disebabkan proses kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahan bangunan baru jabatan ini yang dijangka akan siap pada awal tahun 2007.

Perkhidmatan rujukan perpustakaan jabatan ini akan dibukakan semula kepada orang ramai pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



SETIAUSAHA Tetap KKBS ketika menyaksikan pameran yang dipamerkan. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



SETIAUSAHA Tetap KKBS melepaskan seekor penyu ke pantai dalam usaha untuk memastikan kewujudan penyu di negara ini tidak pupus. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Dari muka 8

sebelum Subuh lebih baik dari dunia dan isinya.

Selesai memberi salam dia sempat berwirid, sementara menanti bilal iqamat. Dia tahu Sembahyang Fardu Subuh dimulakan kira-kira setengah jam selepas azan untuk memberi peluang orang kampung datang berjemah.

"Nampaknya Tok Imam masih tidak datang pagi ni ...," kata Bilal Mamat sambil berdiri di atas tikar sejadiah untuk memulakan iqamat.

"Malam tadi dia dijemput untuk berceramah di kampung seberang," balas

Haji Salleh sambil batuk-batuk. "Dia kesiangan agaknya."

"Siapa yang nak jadi imam Sembahyang Subuh pagi ni?" tanya Bilal Mamat lagi.

"Imam lama kan ada ...," balas Haji Salleh.

Kalau ikutkan rasa hati memang Haji Abdullah tidak mahu ke depan menjadi imam. Bukan kerana merajuk, tapi kerana kesihatannya tidak mengizinkan. Dia merasa lebih senang menjadi makmum sahaja. Tetapi bila memikirkannya Imam Hamid tidak datang dan juga kerana kepentingan sembahyang berjemaah maka dia berjanji perlahan menuju ke

depan. Selesai sembahyang, dia diminta pula oleh Bilal Mamat untuk memberikan Kuliah Subuh. Kami sudah lama tidak mendengar kuliah Tok Imam," kata Bilal Mamat. Dia memang tidak keberatan untuk memberikan kuliah kerana boleh dilakukan sambil duduk sahaja. Tetapi kalau Imam Hamid ada, memang dia tidak sanggup kerana bimbang menyinggung perasaan imam yang baru dilantik itu. Dan pagi itu dia menyentuh bab mengenai sembahyang berjemaah.

"Sembahyang berjemaah itu dua puluh tujuh kali lebih baik daripada sembahyang sendirian.

Sembahyang berjemaah juga hukumnya fardu kifayah. Kalau tidak dibuat maka seluruh ahli kariah berdosa. Kerana itu Nabi pernah hendak membakar rumah mereka yang tidak mahu sembahyang berjemaah," katanya memulakan Kuliah Subuhnya.

Dia juga menerangkan bahawa sembahyang itu tiang agama. Sesiapa yang mengerjakan sembahyang seperti menegakkan agama dan sebaliknya sesiapa yang meninggalkan sembahyang seperti meruntuhkan agama. Selesai saja dia memberikan Kuliah Subuh maka para jemaah itu pun bersalaman dan masing-masing mula hendak meninggalkan masjid.

Bila saja Haji Abdullah, bekas imam masjid itu hendak berdiri, tiba-tiba pandangannya kabur dan dia rebah di atas sejadiah. Para jemaah yang lainnya cuba memberikan pertolongan dan membacakan Surah Yaa Siin. Tapi kelihatan Haji Abdullah masih tidak sedarkan diri.

"Kita bawa saja Pak Haji ini ke rumah sakit," mohon Bilal Mamat pada para jemaah yang masih ada di masjid itu. "Dan Abang Man tolong bagitau isteri dan anaknya sekali ya."

"Ya ... ya ..., saya akan terus ke rumahnya sekarang," sahut pantas Abang Man salah seorang daripada jemaah tadi.

Apabila pihak pegawai perubatan dari rumah sakit sampai, salah seorang dari mereka mengesahkan bahawa Haji Abdullah telah dipanggil oleh Yang Maha Berkuasa. Haji Abdullah telah kembali ke rahmatullah.

DIA juga menerangkan bahawa sembahyang itu tiang agama. Sesiapa yang mengerjakan sembahyang seperti menegakkan agama dan sebaliknya sesiapa yang meninggalkan sembahyang seperti meruntuhkan agama. Selesai saja dia memberikan Kuliah Subuh maka para jemaah itu pun bersalaman dan masing-masing mula hendak meninggalkan masjid.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

LANGIT KITA ADALAH SAMA

Langit kita -
langit itu juga : Langit yang sama
tiada beza. Cuma degup jantungnya
kita tidaklah boleh berkongsi, namun
dasarnya masih itu juga, di mana
pada penghujung tujuan ...
kita tetap sejalan.

Jalan ini yang menentukan,
siapa dulu untuk sampai
menerima kemakmuran?
dengan debarannya yang kencang, sehingga
jika kita lemah maka habislah
jalan pun putus dan susah
untuk bangun lagi.

Jadi jangan lemah. Medan kita ada
dan modal pun juga - ada,
maka berjalanlah seiring
dalam debaran ini,
biar sama-sama nampak ... nun
di ufuk sana ... kegemilangan
bukan lagi khayalan.

Mereka dengan terbuka, telah menunjuk contoh
bagaimana sebuah 'kota raya' sedang berdiri
dengan langkahnya teguh, dan kata-katanya
juga bersuluh,
inilah agaknya ketampilan berkeramat untuk
alaf ini
siapa yang berfikir jauh, sedikitlah dia
mengeluh
dengan lebih banyak, kemahuan membangun
sehingga silau kita menyaksikannya.

Nampak-nampaknya yang paling penting itu
keberanian dan azam. Bukan modal semata.
Adalah khazanah itu perlu dibuka ... kerana
ini bukan membazir, tetapi berbelanja mana
yang wajar
sebesar mana pun ... asal berpatutan
untuk sebuah kota raya bernama tamadun
untuk sebuah kota raya milik kita.

Beginilah cara biasa,
sesiapa jua yang ada visi, dialah pemilik
malah pewarisnya, ya pewarisnya!
kerana kegemilangan itu bukan bergolek
tetapi dibina. Dengan harta dan minda
lagi jauh pandangan lagi nampak rahsia
bahawa sebutir intan itu bukan dikutip
di halaman.

Mereka bergerak kita pun bergerak
seharusnya begitu. Kerana ...
sama-sama ada bekal, untuk ke mana saja
kita mau
tinggal siapa yang cepat letih, berhentilah dulu
namun bukan mengalah. Kerana perjuangan itu
tidak ada noktahnya. Dalam apa pun
pendekatan yang bagus adalah
penerusan wawasan.

Bukan berfikir seperti si bakhil - yang
hanya takut berbelanja, sehingga
nafiri kehidupan ini, seperti tidak lagi berbunyi
walhal ia tetap nyaring
tetapi mengapa membatu?
kerana 'dalaman' yang lekeh tidak bermutu
bagaimana mungkin bangkit membawa
perubahan?

Inilah resam orang rugi bila berdepan dengan
keuntungan
mereka tidak mampu melihat rahsia kesempatan,
apa boleh buat, kalau begini keadaan
sampai bila pun rumah kita tetapih kajang
sedang orang lain di menara, tiada turun-turun
kerana mereka telah seronok dengan
pembangunan
sedang kita cuma mendongak menggigit jari?

Di manakah salahnya ini?
yang jelas, bukan salah ibu mengandung
hanya oleh takut yang memenjarai diri
sampai hilang 'daya maju' ... dan
kepala juga cuma sebuah balang ...
tempat menyimpan idea-idea usang
jadi di mana dan bilakah kita mungkin berubah?

Kita harap-haraplah baka bermutu ini
menjadi taman kreatif, yang tidak putus modal
dan juga tidak kering inisiatif ...
dan malah berani menjulang cita-cita
biar di hadapan banyak duri, kita ada
senjata pelembut
lembutkan duri-duri itu atau patahkan, nanti
terbentangle laut
kehidupan besar yang hebat, yang dengannya
akan mengakhiri semua rungutan.

Apabila sampai sa'at itu, rakyat pun bersorak
tidak usah lagi berbalik ke zaman beku
kami sudah seronok, ya seronok
ini bulan bintang sudah di tangan, jangan
lepaskan
jangan cuaikan, jangan abaikan, jangan
dan jangan
kerana kita ingin setara, benar-benar setara
dengan saudara-saudara kita ini: Qatar yang
kacak dan Dubai yang lawa.

Terapkanlah konsep 'langit sama' ini
selagi ada matahari, bukan kerana dengki,
tetapi memang kita ini punya ciri-ciri
kelayakan sebanding
berminyak dan bergas mereka, berminyak
dan bergas juga kita
hanya siapa cepat siapa lambat, ini saja
yang berbeza
mengapa berbeza? barangkali ada kaitan
dengan masalah dalaman, iaitu
'budaya berlumba' itu, belum lagi milik kita.

Nanti jika sama-sama sudah jadi pemilik
sama-sama cekal sama-sama pintar
mengubah nasib,
maka bolehlah senyum tanda puas ...
dan juga berzikirlah (malah ini yang asas)
bukan terbahak mendabik dada
kerana dikemudi itu tetap berdiri Maha Berkuasa
Dia menyuluh, siapa antara kita yang lebih
tawadhu' dan banyak
terima kasihnya?

Sesudah terbangun 'Daulah Kamakmuran'
maka awas! langkah yang mesti diambil
untuk kelangsungannya
pertama ialah dengan menginsafi ...
bahawa ini bukan kerja kita,
adapun tangan empat kerat, cuma wasilah
di mana Pendiri Mutlak itu adalah Allah.

Lihat juga jangan tidak-tidak
i'tibar Al-Qur'an yang 'ajaib
bagaimana umat-umat yang tersuhur
dengan kekuatan dan tamadun
namun kerana mereka ingkar + tidak bersyukur
mereka lebur! dan
menggailah mereka kubur-kubur sendiri,
dengan kezaliman.

Ini elemen 'zalim', kawan!
bukan membunuh saja
bukan menindas saja
bukan khianat saja
bukan tidak adil saja - malah
seluruh maksiat kepada Allah
adalah zalim namanya.

Oleh itu, awas! wahai Muslim
jauhkan diri dari racun zalim
racun ini berbisa - memusnahkan individu
racun ini berbisa - memusnahkan masyarakat
racun ini berbisa - memusnahkan umat
racun ini berbisa - memusnahkan kerajaan-
kerajaan
racun ini berbisa - memusnahkan
tamadun-tamadun.

Jadi ... kalau umat ingin bertahan lama
kalau bangsa ingin bertahan lama
kalau kerajaan ingin bertahan lama,
jangan hidupkan kezaliman!
jangan cetuskan kezaliman!
jangan promo kezaliman!
hentikan dan undur, jika ia sedang berlangsung!

Inilah syarat 'survival' yang diminta
bukan dengan menambah bangunan-
bangunan penjara

bukan dengan menambah pengintip-pengintip ...
tetapi tegakkan keadilan dan perkukuhkan
kekalkan takwa dan sebarkan
supaya jinak dan tunduk
semua yang bernyawa.

Jangan diulangi kesilapan-kesilapan lama
umat-umat Luth, Nuh, Thamud, 'Aad ...
mereka memanjat langit ..., tetapi tidak beretika
mereka hanya mahu semahunya, ya semahunya,
sehingga lupa, bahawa kemewahan hadiah Allah
telah disalahgunakan. Lalu datangnya
ketentuan dan hukuman menutup cerita.

Ini yang mahu kita lihat
jangan sampai sesat ...
kemajuan itu ada banyak likunya
ada liku ke timur, ada liku ke barat. Pun juga
liku ke jalan 'hak' ... di manakah kita?
liku manapun boleh. Namun yang mutlak
kita tidak lari dari Allah. Kita berdiri
di atas hukum-Nya.

Adi Rumi,
Qatar/Abu Dhabi & Dubai
16 - 17 April, 2006

TIDAK TAU

Aku tidak tau
yang dinamakan
Kota Metropolitan.

Apa kah berlaga bahu
senyum pun tidak mampu
atau buat tak tau
kerana masing-masing sibuk
mengejar waktu
senilai emas.

Seperti orang lain
ingin cepat mengisi ruang
yang tidak mau terisi
dengan perkara sia-sia.

Maya Brunei

CERITA TENTANG SESEORANG

Lahir seorang insan
terdengar tangisan si kecil
menangisi akan janjinya
kepada Tuhan ...

Dibesarkan bagai
menatang minyak yang penuh
diberi didikan setinggi langit
tetapi sayang ...

Menempuh onak duri di dunia
bak kapal tiada kemudi
umpama burung kepatahan sayap
tiada pegangan ...

Dirinya disaluti kemewahan duniawi
hatinya kosong ...
tiada nur
untuk menyuluh perjalanannya.

Tuhan itu Maha Menyayangi
tergerak naluri untuk menghampiri
tercelik mata hati
sebuah keajaiban ...

Hati kini telah bersih ...
tiada lagi keraguan ...
tiada lagi kegelisahan ...

Lidah mengucap Syahadah
hati semakin tenang
hidup kian teratur
dengan berpanduan As-Sunnah.

Syukur pada-Mu ya Allah ...

Briduanda

SEDARLAH

Dunia semakin tua
putaran zaman semakin pantas

akal manusia ...
naluri ...
dan ...
nafsu ...
masya-Allah.

Sana sini
laut darat
atas bawah
semua sama
harta pangkat
darjat kemuliaan ...
kuasa ...
menjadi impian
sehingga lupa
asal usul
lupa segalanya.

Tiada harta tiada pangkat
dipandang sebelah mata.

Berharta ..
berpangkat ...
berkuasa ...
dipandang mulia
meskipun tahu hanya topeng semata.

Adilakah hidup sebagai insan
adilakah hidup sebagai Muslim
adilakah ... Adilakah ...
renungkanlah wahai teman.

Teganya hatimu melihat
anak bangsamu kau singkir
bergelimpangan di sana sini
menangis tak berirama
sedarlah ...

ILMU

Zaman ini zaman kemodenan
semuanya jadi persaingan
tersisihlah insan ...
terasing dirimu ...
kerana lalaimu berpanjangan.

Isilah hati ...
penuhilah dirimu ...
dengan harta yang berharga
harta yang menjadi rebutan
harta yang menjadi persaingan ...
itulah dia ilmu pengetahuan.

Dengan ilmu insan terpuji
dengan ilmu insan berkuasa
dengan ilmu insan juga alpa.

Jadilah insan berilmu terpuji
bangunlah segera
tuntulah ilmu selagi terdaya.

ANTARA INTAN DAN KACA

Kini aku mengerti siapa diri ini
umpama jambatan sebagai penghubung
tiba ke seberang dipandang tidak.

Walau kutahu sedari mula
namun ...
tak kuhirau ...
kerana bagiku kaulah segalanya.

Mungkin salahku jua
meninggalkan si dia yang menyintaiku
sepenuh hati
sepenuh jiwa dan raga.

Kupilih dikau wahai yang berkilau
kerana kusangka kilauan intan
rupanya aku silap menilai
engkaulah kaca bukannya intan.

Sahibul



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 10 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.15	TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'
11.00	SCREECH OWL
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	CYBERCHASE SEASON 4
4.45	PRINCESS STARLA AND THE JEWEL
5.15	FAR FETCHED
5.45	BERITA
6.00	DRAMA - 'Menjejak Dalang'
6.26	AZAN MAGHRIB
6.45	SINAR SR. 2

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	MUZIK '05
7.39	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Wira'
9.30	JASAMU
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN ANTARABANGSA
11.00	LIFE WITH BONNIE YR. 1
11.30	DARK ANGEL YR. 2
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 11 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'
11.00	SCREECH OWL
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DRAMA - 'Matahariku'
12.18	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	IMPACT TV
1.30	JUST FOR VARIETY
2.30	PHILIPPINES MOVIES - 'Because Of You'
3.38	AZAN ASAR
3.43	PHILIPPINES MOVIES - Sambungan
4.15	ATOM YR. 1
4.45	DRAGON TALES
5.15	BEYOND 2000 SR. VII
5.45	BERITA
6.15	RECORD BREAKER
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.30	WARTA ISLAM 2006
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.30	WAYANG PILIHAN
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 12 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	PLAY WITH SESAME
10.45	FRANKLIN
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL 10
12.15	ART ATTACK
12.30	SEBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	HEAR AND SEE
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Agnie Prem'
3.39	AZAN ASAR
3.44	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	JALAN MENUJU ALLAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	DEKOR SR. 2
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	FIKIR FIKIR SR. 2
9.30	BIOLOGIC
10.00	NEWS AT 10
10.45	KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDrama - 'Bibik Oh Bibik'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 13 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	WHAT'S WITH ANDY?
10.45	HOLLY'S HEROES
11.15	DRAMA 'Jodoh'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD SPORT
12.18	AZAN ZUHUR

PETANG

12.30	PANGGUNG PETANG SABTU
2.15	DRIVE
2.45	ODD SPOTS
3.15	THIRD WATCH
3.39	AZAN ASAR
4.00	DRAGON ALIVE
5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL
5.30	CAITLIN'S WAY
5.45	BERITA
6.15	MUSLIM WORLD
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AQIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	2006 FIFA WORLD CUP IN GERMANY
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Hunt For Justice'
12.00	GROUNDED FOR LIFE - Siri Baru
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 14 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.15	RAMPAI PAGI -

Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus'
10.45	ACCORDING TO JIM
11.15	PADA SUATU HARI
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Durango Kids'
12.18	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	GILLETTE WORLD OF SPORT SR. 2
1.45	ASIAN X GAMES
2.25	JUARA 2006
3.15	SEMINAR HARI KEBANGSAAN
3.39	AZAN ASAR
3.45	PERTANDINGAN ZAINUL QUR'AN
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	SURVIVING ASIA
6.27	AZAN MAGHRIB
6.33	COLORS OF THE EAST

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Bayangan Di Waktu Fajar'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.30	LION IN WINTER
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 15 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	TELENOVELA - 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'
11.00	SCREECH OWL
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	KIDS HOUR: 'Squiggle'

Vision'

4.45	SCIENCE COURT
5.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
5.45	BERITA
6.00	WALKING WITH THE BEAST
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	LEGENDA
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Retak Setalam'
9.30	INFOSIHAT
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN GLOBAL
11.00	NATURAL WORLD -
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 16 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
11.00	SCREECH OWL
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	CEDRIC SR. 2
4.45	WHY WHY FAMILY
5.15	BODY AND SOUL
5.45	BERITA
6.00	KID SINAR
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-ISLAM

MALAM

7.00	DRAMA - 'Gerimis Senja'
7.30	DOKUMENTARI
7.41	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TINJAUAN
9.30	DRAMA - 'Bila Mama Pakai Celana'
10.00	NEWS AT 10
10.30	VERTIAS : THE QUEST
11.30	MISS MATCH YR. 1
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT



**JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI
KAMPONG BATU MARANG, MUKIM MENTIRI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TAWARAN KECIL JDBM/03/ 05/2006**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Bayaran \$30.00 (Ringgit: Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
4. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenal-pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :- MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI, KAMPONG BATU MARANG, MUKIM MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah:-

**Peti Tawaran,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat hari **Selasa, 30 Mei 2006 jam 2.00 petang.**

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI
KAMPONG SUNGAI LAMPAI, MUKIM KOTA BATU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TAWARAN KECIL JDBM/04/ 05/2006**

JUALAN LELONG ...



**JABATAN
PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa satu jualan lelong 5 buah peralatan / perkakas akan diadakan pada tempat, hari, tarikh dan masa yang dinyatakan seperti berikut:-

KETERANGAN BARANG

1. CANON - 630/64/MI/T16 NO 9B/173/99
2. CANON - AP360 - XF593
3. XERPX 575 - TYPE Y92
4. MANUAL TYPE (TRIUMPH - ADLER UNIVERSAL 275.
5. SHREDDER OLYMPIA 12150 - 4C

Pada hari **Selasa, 23 Mei 2006,**
Jam 9.00 pagi.

Bertempat di Bangunan Pejabat Kesihatan Anggerek Desa.

1. Jualan lelong berkenaan mempunyai syarat-syarat berikut:-

- (i) Barang-barang yang dilelong boleh dilihat di tempat yang disediakan.
- (ii) Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Bayaran \$30.00 (Ringgit: Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
4. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenal-pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:- MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI KAMPONG SUNGAI LAMPAI, MUKIM KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah:-

**Peti Tawaran,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat hari **Selasa, 30 Mei 2006 jam 2.00 petang.**

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

**MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI
KAMPONG MENUNGGOL LAUT, MUKIM KOTA BATU
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
TAWARAN KECIL JDBM/05/ 05/2006**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Bayaran \$30.00 (Ringgit: Sepuluh sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
4. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Bahagian

Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenal-pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:- MEMBINA BARU 1 BUAH JETI KONKRIT BAGI KAMPONG MENUNGGOL LAUT, MUKIM KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti di bawah:-

**Peti Tawaran,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat hari **Selasa, 30 Mei 2006 jam 2.00 petang.**

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JPI/02/2006

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 6 Jun 2006.**
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/ pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:- TAWARAN BAGI :-

**"SUPPLY, DELIVER, INSTALL AND COMMISSIONING A
COMPLETE LONGLINE FISHING SYSTEM
(REEL TYPE)".**

**Bilangan Tawaran: JPI/02/2006
Tarikh Tutup : 6 Jun 2006
Jam Tutup: 2.00 petang**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Program dan Projek Peindustrian, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; www.fisheries.gov.bn dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat 1, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari bekerja:-

Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
1.30 petang - 3.00 petang

5. Yuran tawaran sebanyak B\$ 50.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Pemiagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenal/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.
8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 11 Mei 2006.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/34/2006

**"SUPPLY AND DELIVERY OF RIGA-FLO CT 12/100
FILTER ELEMENT FOR GADONG POWER STATION"**

Tarikh tutup : **23 Mei 2006, hari Selasa jam 2.00 petang.**
Harga Tawaran: \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$25.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 6(f) dan 6 (g) dalam Kelas II, III, IV, V atau VI) sahaja.

